



**LAPORAN PENYATA RASMI
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGKAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 12

Rabu

23 September 2020

K A N D U N G A N

USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 1)

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN

BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 2)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara
(Pindaan) 2020 (Halaman 32)

Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020 (Halaman 67)

Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 (Halaman 88)

Rang Undang-undang Kaedah-kaedah
Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 (Halaman 103)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Rabu, 23 September 2020
Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi
DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

USUL

**WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN
DARIPADA PERATURAN MESYUARAT**

10.04 pg.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga telah selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, diputuskan dan diluluskan dan selepas itu, Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan ke satu tarikh yang tidak ditetapkan”

Timbalan Yang di-Pertua: Menteri?

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya walau apa pun peruntukan-peruntukan Peraturan Mesyuarat 11, Majlis Dewan Negara tidak akan ditangguhkan sehingga selesai semua urusan kerajaan yang tertera dalam *Aturan Urusan Mesyuarat* pada hari ini, diputuskan dan diluluskan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan kepada satu tarikh yang tidak ditetapkan.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

[Soalan nombor 1. YB. Datuk Haji Bashir bin Haji Alias tidak hadir]

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya minta penjelasan. Oleh sebab Yang Berhormat Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, bolehkah tidak soalan saya itu saya pangku? Maknanya tetap dikemukakan di dalam Dewan yang mulia ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: ...Saya mohon penjelasan daripada Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Kita sudahkan dahulu yang ini.

Baik Yang Berhormat Senator Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim.

2. Tuan Ir. Md. Nasir bin Hashim minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, cadangan penghapusan pusat-pusat perjudian haram di kawasan perumahan terutama di bandar-bandar.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang bertanya. Memang menjadi tanggungjawab pihak Kementerian Dalam Negeri melalui Polis Diraja Malaysia untuk mengambil perhatian yang serius bagi menangani masalah perjudian haram di dalam negara kita, sama ada yang melibatkan premis-premis haram dan juga perjudian secara *online*. Oleh sebab itulah, Ketua Polis Negara sentiasa mengeluarkan arahan-arahan tertentu supaya tindakan penguatkuasaan terhadap kegiatan jenayah judi haram ini dapat kita banteras di dalam negara kita.

Di antara lain, langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia adalah mengadakan operasi bersepadu bersama dengan agensi-agensi yang lain seperti SPRM dan juga pihak berkuasa tempatan serta mengambil tindakan undang-undang, penguatkuasaan undang-undang terhadap sindiket-sindiket, ketua sindiket dan individu-individu yang terlibat.

Ini sama ada kita lakukan di bawah Akta Rumah Judi Terbuka 1957, di bawah Akta Pertaruhan 1953 dan juga tindakan yang lebih keras yang kita ambil oleh pihak Polis Diraja Malaysia adalah mengambil tindakan undang-undang di bawah Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dan juga Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Pembiayaan Keganasan dan Hasil daripada Aktiviti Haram (AMLATFAPUA) 2001.

Bagi premis-premis yang mempunyai utiliti seperti tenaga bekalan elektrik dan juga bekalan air, pihak PDRM bekerjasama dengan pihak Tenaga Nasional Berhad supaya punca-punca bekalan elektrik ini dapat kita putuskan dan juga bekalan air dengan pihak Jabatan Bekalan Air. Jadi, judi secara *online* ini, pihak Menteri Kewangan telah menjemput pihak KDN untuk bersama-sama membincangkan supaya akta baharu atau satu undang-undang yang lebih kita perketatkan, atau kita tambah baik untuk kita menangani masalah judi secara *online*.

■1010

Izinkan saya jika dibenarkan oleh Timbalan Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, jumlah sindiket perjudian yang telah kita tumpaskan adalah 120 dan jumlah ketua sindiket atau ahli sindiket yang telah kita ambil tindakan di bawah POCA adalah seramai 240 orang. Jumlah ketua sindiket atau ahli sindiket yang kita ambil tindakan di bawah AMLA adalah empat orang dan juga premis perjudian yang telah kita batalkan permit perniagaan di bawah PBT adalah sejumlah 33.

Bilangan premis yang telah kita buat pemotongan dengan kerjasama pihak TNB adalah berjumlah 1,233, dan permohonan sekatan laman web yang telah kita lakukan adalah- laman web yang telah kita sekat di bawah SKMM adalah berjumlah 1,383 dan nilai wang yang telah kita rampas untuk tahun ini adalah berjumlah RM4.9 juta iaitu menghampiri RM5 juta. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said, Yang Berhormat Menteri kita dan ada...

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan daripada saya- Tuan Yang di-Pertua, di sini... [*Mengangkat tangan*].

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Ir. Md. Nasir bin Hashim: Soalan saya, adakah kerajaan akan menggubal undang-undang yang lebih ketat kepada mereka yang terlibat dalam kegiatan haram ini seperti merotan dan sebagainya? Ini kerana, yang saya lihat sekarang ini, undang-undang yang ada adalah terlampau lembut dan dengan cara mendenda mereka ini semacam tidak efektif sangat. Sekian.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang sepertimana yang telah saya sebutkan tadi, kita pihak Kementerian Dalam Negeri sentiasa memperhalus dan berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan yang telah mengeluarkan lesen dan juga PBT yang mengeluarkan lesen perniagaan bagi sesuatu aktiviti perniagaan.

Kita juga telah berbincang dengan Menteri Kewangan, Kementerian Kewangan iaitu perjudian secara *online* mesti kita perketatkan, kita tambah baik daripada segi

perundangan. *Insyah-Allah* Yang Berhormat Senator, satu pandangan yang baik untuk kita rotan kepada mana-mana pihak yang terlibat dengan judi haram ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat, sila.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Terima kasih. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Persoalan saya ialah berkenaan dengan hal yang berkaitan dengan pusat perjudian haram ini. Timbul tohmahan daripada kalangan masyarakat kerana kadang-kadang *report* yang dibuat terhadap polis-polis yang berdekatan ataupun pihak berkuasa yang berdekatan, tiba-tiba tindakan itu tidak boleh diambil. Kadang-kadang terpaksa datangnya daripada pihak yang berjauhan untuk ambil tindakan. Jadi, apakah benar dakwaan yang berlaku selama ini terhadap kegiatan judi haram ini? Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih kepada tok guru saya, Yang Berhormat Senator. Kita memandang serius bagi mana-mana anggota kita di lapangan sebagai penguat kuasa undang-undang yang terlibat dengan memberi maklumat-maklumat tertentu bila kita ingin mengadakan penguatkuasaan undang-undang seperti operasi dan sebagainya. Kita tidak akan bertolak ansur.

Oleh sebab itulah isu-isu mengenai perjudian ini kita ambil tindakan yang tegas dan kita mestilah bekerjasama seperti agensi yang saya sebutkan awal tadi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan juga yang melibatkan mengeluarkan lesen perniagaan, pihak berkuasa tempatan dan juga SKMM yang kita mesti sekat daripada segi akaun-akaun yang terlibat dengan perjudian secara *online* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi? Kalau tidak ada, terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said. Beliau telah menjawab persoalan kita nombor dua tadi. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya pergi pula kepada Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip. Dipersilakan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: *Bismillahi Rahmani Rahim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya, saya mulakan dengan pantun,

*Paya Rumput Sungai Udang;
Boleh tangkap ikan pelaga;
Speaker menjemput soalan mendatang;
Soalan saya nombor tiga.*

Timbalan Yang di-Pertua: Oh, terima kasih.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nombor tiga.

3. Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, apakah langkah jangka pendek dan panjang bagi menyelesaikan masalah parkir khususnya melibatkan kediaman flat di Kuala Lumpur.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Terima kasih atas soalan tadi. Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid, langkah-langkah jangka pendek yang diambil adalah DBKL menguatkuasakan peraturan satu unit kediaman satu letak kereta iaitu di Tempat Letak Kereta (TLK) dari tahun 2015 untuk semua.

Berdasarkan Garis Panduan Perancangan Keperluan Tempat Letak Kenderaan WPKL 2015, GPP TLK 2015 iaitu garis panduan kepada semua jenis kediaman bertingkat yang dibina selepas tahun 2015 seperti rumah pangsa kos rendah, rumah pangsa kos sederhana, rumah mampu milik dan juga rumah kos tinggi melalui syarat di bawah Perintah Pembangunan atau *Development Order*.

Keduanya, DBKL juga menyegerakan pembinaan Tempat Letak Kereta Bertingkat (TLKB) di kawasan yang berhampiran dengan flat. Butiran, 14 TLKB dengan sejumlah 7,784 lot parkir dalam jangka pendek adalah seperti berikut:

- (i) sembilan TLKB telah siap dengan parkir sejumlah 4,649 lot parkir;
- (ii) tiga TLKB dijangka siap dan beroperasi pada awal tahun 2021 dengan sejumlah 2,420 lot parkir; dan
- (iii) dua TLKB dalam perancangan atau awal pembinaan dengan jangkakan sebanyak 715 lot parkir akan dibina.

Untuk menggalakkan mereka menggunakan kemudahan ini, pada masa ini pengguna diberikan diskaun sebanyak 50 peratus iaitu RM30 sebulan sebagai bayaran ke atas pas bulanan. Bayaran sebenarnya adalah berjumlah RM60 sebulan dan ia akan mula dikenakan pada tahun 2021. Caj minimum ini dikenakan selaras dengan kos penyelenggaraan bangunan TLKB. DBKL juga akan meletakkan nombor unit kediaman di lot parkir TLKB bagi mengelakkan monopoli parkir-parkir tersebut oleh unit yang mempunyai kenderaan yang melebihi daripada satu.

Ketiganya, dalam jangka pendek, DBKL juga mengambil tindakan penguatkuasaan undang-undang seperti mengeluarkan kompaun dan juga tindakan mengalih kenderaan yang menghalang laluan yang tersadai di lot parkir. Di setiap cawangan, kita ada seramai 11 petugas penguat kuasa. Pada tahun 2019 sahaja, sebanyak 2,196 buah kereta dan 507 buah motosikal yang buruk yang tersadai telah pun diangkut. Pada bulan Januari hingga

25 Ogos 2020, sebanyak 1,062 buah kereta dan juga 190 buah motosikal tersadai telah pun dialihkan. Bagi halangan petak letak kereta di flat, tindakan diambil berdasarkan aduan iaitu tahun 2019 adalah 159 tindakan dan sehingga Ogos 2020, adalah 77 tindakan.

Langkah jangka panjang pula, DBKL mengkaji perancangan dan keperluan lebih banyak TLKB di sekitar kawasan kediaman bertingkat. Kriteria dalam memilih kompleks tempat letak kereta bertingkat adalah wujud keperluan yang tinggi dan terdapat tapak yang berdekatan serta sesuai dengan PPR ataupun PA termasuklah milikan tanah dan keutamaan diberikan kepada tanah milik Datuk Bandar.

Keduanya, dalam strategi jangka panjang adalah DBKL akan mengkaji perancangan dan keperluan pembangunan semula PA ataupun PPR dengan memastikan pembinaan tempat letak kereta yang mencukupi berdasarkan peraturan satu unit kediaman satu tempat letak kereta. DBKL mengkaji pembangunan semula bagi 11 PA dan PPR berikut iaitu:

- (i) PA Seri Johor;
- (ii) PA Seri Pulau Pinang;
- (iii) PA Seri Melaka;
- (iv) PA Taman Ikan Mas;
- (v) PA Seri Labuan;
- (vi) PA Seri Pahang;
- (vii) PA Loke Yew;
- (viii) PA Seri Sarawak
- (ix) PA Setapak Jaya 1A;
- (x) PA Seri Perlis 1; dan,
- (xi) PA Seri Perlis 2.

Langkah ketiga dalam jangka panjang adalah penyediaan sistem pengangkutan yang bersepadu di kawasan perumahan flat di Kuala Lumpur termasuklah perkhidmatan bas percuma Go KL iaitu di laluan *first mile* untuk membawa penghuni yang tinggal di PPR dan juga PA ke stesen transit rel seperti sistem Transit Aliran Massa (MRT) dan juga sistem Transit Aliran Ringan (LRT), dan juga KTM Komuter.

■1020

Pada masa ini, kita ada program My30 ataupun hanya RM30 untuk perjalanan tanpa had selama 30 hari untuk semua perkhidmatan rel dan juga bas Rapid Kuala Lumpur iaitu termasuk MRT, LRT, monorel, Bus Rapid KL (BRT), dan juga *bus feeder* MRT.

Sehingga 16 September 2020, perkhidmatan bas percuma laluan *first mile* telah pun memberikan perkhidmatan kepada tujuh kawasan PPR dan enam kawasan PA yang meliputi 11,021 buah rumah dengan anggaran 44 ribu orang penduduk. Bas GoKL pula

iaitu laluan *first mile* juga memberikan perkhidmatan sekurang-kurangnya kepada 10 kawasan tumpuan penduduk B40. Bagi kategori pelajar sekolah, Program *MySchool Bus* menawarkan perkhidmatan bas sekolah percuma bagi kawasan PA dan juga PPR dengan perumahan swasta kos rendah dan juga di sekitar Wilayah Persekutuan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Saya mohon soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan yang agak memuaskan saya. Namun, saya ingin bertanya. Saya tertarik dengan penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi bahawa masalah tanah menjadi hambatan, maknanya kerajaan sedang melihat kawasan yang sesuai untuk dibangunkan parkir bertingkat.

Akan tetapi bolehkah tidak, pada masa hadapan dalam masa kerajaan mahu membangunkan rumah-rumah pangsa ini, mengambil kira bahawa kalau tanah menjadi hambatan, tanah keliling menjadi hambatan, bolehkah tidak dibuat *parking* bawah tanah, dan *parking* bertingkat. Maknanya, saya kira itu boleh membantu untuk menyelesaikan masalah. Apakah pandangan Yang Berhormat Timbalan Menteri dalam hal ini? Terima kasih.

Dato' Seri Dr. Santhara: Yang Berhormat Senator, seperti yang saya maklumkan tadi adalah tanah yang bersesuaian, kita akan berikan keutamaan kepada tanah Datuk Bandar dan juga pada masa ini Yang Berhormat Menteri juga telah meminta DBKL untuk mengkaji tanah-tanah milik swasta juga yang boleh dibeli dan juga dibangunkan dan ia dalam perancangan.

Mengenai sama ada buat masa ini kita membina bertingkat di atas tanah, maka cadangan diberikan adalah di bawah tanah seperti dalam PSKL 20 ataupun Pelan Struktur Kuala Lumpur 2040, perancangan TLK bawah tanah sedang dalam proses kajian kerana kita juga mengambil kaedah di mana kecerunan, banjir dan juga sebagainya tetapi ia adalah di bawah peringkat kajian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada lagi?

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, ada satu soalan lagi menarik fasal Kuala Lumpur ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Yang Berhormat Timbalan Menteri, di KL ini banyak terdapat parkir ataupun tempat simpan kereta *private* yang ada juga dikendalikan oleh

foreigners, orang-orang luar. *Bangka* kah, *Nepal* kah semua. Jadi dalam konteks yang adakah DBKL mengawal kadar yang dikenakan sebab ada kadar *by hour*, kadar *by entry* dan juga adakah DBKL juga mengawal tatacara keselamatan, menjamin supaya orang yang pergi letak kereta itu keretanya tidak hilang dan sebagainya. Adakah mereka ini pula dikenakan cukai oleh DBKL atas kutipan yang dibuat? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Timbalan Yang di-Pertua Yang Berhormat Senator. Sila.

Dato' Seri Dr. Santhara: Walaupun soalan yang ditanyakan ini adalah mengenai *flat* dan DBKL hanya mempunyai kuasa untuk tempat letak kereta ini di dalam PPR dan juga PA. Soalan yang ditanyakan tadi adalah mengenai parkir swasta. Maka untuk parkir swasta ini, selain daripada DBKL memberikan *Development Order* untuk membina dan juga sebagainya, DBKL tidak menetapkan caj dan juga sebagainya kerana itu adalah di luar bidang kuasa DBKL. Itu adalah parkir swasta.

Kedua, mengenai keselamatan di dalam parkir-parkir dalam DBKL iaitu di PPR dan juga PA dan juga mana-mana parkir bertingkat yang kami adakan di kawasan bandar, kita telah memastikan adanya sistem CCTV dan juga keselamatan dan sebagainya. Untuk parkir swasta ini, saya difahamkan bahawa KDN dan juga polis ada menetapkan syarat-syarat dan juga sebagainya dan soalan itu lebih elok dijawab oleh kementerian yang berkenaan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi? Baik, terima kasih Yang Berhormat Dato' Seri Dr. Santhara, Timbalan Menteri Wilayah kita.

Sekarang kita pergi kepada Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah. Silakan.

4. Dr. Ahmad Azam bin Hamzah minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk mengembangkan unit-unit pakar ke hospital-hospital besar negeri-negeri seperti Unit Urologi, Unit Kardiologi dan Unit Onkologi.

Timbalan Menteri Kesihatan II [Datuk Aaron Ago Dagang]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan urologi, kardiologi dan onkologi telah pun disediakan di hampir ke seluruh hospital Kementerian Kesihatan Malaysia yang bertaraf hospital negeri di seluruh Malaysia. Keperluan untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif dan lengkap bagi perkhidmatan urologi, kardiologi dan onkologi memerlukan peruntukan yang besar, tenaga pakar yang terlatih serta anggota klinikal sokongan, penyediaan infrastruktur termasuk makmal, dewan bedah dan peralatan yang berteknologi tinggi.

Perkhidmatan onkologi yang disediakan adalah merupakan perkhidmatan yang ditawarkan secara *regional*. Pada masa ini hanya lima zon yang mempunyai kepakaran

tersebut melalui enam buah pusat rawatan kanser di Malaysia iaitu Institut Kanser Negara, Hospital Kuala Lumpur, Hospital Pulau Pinang, Hospital Sultan Ismail di Johor Bahru, Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah di Likas dan Hospital Umum Sarawak di Kuching.

Selain itu, perkhidmatan rawatan kemoterapi untuk pesakit kanser juga ada disediakan di 37 buah hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara. Bagi perkhidmatan kardiologi terdapat 10 buah hospital Kementerian Kesihatan yang mempunyai pakar residen di dalam bidang kepakaran kardiologi dengan perkhidmatan meliputi kesemua enam zon utama.

Melalui inisiatif kluster sebanyak empat hospital lagi turut menerima akses kepada kepakaran ini. Manakala 18 hospital lagi mendapat perkhidmatan lawatan pakar kardiologi secara berkala. Selain itu, perkhidmatan rawatan awal jantung disediakan di kesemua hospital Kementerian Kesihatan di seluruh negara oleh pakar perubatan am dan pegawai perubatan.

Demi mempertingkatkan perkhidmatan dan menampung perkhidmatan pesakit jantung, tiga buah lagi pusat jantung sedia ada iaitu Hospital Serdang, Hospital Sultanah Bahiyah di Alor Setar dan Hospital Queen Elizabeth II di Kota Kinabalu akan menerima pertambahan satu Makmal Invasif Kardiologi atau ICL.

Kementerian Kesihatan Malaysia juga turut mempunyai perancangan untuk mengembangkan perkhidmatan urologi ke negeri Perak, Melaka, Terengganu dan Negeri Sembilan termasuk negeri Sabah khususnya di Daerah Sandakan atau Tawau. Buat masa ini terdapat 21 pakar bedah urologi yang ditempatkan di 10 buah hospital.

Dari segi sumber manusia, hanya 10 persen sahaja daripada 300 orang pakar kardiologi di seluruh Malaysia yang berkhidmat dengan hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala selebihnya memberikan perkhidmatan di hospital-hospital swasta dan universiti. Terdapat 78 pelatih sedang menjalani latihan kepakaran kardiologi dan akan berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia serta menyumbang kepada perkembangan perkhidmatan.

Manakala bagi perkhidmatan onkologi terdapat 35 orang pakar iaitu 26 peratus daripada 133 pakar onkologi seluruh Malaysia berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Manakala, selebihnya memberikan perkhidmatan di hospital-hospital dan universiti swasta. Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk meningkatkan bilangan pakar onkologi di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, iaitu seramai 80 orang lagi. Ini akan memberi *ratio* lapan kepada 1 juta orang bagi perkhidmatan onkologi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dr. Ahmad Azam bin Hamzah: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan. Kalau mengikut statistik sehingga awal tahun ini, lebih kurang 45,680 orang mengidap sakit jantung. Statistik pada tahun 2010 seramai 9,371 orang meninggal. Ini lebih teruk daripada COVID-19 dan 2019, 18,267 pesakit meninggal disebabkan oleh sakit jantung. Jadi kalau kita lihat daripada statistik ini, lebih kurang peningkatan selama sembilan tahun ini sebanyak 100 peratus kadar kematian.

■1030

Di samping itu, umur penghidap- kalau kita bandingkan beberapa negara kita adalah antara yang terendah. Contohnya Kanada umur pesakit yang menghidap penyakit jantung adalah berumur 68 tahun, Thailand berumur 65 tahun, China berumur 63 tahun, Amerika Syarikat berumur 66 tahun, *Singapore* berumur 61 tahun dan Malaysia berumur 58 tahun sahaja. Jadi kalau kita lihat statistik ini, masalah jantung di samping kita tahu sejak beberapa tahun kebelakangan ini adalah menjadi penyebab utama kadar kematian tinggi di Malaysia.

Jadi, saya ingin tahu di hospital-hospital, sebagaimana soalan saya, hospital negeri terutamanya. Saya ingin tahu spesifik Hospital Tuanku Jaafar Seremban, adakah mempunyai pakar kardiologi, bukan pakar perubatan tetapi pakar kardiologi sebab sekiranya penyakit jantung yang *acute* ini apabila datang ke hospital, tidak mendapat rawatan yang betul, penyakit jantung ini akan menjadi penyakit kronik, iaitu penyakit yang berpanjangan. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Senator. Soalan tadi adalah- okeylah kalau kita mengikut statistik memang benar apa yang terjadi berkenaan dengan masalah sakit jantung ini. Di Seremban saya minta maaf di sana mungkin tidak ada pakar kardiologi. Cuma kita ada di 10 hospital utama di Malaysia ini yang mempunyai pakar kardiologi yang berkhidmat untuk masalah-masalah penyakit jantung ini. Terima kasih.

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhammad Zahid bin Md. Arip: Terima kasih- ada masalah? Tidak ada. Okey. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi kalau statistik yang di bangkitkan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dr. Azam dan jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri bahawa daripada 300 orang pakar kardiologi yang kita ada dalam negara, seramai 200 berkhidmat dengan hospital swasta dan seramai 100 orang berkhidmat dengan- tidak sampai 100 orang yang berkhidmat dengan kerajaan.

Apakah masalah yang menyebabkan pakar-pakar ini tidak berminat bekerja dengan kerajaan dan berminat bekerja dengan swasta? Apakah langkah-langkah yang boleh diambil oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menarik mereka ini berkhidmat dengan kerajaan.

Pada kes-kes tertentu misal kata kita perlukan kepakaran mereka, pakar yang kita ada berada bertugas di tempat lain. Ada *urgent* kes-kes kecemasan yang memerlukan mereka datang. Apakah ada undang-undang atau kuat kuasa yang boleh mereka faham, mereka datang untuk *national service* dan sebagainya. Saya minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Datuk Aaron Ago Dagang: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Memang inilah satu masalah besar hospital-hospital kita di Kementerian Kesihatan Malaysia. Masalah 10 peratus daripada pakar kardiologi ini bekerja dengan hospital Kementerian Kesihatan dan disebabkan mereka ini- kebanyakan mereka ini kalau sudah menjadi pakar, ramai di antara mereka akan *resign* dan pergi ke hospital-hospital *private* oleh sebab di sana memang gaji mereka lagi besar. Mungkin- itulah penyebab-penyebab utama.

Jadi, dalam hal itu saya ingat memang jadi masalah besar bagi kita walaupun kita ini dalam segi kardiologi ini kita sekarang ini telah memberi *training* seramai 78 orang- *extra* lagi untuk berkhidmat selepas mereka tamat, untuk berkhidmat di hospital Kementerian Kesihatan Malaysia. Jadi kementerian ataupun kerajaan mempunyai beberapa inisiatif supaya mereka ini dapat tinggal dan bekerja lebih lama dengan kita. Langkah-langkah yang kita ada adalah dikatakan inisiatif pakej *internship* pakar dan satu daripadanya ada beberapa di sini.

Satu daripadanya ialah kita memberi kelonggaran satu hari seminggu untuk mereka bekerja itu dikatakan *flexi working hours*, dengan izin. Mereka juga boleh pergi ke hospital-hospital lain, hospital swasta untuk berkhidmat dan mengambil upah terutamanya pada hujung minggu dengan bayaran dalam RM200 sejam. Akan tetapi semua ini memerlukan *approval* daripada Kementerian Kesihatan.

Kita juga mengadakan kenaikan pangkat kepada mereka ini secara automatik selepas mereka berkhidmat dengan kita. Sebagai contoh, daripada Gred UD54 kalau mereka sudah berkhidmat dalam tempoh lima tahun dia akan secara automatik pergi ke Gred UD56. Mereka diberi peluang untuk melatih dan menghadiri kursus jangka pendek dalam sub kepakaran. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan yang telah menjawab dengan baiknya. Sekarang kita jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Tuan Ismail bin Yusop: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Bagai lagu dan irama;
Soalan saya nombor lima.*

5. Tuan Ismail bin Yusop minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, langkah-langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengawal harga barangan susulan kadar inflasi yang meningkat.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Sorong papan di Gunung Daik;
Ini jawapan, dengar baik-baik [Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sedia maklum bahawa kesan dan kadar inflasi yang tinggi memberi impak negatif kepada seluruh pengguna di Malaysia terutamanya apabila inflasi ini menyumbang kepada kenaikan harga. Cuma kebelakangan ini kita agak beruntung laporan daripada Jabatan Statistik Negara mengatakan bahawa kadar inflasi kita daripada Januari hingga Julai menguncup sebanyak 0.9 peratus. Pada Julai sahaja, ia menguncup sebanyak 1.3 peratus.

Oleh yang demikian, bagi memastikan kenaikan harga dapat diminimumkan, kementerian sentiasa proaktif menjalankan pemantauan aktiviti manipulasi harga melalui penguatkuasaan Akta Kawalan Harga Antipencatutan 2011. Antara langkah-langkah yang diambil ialah pemantauan dan penguatkuasaan di peringkat pengedaran, pembekalan barangan dan perkhidmatan, pemeriksaan tanda harga ke atas barang yang dijual, melaksanakan skim harga maksimum musim perayaan iaitu sempena Hari Raya Aidilfitri, Pesta Keamatan dan Hari Gawai baru-baru ini dan juga mengadakan program libat urus serta meningkatkan keberadaan pegawai-pegawai penguat kuasa di premis-premis perniagaan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Baik, soalan tambahan.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah salah satu faktor yang menjadi norma baharu dalam pasca pandemik COVID-19 ialah yang mempengaruhi harga barang dan kadar inflasi ialah sikap pengguna atau, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *consumer behaviour* ini. Contohnya, *panic buying* dan itu menyebabkan berlaku manipulasi harga barang. Salah satu fungsi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Kepenggunaan ini ialah untuk menggalakkan dan membantu galakan kepenggunaan.

Jadi soalan saya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah advokasi yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi membantu supaya ada kebijakan dari segi, dengan izin *consumerism* ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Satu soalan yang baik yang ditanya oleh Yang Berhormat, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita mengakui bahawa ada sedikit *panic buying* selepas kerajaan mengisytiharkan PKP fasa pertama baru-baru ini.

■1040

Ia berpunca daripada sikap pengguna yang terlalu percaya kepada media sosial, kepada *WhatsApp*, kepada *Facebook*, *Instagram* dan sebagainya. Ketika itu, kita mengambil peranan dan tindakan dengan menyebarkan rakyat bahawa rakyat tidak perlu bimbang kerana keberadaan barangan keperluan mencukupi dan kita memastikan dengan kerjasama kementerian-kementerian terutamanya Kementerian Pertanian, meyakinkan rakyat bahawa apa yang dikehendaki oleh rakyat dipenuhi ataupun berada dalam pasaran.

Apa yang berlaku, cuma *panic buying* berlaku di sekitar bandar besar. Saya difahamkan berlaku sedikit di Kuala Lumpur, di Pulau Pinang dan sedikit di Kuching. Malangnya, ketika selesai sahaja minggu pertama selepas daripada PKP pertama itu, kita dapat lihat banyak roti-roti jenis *Gardenia* yang dibuang ke dalam tong sampah. Jadi, ini adalah pembaziran yang berlaku.

Jadi sebab itu, saya nasihatkan rakyat supaya lebih rasional terhadap apa sahaja tindakan, jangan terpengaruh dengan media sosial yang kadang-kadang mereka ini sekadar *hearsay*. Percayalah kepada media yang bertanggungjawab iaitu media-media kerajaan. Jadi, dengan itu, sekurang-kurangnya akan memastikan bahawa pendidikan kepenggunaan dapat dijalankan di kalangan masyarakat. Satu lagi ingin saya nyatakan di sini bahawa dalam hal untuk memastikan harga barang terkawal atau harga barang tidak meningkat, kita mengadakan harga kawalan barang.

Kerajaan juga amat prihatin dengan memberikan subsidi kepada harga-harga barang keperluan seperti minyak masak, gas LPG, tepung, gula dan juga penyeragaman harga barang untuk Sabah dan Sarawak. Ini kerana kita tahu bahawa mereka yang berada di kawasan *remote areas* amat merasa beban dengan barang-barang yang terlalu tinggi nilainya. Oleh sebab itu, di bawah kerajaan yang prihatin ini, kita memahami denyut nadi rakyat. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi soalan, tidak ada? *Alright*. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih Yang Berhormat.

Sekarang saya pergi pula kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili. Silakan.

6. Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, prestasi liputan terkini perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi seluruh daerah di Sarawak dan sejauh mana usaha dipergiatkan untuk merapatkan jurang digital negeri Sarawak dan negeri di Lembah Klang.

Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Datuk Zahidi bin Zainul Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi, nama serupa. Statistik terkini liputan perkhidmatan jalur lebar mudah alih di kawasan penduduk daerah di Sarawak sehingga suku kedua tahun 2020 adalah seperti berikut.

Saya sampaikan data ini panjang sedikit, sebab apa, Yang Berhormat Senator tanya antaranya jurang antara Lembah Klang dan Sarawak. Lembah Klang ini kecil tetapi Sarawak ini besar, jadi saya hendak cerita Sarawak ini. Akan tetapi, ada kawasan-kawasan yang liputannya okey tetapi ada kawasan yang liputan tidak okey, sudah disampaikan dalam Dewan Rakyat.

Antaranya, saya baca pertama sekali 3G dan 4G. Asia Jaya, ia di bandar 87.3 peratus, 4G sebanyak 84.3 peratus. Bau sebanyak 89.71 peratus, di Balaga- Balaga ini agak rendah dan di kawasan tersebut hanya 30.5 peratus untuk 3G, dan juga 20.16 untuk 4G, ini agak lemah. Betong, sebanyak 69 peratus lebih kurang di antara dua-dua, Bintulu pun okey 72 peratus, Dalat sebanyak 73 peratus, Daro sebanyak 72 peratus, Julau agak rendah sebanyak 23.59 peratus, ini agak rendah, amat rendah.

Kanowit, sebanyak 48.57 peratus, Kanowit pun rendah juga. Kapit sebanyak 32.31 peratus sahaja. Kuching di bandar sebanyak 94.61 peratus, Lawas sebanyak 60 peratus, Limbang sebanyak 59.46 peratus, Lubok Antu sebanyak 43 peratus. Lubok Antu agak rendah sebab itu kawasan pedalaman. Lundu sebanyak 69 peratus dan Marudi hanya 34 peratus.

Ini adalah kawasan-kawasan yang saya ambil contoh antara yang agak tinggi dan juga yang agak rendah dan terlalu rendah. Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa berusaha untuk menambah baik kualiti perkhidmatan komunikasi di seluruh negara. Bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan di Sarawak, sebanyak 31 buah menara baharu sedang dalam peringkat pelaksanaan bagi penyediaan jalur lebar mudah alih 4G. Semua menara ini dijangka siap dan beroperasi secara berperingkat bermula suku pertama tahun 2021.

Di bawah Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) yang diumumkan pada 29 Ogos 2020 oleh Perdana Menteri, sejumlah 636 buah menara baharu yang akan dibina di negeri

Sarawak. Pembinaan menara-menara berkenaan akan dijalankan di bawah Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (PPS) bagi memperluaskan liputan jalur lebar mudah alih dengan teknologi 4G. Manakala, sebanyak 1,043 alat pemancar telekomunikasi sedia ada akan di naik taraf melalui Program PPS juga. Ini antara kawasan-kawasan yang teruk, maknanya kita ada program untuk kita baik pulih.

Selain itu, pihak pemain industri juga akan membina sebanyak 49 buah menara baharu serta menaik taraf 825 alat pemancar komunikasi yang sedia ada secara komersial. Perhatian juga diberikan kepada perkhidmatan jalur lebar talian tetap di mana jumlah 43,013 premis kediaman dan komersial akan tersedia dengan capaian Internet melalui teknologi gentian optik. Jumlah ini diselaraskan dari semasa ke semasa.

Walau bagaimanapun, usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara bagi merapatkan jurang digital di antara kawasan bandar dan luar bandar bukan sahaja melibatkan Kerajaan Persekutuan malah memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk di peringkat kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk memudahkan proses-proses perolehan dan kelulusan tapak terlibat. Makna, kelulusan tapak pembinaan menara dan sebagainya memerlukan kelulusan dan juga kerjasama kerajaan negeri.

SKMM akan terus bekerjasama dengan agensi kerajaan negeri iaitu *Sarawak Multimedia Authority*. Di Sarawak, dia ada *Sarawak Multimedia Authority*, berbeza dengan negeri lain maka ia perlu kerjasama bagi pihak kerajaan negeri bagi menambah baik liputan dan kualiti jalur lebar di Sarawak. Semasa sesi kunjung hormat kepada Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak pada 10 Julai yang lalu, beberapa persetujuan penting telah dicapai, di antara lain adalah untuk mengeratkan kerjasama bersama dengan pihak *Sarawak Multimedia Agency* dari segi perancangan dan memudahkan cara proses kelulusan pembinaan untuk mempercepatkan pembinaan sektor digital. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila, tambahan.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Tuan Yang di-Pertua, saya ada soalan tambahan di sini. Seperti mana kita ketahui tadi, bahawa pelan Jalinan Digital Negara dengan kerajaan mempunyai rancangan yang agak hebat untuk kita memajukan pusat-pusat Internet di seluruh negara.

Jadi untuk di negeri Sarawak, bolehkah kementerian memberikan jaminan bila projek ini boleh siap dengan sepenuhnya? Adakah ada tempoh masanya? Kedua, adakah kementerian mengambil kira bahawa kita menjalankan projek ini dengan kerjasama pihak swasta, syarikat-syarikat telekomunikasi swasta. Jadi, pihak swasta ini yang mereka ambil kira juga ialah *the bottom line* iaitu untung ruginya. Jadi oleh sebab saiz pemasaran di Sarawak, di luar bandar, di Balaga, dan sebagainya, mungkin tidak besar.

Kalau mengambil kira saiz pemasaran ini dengan penduduk atau *customer*-nya mungkin tidak besar, adakah pihak kerajaan membantu syarikat-syarikat telekomunikasi swasta ini untuk sama-sama kita katakan, menampung kos yang mungkin dibiayai oleh pihak swasta. Jadi, minta penjelasan dari pihak kementerian tentang perkara ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, di Sarawak ini kawasannya luas. Kawasan luas, lepas itu berbukit-bukau. Jadi, maknanya dari segi kosnya mungkin melibatkan setengah pihak swasta. Pihak swasta yang saya maksudkan di sini ada beberapa kategori swasta, pertama, pemain industri telekomunikasi, iaitu *Digi, Maxis, Celcom* dan juga maknanya Telekom.

Ini adalah pemain utama telekomunikasi. Selain itu, selepas ini ada juga pemain-pemain telekomunikasi ataupun kontraktor-kontraktor telekomunikasi yang terlibat dalam membantu usaha untuk menaik taraf, maknanya program-program Internet, telekomunikasi dan sebagainya ada syarikat-syarikat lain yang bersama turut serta untuk memajukan sistem telekomunikasi kita, terutamanya jalur lebar di seluruh negeri Sarawak. Apa yang paling utama di sini adalah peranan iaitu peranan *Sarawak Multimedia Authority (SMA)*. Ini penting.

Jadi, kerjasama ini kita harapkan dapat membuahkan satu usaha untuk kita meningkatkan jalur lebar 4G, 3G di seluruh negeri Sarawak.

■1050

Jadi, ada di antara baru-baru ini kita dapat banyak permohonan daripada beberapa syarikat yang mereka memberi cadangan, bagaimana mereka harus bekerjasama dengan SMA untuk mereka tingkatkan. Maknanya teknologi mereka untuk membantu negeri Sarawak dari segi membuat liputan untuk seluruh negeri Sarawak untuk membaik pulih dan sebagainya.

Kita mengalu-alukanlah usaha ini tetapi dari segi peruntukannya, kita harap SMA ini dapat membantu menambahkan peruntukan dan merencanakan lagi perkembangan telekomunikasi negeri Sarawak. Terima kasih.

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya tambah satu soalan.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada 2017 saya difahamkan SKMM memberi jaminan untuk menyediakan dana sebanyak RM1 bilion bagi melaksanakan menara telekomunikasi di negeri Sarawak.

Pada tahun 2019, difahamkan juga menara sudah siap sebanyak 300. Pada tahun 2020, 300 lagi. Jadi sebentar tadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut hanya 30 menara akan siap pada suku tahun kedua 2021.

Jadi soalan saya apakah perangkaan yang diberikan oleh SKMM ini sebanyak RM1 billion ini, berapa yang telah dibelanjakan oleh SKMM? Adakah benar laporan yang mengatakan 300 siap tahun 2019 dan 300 menara siap tahun 2020? Sebab kalau siap semua saya rasa 80 peratus masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi akan selesai. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Cuma sedikit pandangan sikit kepada Yang Berhormat. Pertama sekali, untuk kita lihat bahawa NFCP2 ini perbelanjaan yang kita keluarkan adalah lebih kurang RM12 bilion. Banyak perbelanjaan untuk multimedia untuk meningkatkan komunikasi dan multimedia ini besar belanjanya. Perbelanjaan yang banyak ini juga kita membina menara-menara.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ada sesetengah menara yang dibina oleh SKMM ini, kita bina tetapi tidak diservis oleh sesetengah *telco*. Oleh sebab kadang-kadang untuk kita servis *telco* ini ia agak mahal. Contoh kawasan yang tidak ada elektrik. So, kita guna *genset* dan kita guna diesel. So, perbelanjaan sebulan lebih kurang RM10 ribu untuk kita hendak naik- jadi RM10 ribu, kalau kita ada tiga *tower* - RM30 ribu.

Jadi kadang-kadang kawasan tersebut ada lebih kurang 300 penduduk yang pakai *prepaid*. Pakai *prepaid* contohnya dia pakai RM20 *prepaid*. RM20 *prepaid* maknanya kalau 100 orang RM2,000, 300 orang RM6,000. Satu *tower* tidak dapat *cover*.

Jadi kadang-kadang bila *genset* itu maknanya tidak servis, ada tempat yang tidak servis oleh *telco*. Oleh sebab itu saya kata tadi yang kita sebut tadi pemain industri utama ini perlu bekerjasama dan sentiasa memeriksa bahawa sesetengah tempat itu kadang-kadang ada vandalisme, kecurian *genset*, kecurian kita kata kita guna solar, kecurian solar...

Datuk Razali bin Idris: Yang Berhormat Timbalan Menteri soalan saya, 300 menara. Tahun 2019, 300 menara sudah siap dan tahun 2020, 300 menara sudah siap. Itu soalan saya. Adakah benar laporan ini?

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Apa yang kementerian beri ini benarlah. Akan tetapi kita bagi penerangan sedikit ini tentang menara yang dibina ini kadang-kadang saya tahu tidak ada *line*. Kadang-kadang ada kompelin, menara bina tetapi kadang-kadang kompelin yang sebut tadi.

Jadi sangkaan sesetengah Yang Berhormat kata, "Oh, ini kita bina menara, kita sedang bina menara tapi *line* tidak ada. Maknanya tipu tidak bina menara...". Tidak, kita

bina tetapi saya hendak terangkan di sini. kadang-kadang ada sesetengah menara kita bina itu...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah sikit Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ia menara ada tapi *line* tidak ada. Ini pelik sikit. Saya minta penjelasan yang itu. Terima kasih.

Datuk Zahidi bin Zainul Abidin: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebab itu saya tengah terangkan itu Yang Berhormat, tengah terangkan kepada Yang Berhormat ini. Kadang-kadang kita bina menara tetapi menara itu tidak di servis. Jadi kadang-kadang itu perkara-perkara yang kita- sebab itu kita sekarang ini kita minta bahawa di samping kita membina menara yang ada semua dan sedang kita bina dan kita tengah cuba dalam program JENDELA kita hendak memastikan bahawa *telco* yang ada itu dia servis, dia bagi servis kepada menara sebab kita tahu ada kompelin-kompelin yang sesetengah menara itu ada menara tetapi *line* tidak ada.

Di antara sebab-sebabnya yang saya kata tadilah, berbukit-bukau, pemancar tidak kuat dan sebagainya. Ini perkara-perkara yang perlu kita ambil tindakan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Zahidi bin Zainul Abidin, Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia, terima kasih banyak.

Sekarang saya beri pula kepada Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah. Dipersilakan.

7. Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah minta Perdana Menteri menyatakan, langkah-langkah yang diambil kerajaan dan polisi Kerajaan Malaysia mengenai isu pelarian Rohingya yang sedang berada di Malaysia.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator, walaupun Malaysia bukan negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1991 dan Protokol 1967, namun atas dasar kemanusiaan pelarian yang memegang kad UNHCR ini dibenarkan tinggal sementara sehingga ditempatkan ke negara ketiga atau pulang ke negara asal.

Pelarian ini juga bebas bergerak kecuali ke Sabah dan Sarawak, mendapat akses kepada perkhidmatan kesihatan di hospital dan klinik kerajaan dengan dikenakan caj 50 peratus berbanding warga asing yang mempunyai dokumen yang sah, pendidikan di pusat pembelajaran alternatif, dibenarkan bekerja sendiri untuk sara hidup dan sebagainya Yang Berhormat.

Malaysia perlu terus mengambil pendekatan menggesa negara-negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1991 dan Protokol 1967 untuk dapat melaksanakan hak dan tanggungjawab memberikan perlindungan kepada pelarian tanpa mengira asal usul, etnik, agama dan sebagainya.

Sekiranya semua negara ahli dapat memainkan peranan dan tanggungjawabnya isu pelarian ini akan dapat ditangani bersama menyelesaikan isu pelarian yang ditumpukan kepada punca juga berlakunya krisis pelarian tersebut.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri telah dipertanggungjawabkan dalam menyelaras, mengurus pelarian di Malaysia berdasarkan pada Arahan MKN No. 23. Mekanisme pengurusan pendatang asing tanpa izin (PATI) yang memegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian *United Nations High Commissioner for Refugees* (UNHCR) yang dikeluarkan pada tahun 2009.

Penambahbaikan kepada Arahan MKN No. 23 ini sedang dilaksanakan dengan memberikan penekanan terhadap mekanisme pengurusan dan penguatkuasaan yang efisien, pelaksanaan dasar-dasar yang membabitkan kebajikan dan sosial di samping menjamin keselamatan dan kedaulatan negara. Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Masalah pelarian etnik Rohingya ini memang menjadi masalah yang besar.

Terutama kalau kita lihat pada hari ini mereka mendominasi. Walaupun mereka mencari rezeki yang halal tetapi mereka telah membanjiri terutamanya di pasar-pasar awam.

Jadi persoalan saya, apakah pendirian kerajaan berkaitan dengan isu dominasi pekerja etnik Rohingya ini yang saya katakan tadi telah memberi masalah kepada orang kita yang berniaga?

Sejauh manakah proses pembersihan golongan ini? Walaupun saya faham apa Menteri katakan tadi mungkin tidak ada batasan tetapi saya rasa mesti ada proses pembersihan dari terus mereka bergerak secara begitu bebas terutamanya di kawasan Kuala Lumpur dan di bandar-bandar besar.

Soalan berikutnya, apakah bentuk kerjasama dengan NGO dalam aspek pendidikan awal kepada kanak-kanak etnik Rohingya ini bagi membantu mereka tidak terdicir daripada segi pendidikan? Sekian, terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Saya lihat soalan-soalan Yang Berhormat Senator amat prihatin mengenai hal-hal etnik Rohingya yang juga menjadi perhatian yang amat penting di mata rakyat. Terima kasih

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator untuk menjawab tiga soalan yang telah dikemukakan tadi, Malaysia sekali lagi saya sebutkan bukanlah negara ahli kepada Konvensyen Mengenai Status Pelarian 1991 dan Protokol 1967. Justeru Malaysia tidak tertakluk kepada mana-mana perkara dan peruntukan dalam kedua-dua instrumen antarabangsa ini termasuklah dalam perkara membenarkan pemohon suaka atau pelarian untuk bekerja secara berbayar iaitu pekerja sektor formal di dalam negara.

Walau bagaimanapun, dasar kerajaan pada ketika ini menetapkan bahawa pelarian dibenarkan untuk bekerja sendiri iaitu pekerjaan yang sektor tidak formal bagi tujuan sara hidup.

Semua pelarian di negara ini adalah tertakluk kepada undang-undang, peraturan dan dasar termasuklah menjalankan aktiviti perniagaan di pasar-pasar awam yang memerlukan kelulusan dan permit pihak berkuasa tempatan Yang Berhormat.

■1100

Kerajaan juga memandang amat serius isu dominasi pekerja-pekerja warga asing ini termasuk etnik Rohingya di pasar-pasar awam dan ia menimbulkan ketidakselesaan rakyat kerana golongan ini dianggap mencuri peluang pekerjaan dan peniagaan peniaga tempatan. Di samping itu berkemungkinan akan melaksanakan perkara-perkara negatif yang menjurus kepada perkara-perkara berunsur jenayah dan sebagainya.

Pihak berkuasa tempatan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sentiasa melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan di Pasar Borong Kuala Lumpur bagi memastikan tiada warganegara asing termasuk pelarian yang menjalankan aktiviti perniagaan atau bekerja di pasar borong tersebut. Pihak berkuasa tempatan yang lain juga sentiasa menjalankan pemantauan dan penguatkuasaan yang berkaitan di pasar-pasar awam dan premis perniagaan.

Rakyat Malaysia digesa dan saya memohon di Dewan yang mulia ini tidak sewenang-wenangnya menggaji atau memberikan permit kelulusan perniagaan di pasar-pasar awam dan premis perniagaan yang lain kepada warganegara asing dan pelarian kerana ia bertentangan dengan undang-undang dan peraturan sedia ada.

Mengenai pula dari segi pendidikan dan NGO-NGO yang bekerjasama mengusahakan hal-hal pendidikan anak-anak Rohingya ini, dasar sedia ada kerajaan Yang Berhormat terhadap pelarian yang memegang kad Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu untuk pelarian, kad UNHCR dan pemohon suaka termasuk etnik Rohingya dalam pendidikan adalah membenarkan pelarian mendapat akses kepada kemudahan pendidikan di pusat bimbingan alternatif ataupun disebut *Alternative Learning Center* (ALC) yang dikendalikan oleh pertubuhan-pertubuhan bukan negara komuniti pelarian, institusi pendidikan swasta dan UNHCR.

Anak-anak pelarian tidak dibenarkan mendapat pendidikan di sekolah-sekolah kerajaan Yang Berhormat. Sehingga kini terdapat sebanyak 123 buah ALC ataupun *Alternative Learning Center* dan daripada jumlah ini terdapat sebanyak hanya 18 buah ALC sahaja yang diluluskan oleh KPM bagi anak-anak etnik Rohingya ini. Itu sahaja Yang Berhormat. Terima kasih.

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh satu tambahan?

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

Dr. Yaakob bin Sapari: Ada sebuah kampung di Langkawi, warga Rohingya ini ada *IC* dan mendaftar sebagai pengundi. Adakah kita bersedia macam negara-negara maju lain seperti Australia atau di Amerika Syarikat anak yang lahir di negara ini kita boleh iktiraf sebagai warganegara?

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya *repeat*, balik semula apa yang Yang Berhormat cakap. Ia mempunyai *IC* dan sudah daftar untuk menjadi pengundi? Saya mohon supaya kalau boleh Yang Berhormat memberi saya detil-detil itu supaya saya boleh *check*. Saya mesti dapat satu kepastian daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya.

Keduanya, kita akan mengusahakan sebaik-baiknya untuk menghantar pulang etnik-etnik Rohingya ini ataupun untuk meletakkan mereka di negara ketiga Yang Berhormat. Tidak ada dasar buat masa ini untuk memberi mereka kewarganegaraan sebegitu. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ya, sila.

Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan: Tuan Yang di-Pertua, saya mendengar tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menjelaskan bahawa pelarian-pelarian ini akan dipindahkan ke negara dunia ketiga yang lain. Boleh tidak bagi pihak kementerian memberi masa yang ditetapkan untuk pelarian ini berada di negara kita.

Ini kerana yang keduanya kalau masalah yang dibangkitkan tadi iaitu pelarian ini bukan kita tempatkan di dalam satu kem yang boleh kita kawal tetapi pelarian ini sekarang sudah berada di dalam masyarakat kita. Ada juga yang sudah menyewa dan ada juga yang telah membuat rumah sendiri. Jadi, ini yang menjadi kekusaran kita. Apakah tindakan kerajaan kalau katakan setelah lima tahun ataupun beberapa tahun mereka ini mesti dikeluarkan. Akhirnya nanti apabila mereka sudah menetap, sudah ada pekerjaan dan sudah ada anak dan sebagainya, ini yang menyukarkan kita. Minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Sangat popular ya hal isu fasal Rohingya sebab ia juga telah menjadi satu tahap kecemasan di kalangan

rakyat di tempat-tempat tertentu di dalam negara. Saya faham mengenai keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berada di Dewan ini.

Pertamanya, mengenai jangka masa yang dibenarkan sebelum diarahkan untuk ke negara ketiga. Ia melihat kepada kesesuaian dan juga sama ada cepat atau tidak mendapat penempatan itu Yang Berhormat. Ia bukan soal mereka diberi masa di negara ini.

Kalau kita hendak bercakap dari segi masa minimum atau maksimum, saya faham apa yang Yang Berhormat fikirkan itu. Jadi, kalau penerimaan itu cepat dan efisien daripada negara ketiga, cepatlah mereka ditempatkan. Kalau tidak, kadang-kadang pelarian etnik Rohingya ini mereka juga ada pilihan-pilihan mereka juga. Jadi, mungkin itu juga akan diambil kira.

Keduanya, saya prihatin mengenai kekusaran mereka menjadi sebahagian daripada komuniti kita dan macam mana hendak menguruskannya. Sudah ada usaha-usaha oleh pihak kerajaan yang memikirkan penambahbaikan dan satu mekanisme yang tuntas dan juga mengambil kira semua hal yang berkaitan pendirian-pendirian antarabangsa dan juga dasar-dasar negara kita supaya perkara ini boleh diusahakan secepat mungkin dan juga mengambil kira baik buruknya, Yang Berhormat.

Jadi, *insya-Allah* akan ada satu pelan tindakan yang sangat bersepadu dari pihak kerajaan untuk menempatkan semula etnik ini dan juga dalam masa yang sama ketika mereka berada di dalam negara kita, ia tidak menimbulkan keresahan dan juga kesusahan kepada rakyat warganegara kita sendiri. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya satu lagi tidak? Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Disebut tadi oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa Negara Ketiga. Saya hendak tanya Negara Ketiga yang paling hampir dengan negara kita ini, negara apa? Lagi satu saya hendak minta bahawa isu ini memang sudah menjadi isu orang ramai dan kita sendiri menerima rungutan hari-hari. Saya harap selepas daripada sidang ini bila Yang Berhormat balik ke pejabat, isu ini diberikan keutamaan nombor satu untuk diselesaikan. Dengan itu, saya ucap banyak terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, mohon jelaskan Negara Ketiga itu negara mana yang paling hampir dengan negara kita. Terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Negara Ketiga itu saya rasa semua sedia maklum bahawa ia adalah negara Bangladesh di mana Cox's Bazar berada di situ dan juga Filipina adalah salah satu lagi negara yang terhampir yang menjadi negara ketiga yang menerima pelarian etnik Rohingya ini. Saya, *at this moment in time* ya,

dengan izin Yang Berhormat, memang keutamaan sedang diberi kepada isu ini. Saya berterima kasih, kita bersama-sama memperjuangkannya. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat. Soalan ini saya bagi dua ke tiga orang tambahan sebab soalan ini sangat penting kepada masyarakat kita.

8. **Dato' Kesavadas a/l A.Achyuthan Nair** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk melancarkan mekanisma baru untuk menggalakkan lebih ramai peminjam Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) membayar balik pinjaman mereka. Bilakah program ini akan dilancarkan?

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga Yang Berhormat Senator atas soalan nombor lapan yang menyentuh berkaitan dengan mekanisme pembayaran balik PTPTN.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Senator, mekanisme bayaran balik pinjaman balik PTPTN sedia ada masih lagi relevan dan tidak menimbulkan banyak permasalahan kepada peminjam. Sehingga 31 Ogos 2020, lebih 81 peratus peminjam telah dan sedang membuat bayaran balik pinjaman mereka. Di samping itu juga, PTPTN telah menyediakan ataupun melaksanakan pelbagai insentif bagi membantu peminjam membayar balik pinjaman mereka.

■1110

Di antaranya adalah pertama, pelaksanaan tempoh, dengan izin, *grace period* selama 12 bulan selepas tamat pengajian di mana peminjam tidak perlu membuat bayaran balik dan tidak dikenakan kos pentadbiran ataupun ujarah sepanjang tempoh tersebut.

Kedua, kemudahan penstrukturan semula pinjaman mengikut kemampuan bayaran balik oleh peminjam.

Ketiga, kelulusan penangguhan bayaran balik pinjaman sehingga maksimum 24 bulan bagi peminjam yang belum bekerja.

Keempat, pengecualian bayaran balik pinjaman bagi peminjam golongan B40 dan M40 yang cemerlang. Akhir sekali, insentif pelepasan cukai kepada majikan yang membantu membuat bayaran balik pinjaman bagi pihak pekerja.

Berikutan penularan COVID-19, kerajaan telah bersetuju agar penangguhan bayaran balik pinjaman dilaksanakan selama tempoh sembilan bulan mulai April sehingga Disember 2020 yang melibatkan 1.5 juta peminjam dengan jumlah kutipan balik yang ditangguhkan sebanyak RM1.125 bilion. Sehubungan itu Tuan Yang di-Pertua, kerajaan belum bercadang untuk memperkenalkan mekanisme baharu bayaran balik pinjaman dalam masa terdekat.

Kerajaan sentiasa mencari pendekatan terbaik untuk memastikan bayaran balik pinjaman tidak terlalu membebankan peminjam dan dalam masa yang sama juga, memastikan kepentingan PTPTN terpelihara. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya, apakah PTPTN masih guna pakai kriteria-kriteria pengecualian bayar balik pinjaman bagi pelajar-pelajar yang mencapai keputusan cemerlang dalam pengajian mereka? Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Mansor bin Othman: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan itu. Saya percaya mungkin soalan ini terkait dengan persoalan diskaun yang diberikan kepada peminjam-peminjam PTPTN.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan pemberian insentif diskaun bayaran balik pinjaman yang terkini ataupun yang termutakhir ini adalah sehingga 31 Disember 2018 sahaja. Sebarang cadangan berkaitan perancangan untuk memperkenalkan semula pemberian diskaun bayaran balik pinjaman memerlukan kajian yang lebih lanjut mengenai implikasi serta kedudukan kewangan semasa pihak kerajaan khususnya pihak PTPTN itu sendiri. Terima kasih.

9. Datuk Lee Tian Sing minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, apakah fungsi dan peranan utama Rukun Tetangga dalam usaha merapatkan jurang persefahaman antara komuniti majmuk di Malaysia, serta memupuk semangat perpaduan dalam konteks dan suasana sosial semasa.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Terima kasih Yang Berhormat Senator Lee Tian Sing. Tuan Yang di-Pertua...

*Pagi-pagi ke Tanjong Papan;
Singgah minum kopi secawan;
KRT adalah barisan hadapan;
Peranan sebagai angkatan perpaduan... [Tepuk]*

Fungsi dan tugas utama dalam Rukun Tetangga dalam usaha untuk merapatkan persefahaman antara komuniti majmuk di Malaysia telah dimaktubkan dalam seksyen 8, Akta Rukun Tetangga 2012 [Akta 751] seperti berikut;

- (i) untuk menjalankan apa-apa aktiviti bagi meningkatkan dan mengukuhkan semangat kejiranan, perpaduan, muhibah dan sembilan "K" iaitu keharmonian, keselesaan, keamanan, kerjasama, keselamatan, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup di kalangan anggota masyarakat;

- (ii) untuk menerima maklumat mengenai untuk memerhati dan menyiasat semua isu mengenai konflik masyarakat di dalam kawasan dan juga melaporkan maklumat pemerhatian dan penyiasatan itu kepada pengarah;
- (iii) untuk mengambil apa-apa langkah yang perlu atau yang wajar untuk membolehkan pemastautin melindungi diri mereka terhadap apa-apa aktiviti jenayah atau bencana;
- (iv) untuk menyediakan pengantaraan dalam masyarakat bagi maksud pendamaian atau lainnya menyelesaikan apa-apa pertikaian atau perselisihan di kalangan anggota masyarakat ataupun *mediator*, dan
- (v) untuk menjalankan apa-apa fungsi atau tugas lain yang diarahkan oleh ketua pengarah dari semasa ke semasa.

Sekian, terima kasih.

Datuk Lee Tian Sing: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan beliau. Soalan tambahan saya adalah sejauh manakah Rukun Tetangga melalui kementerian telah melaksanakan program atau jalinan kerjasama strategik sama ada bersama agensi kerajaan yang lain atau NGO berkaitan bagi menggerakkan dan mengaktifkan Rukun Tetangga yang merupakan satu organisasi penting dalam membentuk kesepaduan sosial masyarakat majmuk di negara kita?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Terima kasih atas soalan tambahan. Penglibatan dan membudayakan nilai-nilai yang dipupuk ke arah perpaduan adalah penting. Maka, Rukun Tetangga telah melalui Kementerian Perpaduan Negara melaksanakan beberapa kerjasama strategik sama ada bersama kementerian, agensi kerajaan dan NGO seperti berikut;

Pertama, melaksanakan program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN), dan *Communication for Behavioral Impact* (COMBI) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dalam membanteras denggi.

Kedua, telah melaksanakan program atau aktiviti pencegahan jenayah melalui pelaksanaan aktiviti Skim Rondaan Sukarela (SRS) dengan kerjasama PDRM. Sehingga kini, jumlah SRS adalah sebanyak 5,323.

Ketiga, melaksanakan program pendidikan pencegahan dadah dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK). Sebagai contoh, taklimat kesan penyalahgunaan dan rondaan pencegahan penyalahgunaan. Dari Januari hingga Julai 2020, jumlah aktiviti, program pencegahan dadah ini telah dianjurkan sebanyak 367 aktiviti; dan

Keempat, telah melaksanakan Program *Family and Community Empowerment Services* (FACES) dengan kerjasama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Program ini adalah untuk menyejahterakan keluarga dengan memperkasakan keluarga dan komuniti. Terdapat 19 Rukun Tetangga daripada 10 negeri yang telah menyertai program FACES ini di seluruh Malaysia.

Selain itu, kita juga telah mewujudkan kerjasama dengan badan bukan kerajaan supaya pelaksanaan program akan dapat menarik minat masyarakat pelbagai kaum dengan lebih berkesan dan efektif. Kita turut mewujudkan kerjasama dengan badan-badan korporat termasuk pusat membeli belah supaya mesej perpaduan ini dapat disampaikan melalui pengiklanan dan slogan di premis-premis perniagaan.

Akhir sekali, kita juga telah melaksanakan program lawatan integrasi antara KRT Semenanjung melibatkan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan supaya kepelbagaian adat resam dan budaya dapat dihayati dan difahami dengan lebih mendalam. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Ismail bin Yusop: Boleh satu soalan tambahan dari saya?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini sebab semalam waktu *lunch* tidak dapat tanya. Jadi, hari ini hendak kena tanya juga. Saya bersetuju dengan kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang bahawa Rukun Tetangga ini sebagai barisan hadapan dalam memupuk semangat perpaduan dan jurang persefahaman antara komuniti majmuk di Malaysia.

Bila saya dengar kenyataan program-program yang dijalankan- soalan saya ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua iaitu dalam pelan strategik yang sedang disediakan oleh Kementerian Perpaduan Negara sekarang ini, ada atau tidak program dalam bentuk literasi kenegaraan melalui Rukun Tetangga ini supaya rakyat di peringkat akar umbi ini lebih celik tentang *constitutional right*, dengan izin, dan lebih *literate*, lebih celik dan ada pencerahan tentang isu kenegaraan. Terima kasih.

■1120

Dato' Sri Ti Lian Ker: Saya rasa dari *elementarynya* kita perlu mula dengan perpaduan. Kalau kita beransur kepada kenegaraan dan Perlembagaan, mungkin kena ada sasaran yang kena. Kalau tidak takut salah, salah, pendidikan itu dijadikan konflik dan pula menjadi percaturan antara satu sama lain. Apakah interpretasi ataupun terjemahan peruntukan Perlembagaan kerana ia memerlukan keintelektualan yang lebih.

Jadi, maka, amalan dan nilai-nilai perpaduan ini perlu kita jadikan kerap, lebih-lebih lagi di peringkat akar umbi dan pada asasnya tolak ansur, keprihatinan, hormat-menghormati dan sebagainya. Saya rasa itulah teras-teras yang perlu kita asaskan dulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Perpaduan Negara, Dato' Sri Ti Lian Ker.

Sekarang kita pergi kepada soalan Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol. Dipersilakan.

10. Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, sama ada Lembaga Minyak Sawit Malaysia telah berjaya menghasilkan bahan penanaman sawit yang lebih baik dan sama ada bahan penanaman tersebut telah ditanam secara besar-besaran di Malaysia.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) giat menjalankan kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D) secara berterusan bagi menghasilkan bahan tanaman yang berkualiti dan berhasil tinggi yang dapat menyumbang ke arah pendekatan produktiviti sawit negara.

Statistik MPOB menunjukkan sejak tahun 2016 hingga tahun 2019, buah tandan segar (BTS) di Malaysia masih pada julat 15.9 tan hingga 17.2 tan per hektar per tahun. Dengan purata hasil minyak berada pada julat 3.21 tan hingga 3.47 tan per hektar per tahun.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, kajian biakan baka bagi menghasilkan sesuatu baka sawit mengambil masa antara 10 tahun hingga 20 tahun iaitu satu hingga dua kitaran hidup bagi memperoleh data dan keputusan yang komprehensif.

Antara hasil kajian bahan tanaman sawit terkini daripada MPOB adalah PS1.1 yang mempunyai ciri unggul pokok renek iaitu kadar pertumbuhan ketinggian tahunan kurang daripada 40 sentimeter per tahun. Baka ini adalah 20 peratus hingga 25 peratus lebih rendah daripada baka DxP iaitu kacukan Dura dan Pisifera semasa yang dapat memudahkan proses penuaian manakala dari segi hasil, baka ini mampu mencapai pengeluaran BTS 35 tan per hektar per tahun. Kadar perahan minyak sehingga 27 peratus dengan hasil minyak sekitar lapan tan per hektar per tahun.

Skala pengeluaran dan penanaman bahan tanaman ini masih di peringkat awal dengan kapasiti pengeluaran sebanyak 50 ribu biji benih setahun. Sekitar 80 peratus daripada pengeluaran biji benih adalah untuk kegunaan MPOB sendiri bagi perdagangan komersial dan penyelidikan, manakala bakinya adalah untuk pasaran tempatan terutamanya pekebun kecil.

Keluasan tanaman baka PS1.1 sehingga kini adalah sekitar 70 hektar merangkumi penanaman di kawasan ladang usahawan MPOB dan industri dijangkakan keluasan tanaman akan meningkat dalam beberapa tahun ini. Selain biak baka sawit, MPOB

mengkomersialkan bahan tanaman klon. Antara bahan tanaman sawit klon yang telah dibangunkan dan dikomersialkan oleh MPOB adalah *Clonal Palm Series 1*, *Clonal Palm Series 2*, dan *Clonal Palm Series 3*.

Baka *series* CPS ini mampu mengeluarkan kira-kira 10 peratus hingga 15 peratus lebih hasil berbanding baka DxP dengan pelaksanaan amalan pertanian baik dan persekitaran yang bersesuaian. Sehingga kini, kawasan seluas 312 hektar telah ditanam dengan bahan tanaman klon tersebut. MPOB sentiasa bekerjasama dengan industri dan membangunkan sesuatu bahan tanaman baharu khususnya dalam peringkat kajian di lapangan kerana kekangan kapasiti makmal pengeluaran klon dan keluasan ladang yang terhad.

Selain itu, baka klon sawit juga boleh didapati dari makmal komersial. Hasil-hasil kajian bahan tanam baharu yang dijalankan oleh MPOB tersebut akan dikongsi bersama para penanam sawit melalui program usahawan usaha sama antara agensi serta melalui seminar pemindahan teknologi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tambahan?

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah demi memanfaatkan sepenuhnya hasil kajian MPOB berkaitan bahan penanaman sawit yang berkualiti, adakah kementerian akan mensyaratkan supaya semua pengusaha tapak semaian menggunakan bahan penanaman tersebut dan sama ada bahan penanaman tersebut akan dibekalkan melalui skim bantuan tanaman baharu khususnya kepada kumpulan sasaran B40? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Untuk makluman Yang Berhormat, sebenarnya kementerian memang sentiasa melalui MPOB mengambil langkah-langkah yang proaktif. Jadi, salah satu ialah yang dikatakan penanaman sawit baharu ini. Untuk makluman Yang Berhormat, bahan tanaman klon ini berpotensi menghasilkan buah tandan segar melebihi 30 tan.

Kalau secara bandingan tadi, saya sudah maklumkan bahawa pada ketika ini, DxP hanya lebih kurang 17 tan untuk buah tandan segar. Jadi, kementerian menerusi MPOB telah berjaya mengkaji, menyelidik dan dapat bahan tanaman klon ini dengan dapat hasil yang lebih. Selain itu, hasil minyak juga yang kalau tadi saya tegaskan sebanyak 3.5 tan per hektar per tahun untuk DxP itu tetapi bagi klon baharu ini, PS1.1 dengan CPS ini, memang ia dapat meningkatkan hasil minyak lebih kurang lapan hingga 10 tan.

Jadi, bagi kementerian, kita akan bekalkanlah secara berperingkat-peringkat untuk digunakan oleh pekebun kecil. Sebab ini penting kalau klon ini atau penanaman sawit

baharu ini, ia dapat meningkatkan produktiviti dan secara tidak langsung ia akan dapat meningkatkan pendapatan terutama kepada B40 ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng...

Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol: Maaf Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang pertama Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kementerian ataupun MPOB mensyaratkan supaya semua pengusaha tapak semeaian menggunakan bahan tanaman hasil kajian MPOB? Saya rasa itu belum dijawab lagi. Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Okey. Yang Berhormat Senator, kementerian memang- oleh sebab itulah membuat kajian penyelidikan untuk mendapatkan baka yang baik untuk dapatkan hasil produktiviti yang tinggi. Itu satu galakan. Akan tetapi, selepas dapat kajian nanti ataupun baka ini sawit yang lebih mampan, maka akan diperkenalkan dan kita akan menggalakkanlah terutama melalui tapak semeaian untuk digunakan untuk tanam semula bagi pekebun-pekebun kecil.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, Yang Berhormat Timbalan Menteri ya. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng, terima kasih banyak.

Sekarang saya alih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan. Silakan.

11. Tuan Balasubramaniam a/ Nachiappan minta Menteri Pengangkutan menyatakan, sejauh mana pelaksanaan penggunaan kerusi keselamatan kereta kanak-kanak atau *baby car seat*- CRS dilaksanakan di Malaysia? Apakah usaha kerajaan untuk memastikan harga CRS dapat diberikan subsidi kepada rakyat?

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, susulan penularan wabak COVID-19 dan bagi memberi ruang kepada rakyat untuk membuat persediaan, aktiviti penguatkuasaan dasar kerusi keselamatan kanak-kanak atau *child restraint system* (CRS), dengan izin, akan terus dilaksanakan melalui pendekatan berdasarkan pendidikan advokasi dan pemberian nasihat.

■1130

Pertubuhan berkaitan keselamatan jalan raya di seluruh dunia telah memperakui akan kepentingan dan kebaikan penggunaan CRS dalam mengurangkan risiko kecederaan atau kematian yang mungkin dialami oleh kanak-kanak di dalam suatu kemalangan.

Berdasarkan kajian, kanak-kanak berumur di antara dua hingga lima tahun yang menggunakan tali pinggang keledar dewasa akan mempunyai risiko lebih tiga kali ganda untuk mengalami kecederaan serius dan lebih daripada empat kali ganda cenderung mengalami kecederaan kepala yang serius berbanding dengan kanak-kanak yang menggunakan CRS.

Sejak peraturan ini diperkenalkan, daripada kajian yang dijalankan, terdapat bukti yang jelas menunjukkan peningkatan kesedaran ibu bapa dengan peningkatan kadar penggunaan kerusi keselamatan kanak-kanak sebanyak enam peratus iaitu daripada 38 peratus pada tahun 2019 kepada 44 peratus pada tahun 2020 ini.

Tujuan utama Kementerian mewajibkan peraturan penggunaan CRS ini adalah atas dasar kepentingan keselamatan dan kebajikan kanak-kanak yang menaiki kenderaan. Ia bukanlah bertujuan untuk mengenakan penalti, saman mahupun menyusahkan orang ramai. Orang ramai perlu memberi perhatian kepada perkara ini bagi mengelakkan penyesalan di kemudian hari sekiranya ditimpa kemalangan. Peraturan yang diperkenalkan adalah bertujuan untuk mengubah minda dan sikap orang ramai secara berperingkat untuk menyedari akan kepentingan penggunaan CRS bagi menjamin keselamatan anak-anak mereka.

Buat masa ini, pemakaian CRS hanya diwajibkan kepada kenderaan persendirian sahaja. Selain itu, pengecualian turut diberikan kepada mereka yang mempunyai ahli keluarga yang besar yang tidak membolehkan peralatan CRS dipasang dengan sempurna di dalam kenderaan tersebut.

Kerajaan amat prihatin dengan kos pembelian peralatan CRS yang dihadapi oleh ibu bapa. Kerajaan juga sedar bahawa wujudnya kekangan untuk memperluaskan pelaksanaan peraturan CRS kepada kenderaan perkhidmatan awam seperti bas henti-henti, bas ekspres, teksi dan kenderaan *e-hailing* di atas faktor *practicality*-nya. Sebagai contoh, peralatan CRS mungkin tidak sesuai untuk dipasang di atas tempat duduk di dalam bas, juga kekangan menyediakan peralatan CRS yang bersesuaian untuk satu kanak-kanak oleh perkhidmatan teksi atau *e-hailing* mengambil kira saiz kanak-kanak yang berbeza-beza.

Kementerian telah mengarahkan MIROS untuk mengadakan perbincangan terperinci dengan pihak persatuan pengeluar dan penjual kenderaan serta pihak pembuat dan pengimport CRS ke arah mengurangkan kos jualan CRS.

Bagi perkhidmatan teksi dan *e-hailing*, penggunaan CRS adalah digalakkan. Penyediaan perkhidmatan adalah digalakkan untuk menyediakan CRS *universal* bagi kegunaan pelanggan. Bagi meningkatkan tahap keselamatan penumpang di dalam bas ekspres, kerajaan juga telah mewajibkan peraturan pemasangan tali pinggang keledar di

dalam semua bas ekspres bagi bas binaan baharu bermula tahun 2020. Kementerian juga telah berbincang dengan pelbagai pihak berkepentingan mengenai pendekatan terbaik mengenai pelaksanaan dasar CRS.

Umumnya, semua berpandangan bahawa pihak Kementerian Pengangkutan perlu berbalik kepada prinsip asal yakni *back to basic* iaitu *seatbelt* dan CRS, dengan izin, dalam isu keselamatan melibatkan penumpang dan kanak-kanak di dalam sesuatu kenderaan. Antara lain, kementerian akan merangka cara penyelesaian jangka panjang yang dapat melindungi tahap keselamatan kanak-kanak tanpa membebankan rakyat khususnya ibu bapa.

Kementerian turut akan terus meneliti maklum balas daripada orang ramai mengenai piawaian berat, tinggi dan umur kanak-kanak yang perlu menggunakan CRS agar ia terus setara dan relevan dengan standard keselamatan yang diterima pakai di peringkat antarabangsa. Untuk mengakhiri jawapan saya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak berpantun sedikit di hari penghabisan ini... *[Ketawa]*

*Tali pinggang keledar depan belakang dah dipasang;
Tapi banyak yang tak mahu pakai;
Ditegur penguat kuasa janganlah bising.
Sekarang CRS digalakkan pasang;
Harapan kita dua-duanya dipakai;
Bila diberi amaran jangan pula marah melenting.*

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Sila soalan tambahan.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Apakah kerajaan tidak berhasrat untuk mewajibkan supaya setiap pengeluar kereta di Malaysia menyediakan CRS menjadi pakej kepada pembeli sebagai salah satu aksesori semasa membuat pembelian kereta?

Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang sebenarnya, itu adalah antara perbincangan yang sedang difikir-fikirkan termasuklah penjualan pakej bukan hanya dalam kereta, malahan hospital pun difikirkan sekarang ini untuk bayi yang baru lahir. Sebagaimana amalan di negara-negara maju, apabila anak baru lahir, hospital juga kena sediakan CRS sama ada sewa ataupun dalam bentuk apa sahaja. Ini untuk memastikan anak yang balik ke rumah yang baru lahir juga dikenalkan untuk pakai CRS dalam kereta. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua:Terima kasih Yang Berhormat Haji Hasbi bin Haji Habibollah, Timbalan Menteri Pengangkutan. Terima kasih atas jawapan yang baik dan kami dengar. Sekarang bagi jawab lisan, kita selesaikan.

Datuk Razali bin Idris: *Last* tak ada? Yang Berhormat Menteri tunggu.

[Masa Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS KESELAMATAN NEGARA (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

11.37 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, *Alhamdulillah*, kita bersyukur negara kita dalam keadaan selamat dan terkawal. Walau bagaimanapun, negara sentiasa bersedia untuk menghadapi pelbagai ancaman keselamatan yang dinamik dari semasa ke semasa. Mekanisme pengurusan keselamatan negara perlu dikemaskinikan bagi menghadapi ancaman keselamatan tersebut.

Sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, bahawa Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776] telah diluluskan oleh Dewan Rakyat pada 3 Disember 2015 dan diluluskan oleh Dewan Negara pada 22 Disember 2015. Sembah taklimat kepada Majlis Raja-Raja telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 16 Februari 2016 dan 10 Mei 2016. Akta 776 kemudiannya telah disiarkan di dalam warta pada 7 Jun 2016 di bawah Perkara 66(4A) Perlembagaan Persekutuan dan berkuat kuasa pada 1 Ogos 2016. Tuan Yang di-Pertua, Akta 776 digubal berdasarkan objektif seperti berikut:

- (i) untuk menubuhkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) secara perundangan, susulan pemansuhan Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1971, dan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979 pada tahun 2011 yang menjadi punca kuasa MKN sebelum ini;
- (ii) untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan yakni bukan proklamasi darurat apabila wujud ancaman yang serius terhadap keselamatan negara;

- (iii) untuk mengenakan kewajiban terhadap entiti kerajaan supaya berkongsi maklumat atau risikan mengenai keselamatan negara; dan
- (iv) untuk mewujudkan mekanisme tindak balas segera dan bersepadu apabila berlaku ancaman serius terhadap keselamatan negara.

■1140

Berdasarkan kepada Janji 27, Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan adalah untuk memansuhkan undang-undang tertentu yang juga meliputi Akta 776. Walau bagaimanapun, Kerajaan PH pada ketika itu memutuskan untuk mengekalkan Akta 776 dengan pindaan yang diluluskan oleh Jemaah Menteri pada ketika itu. Susulan itu, bacaan pertama Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2019 iaitu rang undang-undang pindaan 2019 telah dibuat di Dewan Rakyat pada 9 April 2019. Namun pada 10 Julai 2019 rang undang-undang pindaan 2019 telah ditarik balik.

Kronologi pindaan Akta 776 semasa tempoh Kerajaan Perikatan Nasional. Yang tadi dibentangkan adalah kronologi pindaan Akta 776 semasa tempoh Kerajaan Pakatan Harapan. Semasa tempoh Kerajaan Perikatan Nasional, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020, dan 10 Jun 2020 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan atas nasihat Majlis Keselamatan Negara segera dibentangkan dalam Mesyuarat...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sekejap ya.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk mengulang sedikit ayat yang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Ayat tergantung ya?

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Tergantung.

Tuan Yang di-Pertua: Tergantung. Sila.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Bagi kronologi pindaan Akta 776 semasa tempoh Kerajaan Perikatan Nasional, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 4 Jun 2020 dan 10 Jun 2020 telah bersetuju supaya Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020, memberi kuasa kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan atas nasihat Majlis Keselamatan Negara segera dibentangkan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri, dan seterusnya di Mesyuarat Kedua, Penggal Ketiga, Parlimen

Keempat Belas. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 7 Ogos 2020 telah meluluskan cadangan pindaan akta ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 adalah bertujuan yang pertama, untuk meminda peruntukan berhubung dengan kuasa untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan dengan memberi kuasa tersebut kepada Yang di-Pertuan Agong. Susulan itu, pindaan kepada seksyen 18, Akta 776 tidak akan menjejaskan peranan Majlis sebagai penasihat dalam pengisytiharan mana-mana kawasan keselamatan.

Tujuan yang kedua adalah untuk memperkemaskan dan memperkukuhkan keanggotaan Majlis. Manakala tujuan yang ketiga adalah untuk memperuntukkan kuasa kepada pengarah operasi untuk meminta apa-apa maklumat atau risikan daripada mana-mana individu atau entiti selain daripada entiti kerajaan.

Tujuan yang keempat adalah untuk meningkatkan penalti bagi kesalahan melanggar obligasi kerahsiaan maklumat yang berhubung dengan hal ehwal majlis.

Tujuan yang kelima adalah untuk memastikan kuasa membuat peraturan-peraturan di bawah ini tidak terletak pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja tetapi sebaliknya adalah hasil keputusan bersama musyawarah majlis.

Keenam, untuk memasukkan peruntukan berhubung dengan kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang merupakan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau mana-mana kumpulan orang serta tanggungan seseorang bagi apa-apa perbuatan oleh pekerja, ejen dan pekerja ejen orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 adalah signifikan bagi memastikan Majlis Keselamatan Negara terus melaksanakan fungsinya untuk memastikan tadbir urus keselamatan negara dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan bagi tujuan keselamatan, keamanan dan kemakmuran Persekutuan Malaysia. Cadangan pindaan ini juga bagi menambah baik Akta 776, antara lain berhubung kuasa pengarah operasi untuk meminta daripada mana-mana individu atau mana-mana entiti selain entiti kerajaan, apa-apa maklumat atau risikan dalam milikannya.

Seterusnya ia menunjukkan bahawa kerajaan mengambil berat dan komited bagi memastikan ancaman keselamatan negara dapat ditangani dengan lebih cepat, cekap, efisien dan bertindak mengambil langkah-langkah perlu bagi menjamin perkongsian maklumat perisikan dan tindak balas segera secara bersepadu oleh pasukan keselamatan ke atas sesuatu insiden ancaman keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 yang dicadangkan keseluruhannya mengandungi sembilan fasal seperti berikut.

Fasal 1 mengandungi tajuk ringkas akta yang dicadangkan.

Fasal 2 bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 776, dalam takrif “kawasan keselamatan” berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam fasal 5.

Fasal 3 bertujuan untuk meminda seksyen 6, Akta 776, untuk mengeluarkan Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi Majlis daripada keanggotaan Majlis dan untuk memberi Pengerusi Majlis kuasa untuk melantik seseorang Timbalan Pengerusi dalam kalangan anggota Majlis yang lain. Ini adalah untuk mengukuhkan lagi keanggotaan Majlis.

Fasal 4 bertujuan untuk meminda seksyen 8, Akta 776 berbangkit daripada pindaan yang dicadangkan dalam fasal yang ketiga.

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 776 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Majlis mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Malaysia sebagai “kawasan keselamatan”.

Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 21, untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa pengarah operasi untuk meminta daripada mana-mana individu atau mana-mana entiti selain entiti kerajaan, apa-apa maklumat atau risikan dalam milikannya. Peruntukan ini menggariskan kewajipan mana-mana individu atau entiti selain entiti kerajaan untuk mematuhi permintaan pengarah operasi. Kuasa pengarah operasi ini hendaklah dijalankan demi kepentingan keselamatan negara dan berhubung dengan sesuatu kawasan keselamatan. Mana-mana individu atau entiti selain entiti kerajaan yang tidak mematuhi permintaan oleh pengarah operasi adalah melakukan suatu kesalahan di bawah Akta 776.

Fasal 7 bertujuan untuk meminda seksyen 37, Akta 776 untuk menaikkan tempoh pemenjaraan bagi kesalahan di bawah seksyen ini daripada dua tahun kepada lima tahun.

■1150

Fasal 8 bertujuan untuk meminda seksyen 42 [Akta 776], untuk membolehkan Majlis membuat peraturan-peraturan di bawah Akta 776.

Fasal 9 bertujuan untuk memasukkan ke dalam Akta 776 seksyen baharu 42A yang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang yang merupakan suatu syarikat, perkongsian liabiliti terhad, firma, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain.

Seksyen baharu 42B yang mengandungi peruntukan yang berhubungan dengan tanggungan seseorang bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran oleh pekerja orang itu, ejen orang itu atau pekerja ejen orang itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

11.50 tgh.

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk membahaskan Rang Undang-undang Akta Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020. Cadangan pindaan terhadap Akta MKN 2016 terutamanya berkenaan dengan kawasan keselamatan dan kuasa pengisytiharan kawasan keselamatan yang sekarang ini dicadangkan untuk diberikan kepada Yang di-Pertuan Agong dan bukan lagi kepada Perdana Menteri adalah langkah yang wajar dan disokong oleh kita semua.

Pindaan ini merupakan pendirian asal pihak kami pada tahun 2015 apabila akta asal dibentangkan ke Dewan Rakyat dan Dewan Negara. Ketika itu pendirian kami ialah Perdana Menteri tidak sepatutnya diberikan kuasa tunggal untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan. Kerajaan Barisan Nasional terdahulu meluluskan Akta MKN 2016 tanpa perkenan Diraja yang sebenarnya adalah tindakan yang tidak wajar.

Saya seterusnya hendak bincangkan peranan Majlis Keselamatan Negara. Saya harap perbincangan saya boleh dianggap sebagai satu perbincangan *bipartisan* dan saya juga harap semangat *bipartisan* ini boleh jadikan semangat yang kita kekalkan apabila kita membicarakan isu-isu pertahanan dan keselamatan negara.

Saya harap pindaan ini menjadi satu landasan untuk menerajui beberapa pembaharuan lain terutamanya ialah untuk Majlis Keselamatan Negara, sebagai bukan sahaja satu sekretariat, tetapi satu badan yang mengartikulasikan dasar dan strategi keselamatan negara serta menyelaraskan aktiviti-aktiviti badan keselamatan untuk mengikuti strategi ini.

Buat setakat ini, walaupun Majlis Keselamatan Negara adalah institusi yang sangat penting tetapi daripada segi pelaksanaan, MKN lebih cenderung dianggap oleh pihak-pihak lain dan juga MKN sendiri sebagai satu sekretariat. Akan tetapi, kalau kita pandang ke Jepun, misalnya Jepun. Pada tahun 2013, satu *National Security Council* telah menggantikan *Security Council* sebelumnya oleh Mantan Perdana Menteri Jepun Shinzo Abe khususnya kerana institusi sebelum itu dianggap tidak berkesan dan cekap terutama sekali pada ketika suasana keselamatan Jepun menjadi semakin rumit.

Begitu juga di Australia yang telah menubuhkan *National Security Committee of Cabinet* pada tahun 1996. Badan ini merupakan satu jawatankuasa Jemaah Menteri yang terdiri bukan sahaja daripada Menteri Pertahanan dan keselamatan dalam negeri malah

turut melibatkan Menteri Kewangan Australia juga. Badan-badan tersebut yang lazimnya bersidang seminggu sekali telah memainkan peranan sangat penting dalam menentukan dasar dan strategi keselamatan negara melalui penerbitan kertas putih pertahanan saban tahun serta aktiviti-aktiviti koordinasi yang lain. Seperti penggabungan maklumat perisikan-*intelligence fusion*.

Semasa saya menjawat jawatan Timbalan Menteri Pertahanan saya pernah melawat ke negara Bangladesh. Penasihat Keselamatan Negara- *National Security Advisor* kepada Perdana Menteri Bangladesh beritahu saya apabila berlaku kes bom di Dhaka pada tahun 2016- masa itu ada pelbagai perisikan tetapi tidak ada *fusion*. Tidak ada satu badan yang menggabungkan semua perisikan yang didapati daripada pelbagai agensi, maka tidak ada tindakan yang dilakukan. Kes yang agak sama berlaku di Colombo, Sri Lanka tahun 2018 juga sama. Memang sudah ada risikan tetapi tidak ada penggabungan risikan. Ini adalah pengalaman yang saya harap kita boleh mengambil iktibar daripada itu.

Pada hemat saya, kelaziman yang dizahirkan di Australia, Jepun mungkin Bangladesh juga berkaitan pengurusan keselamatan negara sewajarnya dijadikan satu panduan kepada negara kita. Kita dapat menilai sendiri prestasi MKN negara kita dalam perkara ini berdasarkan Laporan Ketua Audit Negara, Siri 3, tahun 2018 yang mana Bab VI, khas menumpukan perhatian kepada pengurusan keselamatan zon maritim negara.

Berikut merupakan satu petikan daripada rumusan eksekutif laporan tersebut yang berbunyi, "Secara keseluruhannya jabatan dan agensi yang dipertanggungjawabkan terhadap aktiviti kawalan keselamatan dan penguatkuasaan zon maritim Malaysia telah melaksanakan peranan masing-masing berdasarkan *standard operating procedure* (SOP) yang ditetapkan".

Bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, aktiviti ini masih belum mencapai tahap kecekapan yang optimum kerana wujud isu kurang koordinasi di antara jabatan, agensi dalam penguatkuasaan daripada segi perkongsian maklumat dan kekurangan aset.

Pada hemat saya, rumusan ini jelas menunjukkan beberapa isu kritikal. Pertama, pemahaman terhadap konsep keselamatan negara itu sendiri mungkin terlalu konvensional dan tidak lagi relevan dan tidak dinamik. Selain itu, isu-isu yang dibangkitkan menunjukkan ketidakadaan dasar dan strategi keselamatan negara yang memanfaatkan sepenuhnya kesemua kementerian dan agensi berkaitan berlandaskan satu misi ataupun sasaran bersama. Hal ini menyifatkan badan MKN sebagai reaktif dan bukan proaktif.

Pada zaman sekarang, kita tidak boleh lagi mengehendkan pemahaman keselamatan negara kepada ancaman lazim dibincangkan. Penularan wabak COVID-19 merupakan ancaman yang terbesar zaman kita yang telah menjejaskan mata pencarian rakyat dan menimbulkan ketidaktentuan dan keresahan. Kita perlu ambil iktibar daripada

krisis ini dan sewajarnya memikirkan konsep keselamatan negara yang dinamik dan menyeluruh.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum penularan wabak COVID-19 sidang MKN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri hanya bersidang sekali setiap tiga bulan. Manakala, sidang MKN perlu juga membuat keputusan bukan sahaja berkenaan isu-isu pada peringkat dasar dan strategik. Malah perlu menyelesaikan masalah pada tahap operasi dan taktikal. Persidangan yang jarang serta kekerapan isu berbangkit pada tahap pelaksanaan telah banyak menimbulkan permasalahan untuk agensi-agensi keselamatan negara ini.

Di sini jelas kita melihat ada keperluan untuk meningkatkan kekerapan sidang MKN dan saya harap sidang MKN sepatutnya bersidang setiap minggu dan memainkan fungsi *Security Cabinet* ataupun Kabinet ataupun Jemaah Menteri kecil berkenaan dengan isu keselamatan ataupun sekarang ini ada kluster keselamatan.

■1200

Perkara ini sudah pun berlaku ketika PKP baru-baru ini, tetapi ia bersifat reaktif dan bukan proaktif. Seterusnya, ketidakadilan dasar dan strategi keselamatan negara yang kukuh jelas boleh dilihat dengan tiga dokumen strategik yang kurang berkesinambungan iaitu Kertas Putih Pertahanan yang dipersetujui oleh Parlimen.

Kedua, kerangka baharu dasar luar negara daripada Kementerian Luar Negeri dan dasar ketenteraman dan keselamatan awam dari Kementerian Dalam Negeri.

Daripada ketiga-tiga dokumen ini, hanya kertas putih pertahanan sahaja yang menzahirkan aspirasi Malaysia sebagai satu kuasa tengah, *middle power* dan menyifatkan negara kita sebagai negara maritim berakar benua atau *a maritime nation with continental root*. Ketidaksinambungan dokumen-dokumen ini dalam mentakrifkan Malaysia sebagai negara maritim telah menghindari penjalinan kerjasama kukuh dalam pengurusan keselamatan maritim negara.

Selain itu, hanya kertas putih pertahanan sahaja yang telah mengklasifikasikan ancaman kepada Malaysia mengikut keutamaan dan kepentingan serta mencadangkan hala tuju dan usaha secara menyeluruh untuk menangani cabaran-cabaran ini. Antara ancaman utama yang telah ditekankan dalam kertas putih pertahanan ialah persaingan kuasa besar di Laut China Selatan. Kegiatan siber elektro magnetik, penggunaan meluas *chemical, biological, radiological, nuclear and explosives (CBRNE)*.

Aktiviti lanun dan penyeludupan di kawasan perairan Malaysia misalnya di Laut Sulu dan Selat Melaka. Maka, sangat jelas di sini bahawa ada keperluan untuk menyelaraskan dokumen-dokumen ini pada peringkat MKN agar setiap ancaman ini diberikan tumpuan yang sewajarnya. Khususnya, persaingan kuasa besar yang sedang berlaku di depan rumah kita Laut China Selatan tidak boleh dipandang ringan.

Satu dunia sedang menumpukan perhatian kepada Laut China Selatan dan kita perlu memastikan negara kita dapat menyahut cabaran dengan respons yang bersepadu dan tepat. Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Luar Negeri, Kementerian Komunikasi dan Multimedia serta Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dan agensi lain yang berkaitan perlu berganding bahu di bawah seliaan MKN dalam menjayakan usaha ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi saya ingin menekankan kepentingan fungsi MKN sebagai penyelaras dasar dan strategi keselamatan negara kita dan haruslah dipertingkatkan fungsi MKN dan saya berpendapat bahawa ada keperluan di sini untuk melantik seorang penasihat keselamatan negara yang setaraf Ahli Jemaah Menteri yang khas menumpukan perhatian kepada isu-isu keselamatan negara secara menyeluruh.

Satu jawatan yang biasanya digelar dalam bahasa Inggeris sebagai *National Security Advisor* yang wujud di *United State, United Kingdom, Jepun, Australia* dan pelbagai negara. Sebagai alternatif, seorang Menteri lain boleh dipertanggungjawabkan untuk memainkan peranan ini. Penasihat tersebut akan dipertanggungjawabkan untuk memastikan satu dasar dan strategi keselamatan negara dikeluarkan serta menyelaraskan dasar-dasar lain untuk mengongsi strategi keselamatan tersebut.

Penyelarasan ini sangat diperlukan agar peranan yang dimainkan oleh setiap agensi mendapat bukan sahaja pengiktirafan malah sumber yang setimpal. Sumber sebenarnya adalah isu untuk semua agensi. Akan tetapi yang penting ialah penyelarasan yang dilakukan di peringkat MKN.

Selain itu, ia akan mengurangkan pertindihan tugas dan tanggungjawab sekali gus memperkemas senarai tugas setiap badan keselamatan dan penguatkuasaan. Berikutan cadangan ini, diharapkan bahawa wacana keselamatan negara kita akan menjadi lebih mendalam dan meluas daripada kebiasaan sekarang. Memandangkan keadaan dunia yang tidak menentu, kita perlu kembangkan pandangan kita lebih daripada pemahaman terhad kita sekarang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi tanda untuk berucap. Saya berharap berada dalam Dewan. Saya sekarang panggil Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020 dialu-alukan atas sebab utama Perdana Menteri tidak harus menggunakan kuasanya untuk mengisytiharkan kawasan tersebut sebagai kawasan keselamatan.

Akta Majlis Keselamatan Negara 2015 wajar dipinda kerana jelas ia telah mengambil hak keistimewaan Yang di-Pertuan Agong dalam pengisytiharan darurat. Kuasa

mutlak tidak boleh berada di tangan Perdana Menteri kerana keberkemungkinan boleh disalahgunakan untuk kepentingan politik, dengan izin, *political expediency*.

Pindaan ini akan memastikan Majlis Keselamatan Negara melaksanakan fungsinya berikut mengikut amalan negara-negara demokrasi. Kerajaan harus mengambil berat bagi memastikan ancaman keselamatan negara dapat ditangani mengikut amalan demokrasi. Insiden ancaman keselamatan tidak boleh dipandang ringan. Maka, perkongsian maklumat perisikan itu penting dirahsiakan sebelum sebarang tindakan diambil oleh MKN.

Peruntukkan berhubung kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan amat wajar diberi kepada Yang di-Pertuan Agong. Namun, meminda peruntukkan berhubung kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan dengan memberi kuasa itu kepada Yang di-Pertuan Agong dan susulan itu pindaan seksyen 18, Akta 776 tidak akan menjejaskan peranan PMKN sebagai penasihat dalam pengisytiharan mana-mana kawasan keselamatan. Tuan Yang di-Pertua, jika diambil kembali Akta MKN yang diluluskan oleh Dewan Rakyat pada Disember 2015 dan berkuat kuasa 1 Ogos 2016.

Antara lain membolehkan Perdana Menteri menetapkan sesuatu kawasan sebagai keselamatan dengan membenarkan pasukan keselamatan memeriksa mana-mana individu kenderaan atau bangunan tanpa waran. Ia juga membenarkan penyiasat mengabaikan penyiasatan formal berhubung pembunuhan dilakukan polis atau tentera di sesuatu kawasan keselamatan.

Adalah wajar bahawa pindaan 18 akta berkenaan meliputi seksyen 4, iaitu menggantikan perkataan Perdana Menteri kepada Yang di-Pertuan Agong di atas nasihat Majlis dan sub seksyen 6, menggantikan perkataan di Parlimen dengan perkataan di hadapan dua-dua Majlis Parlimen. Wajar bahawa pindaan membabitkan seksyen 7, yang sebelum ini menyebut Perdana Menteri boleh pada bila-bila masa membatalkan pengisytiharan iaitu kawasan keselamatan dan diganti dengan perkataan Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat Majlis.

Pindaan 37 berkaitan hukuman penjara berhubung obligasi kerahsiaan dinaikkan daripada dua tahun kepada lima tahun. Apakah perlu ditingkatkan penalti bagi kesalahan melanggar obligasi kerahsiaan maklumat berhubung hal ehwal MKN dari dua tahun ke lima tahun. Apakah hukuman penjara dua tahun dilihat tidak memadai.

Pindaan seksyen 6, Akta Majlis Keselamatan Negara berhubung keanggotaan majlis iaitu mengeluarkan Timbalan Perdana Menteri sebagai Timbalan Pengerusi Majlis dan memberi kuasa kepada Pengerusi Majlis untuk melantik seorang Timbalan Pengerusi dalam kalangan anggota Majlis yang lain juga dialu-alukan. Soalan saya, sejak akta Majlis

Keselamatan Negara digazet, berapa aduan diterima dan disiasat. Adakah sesiapa yang didakwa dan disabitkan di bawah akta ini?

Tuan Yang di-Pertua, secara am pindaan boleh diterima kerana ia akan memperkukuhkan keanggotaan Majlis Keselamatan Negara. Mengenakan penalti bagi kesalahan melanggar obligasi kerahsiaan maklumat berhubung hal ehwal MKN dan ia akan memastikan kuasa berbuat peraturan di bawah akta berkenaan tidak terletak lagi pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sahaja sebaliknya adalah hasil keputusan bersama mesyuarat MKN. Dengan ini saya menyokong penuh pindaan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

■1210

12.10 tgh.

Datuk Paul Igai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini tentang Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020... [*Batuk*] *Excuse me*.

Saya mengucapkan syukur kepada tuhan kerana kita masih selamat walaupun seluruh dunia dan negara kita khususnya Malaysia masih dalam tempoh pasca atau tempoh COVID-19. Walau bagaimanapun, negara perlu bersiap siaga dalam berhadapan sebarang kemungkinan berikutan pandemik COVID-19 terutamanya dalam aspek keselamatan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap negara kita akan terus terpelihara keamanan dan kemakmuran daripada berlakunya ancaman daripada penganas yang berada di luar dan dalam negara.

Saya mengambil contoh sejarah rusuhan yang telah berlaku dulu pada 13 Mei 1969. Rusuhan ini merupakan sejarah berlakunya rusuhan antara kaum pada ketika itu. Saya berharap sejarah seperti ini tidak akan berlaku lagi. Selain itu, pembelajaran yang boleh kita pelajari daripada perkara yang berlaku di negara lain umpamanya di Hong Kong dan *Black Lives Matter*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *in America* dan banyak negara-negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai rakyat Malaysia kita bertuah kerana memiliki negara yang aman tidak seperti yang berlaku seperti mana di luar negara sekarang. Namun kita harus sentiasa berwaspada dan berjaga-jaga bagi mengelak perlakuan sebarang perkara yang tidak kita inginkan. Oleh yang demikian, Kementerian Perpaduan Negara juga serta Kementerian Dalam Negeri perlu bekerjasama dengan semua agensi kerajaan yang bertanggungjawab.

Tuan Yang di-Pertua, perihal berkenaan masalah dan cabaran dalam tuntutan benua yang bertindih khususnya di Laut China Selatan. Itulah saya bimbang, isu ini bertindih adalah merupakan satu isu yang paling tinggi dalam agenda mesyuarat *ASEAN Regional Forum (ARF)* baru-baru ini yang disertai lebih 10 Menteri negara ASEAN dan 10 Menteri dari luar iaitu Amerika Syarikat, Rusia, *European Union*, China, India, Kanada, Australia, New Zealand, *Japan* dan Korea Selatan.

Perkara ini harus dipandang serius terutamanya mengenai isu keselamatan perairan negara di Laut China Selatan. Hal ini kerana apabila tidak dijaga dengan baiknya, serangan hadapan dari pihak luar akan berlaku. Saya harap ini tidak akan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adakah Majlis Keselamatan Negara melalui seksyen 18, Akta 776 berhak untuk menasihatkan Yang di-Pertuan Agong mengisytiharkan kawasan Laut China Selatan ini sebagai kawasan darurat? Di bawah seksyen 8(3), mempunyai beberapa ahli Majlis Keselamatan Negara yang dilantik yang merangkumi Menteri-menteri dan juga pihak yang akan diambil menjadi ahli memberi nasihat.

Sekiranya terdapat kekacauan atau pencerobohan dalam kawasan perairan Sabah dan juga sempadan Sarawak yang kita tahu luas, panjang dan bersempadan dengan jiran kita yang sangat besar dari Kalimantan. Tuan Yang di-Pertua, memang saya tahu Tuan Yang di-Pertua ingat konfrontasi di Kalimantan, pihak pelaku mengancam kita di Sarawak. Bukan saya minta perlakuan ini jadi lagi tetapi minta Majlis Keselamatan Negara mengkaji semula apa telah sudah jadi dulu dan macam mana kita akan mengelakkan ini berlaku lagi.

Melalui peruntukan dalam seksyen 10, Majlis Keselamatan Negara boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota majlis untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihatkan Majlis mengenai apa-apa perkara yang sedang dibincangkan. Adakah ahli-ahli ini akan diambil daripada negeri-negeri khususnya Sabah dan Sarawak yang kita tahu sudah berlaku di Sabah, banyak yang kita tidak inginkan.

Persoalan saya adakah Ketua Menteri Sarawak dan juga Sabah wajib dilantik atau wakil mereka kepada majlis tersebut? Sebelum saya menyokong rang undang-undang ini [Ketawa] Saya menghadiri ini dengan...

Tuan Yang di-Pertua: Sudah habis belum Yang Berhormat?

Datuk Paul Igai: *Actually I* sokong *this one*, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Paul Igai: Ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, mungkin dalam sesi lain sudah disambung dengan apa yang telah tidak dapat ditimbulkan tadi.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani Mat.

12.17 tgh.

Puan Hajah Sabani binti Mat: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana bagi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

Saya pada dasarnya memang bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum saya. Cumanya Tuan Yang di-Pertua, saya akan buat sedikit penambahan sahaja. Seperti mana kita sedia maklum, Majlis Keselamatan Negara ini pada amnya ditubuhkan pada 7 Julai 1971 bagi menggantikan MAGERAN yang diaktifkan semasa tragedi 13 Mei 1969.

Sepanjang penubuhan MKN ini, pelbagai arahan yang berkaitan dengan keselamatan telah dikeluarkan. Sejak penubuhan MKN kira-kira 21 arahan MKN telah dikeluarkan bagi menangani pelbagai ancaman keselamatan semasa seperti contoh banjir dan pelarian Vietnam dan pendatang asing tanpa izin, kerjasama dua hala keselamatan dan pembangunan sempadan, penyeludupan, kawalan keganasan, ketenteraman awam serta pengurusan krisis dan bencana.

Sebelum ini mungkin ramai yang tidak arif dengan fungsi MKN. Saya pasti fungsi dan tanggungjawab MKN ini dapat dilihat dengan lebih optimum dan menjadi perhatian ramai terutamanya sejak wabak COVID-19 melanda negara ini. Apatah lagi dengan kekerapan MKN memberi maklumat terkini yang berkaitan rapat dengan keselamatan negara menerusi saluran media sosial MKN seperti *Telegram* dan juga sistem pesanan ringkas.

Saya juga yakin ramai rakyat Malaysia yang berterima kasih kepada MKN di atas kebertanggungjawaban mereka dalam menyelaraskan dan mengkoordinasi pelbagai isu dan permasalahan yang melanda negara ini. Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan kerana membangkitkan kembali rang undang-undang ini yang sudah pasti setiap perubahan yang dilakukan bertujuan untuk memperkasakan dan menambah baik sistem yang sedia.

■1220

Untuk pengetahuan, Malaysia bersempadan dengan beberapa buah negara. Seperti contoh, Kelantan, Perlis, Kedah dan Perak bersempadan dengan Thailand. Manakala Sarawak dan Sabah bersempadan dengan Indonesia dan Filipina. Kita sedia maklum Malaysia mengamalkan hubungan diplomasi yang sangat baik dengan semua negara. Namun pada masa yang sama, dalam memelihara hubungan baik dengan negara jiran, masih wujud permasalahan yang berpunca dari segelintir rakyat negara-negara tersebut yang memberi ancaman kepada negara kita.

Saya beri contoh Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini ada wujud satu kluster COVID-19 di Kunak, Sabah yang menurut laporan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan, kluster ini dikenali sebagai kluster laut. Ia berpunca dari seorang PATI yang kembali menyusup masuk ke Malaysia walaupun telah dihantar pulang. Tujuan dia masuk ialah untuk berjumpa dengan isterinya yang dikatakan dirawat di hospital. Jadi apabila buat saringan, isterinya dijangkiti, di samping itu anak-anak dan juga jiran. Dalam hal ini, ini memperlihatkan pencerobohan sempadan juga memberi kesan ancaman keselamatan yang melibatkan faktor kesihatan.

Tuan Yang di-Pertua, ini merupakan satu yang sangat dikesali memandangkan Malaysia ini sedang giat memerangi wabak COVID-19 dan jumlah kes semakin menurun. Akan tetapi meningkat kembali secara mendadak yang antaranya berpunca daripada kes-kes kemasukan PATI dalam negara melalui lubang tikus di sempadan negeri.

Justeru, saya ingin bertanya kepada kementerian, apakah resolusi kementerian dalam memerangi pencerobohan PATI ke Malaysia yang mengakibatkan pelbagai ancaman. Antaranya yang melibatkan ancaman kesihatan seperti wabak dan virus, dadah, jenayah dan juga keganasan. Adakah terdapat sebarang penambahbaikan yang dirancang dan telah dilaksanakan bagi memperkemaskan pintu atau pagar sempadan negara agar tidak mudah di bolos.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu apakah perkembangan mengenai perancangan mewujudkan agensi sempadan yang berfungsi mengawal, memperkukuh serta mempertingkatkan piawaian pengoperasian dan keselamatan sempadan negara. Apakah koordinasi dan kerjasama yang dijalinan dengan kementerian lain seperti Kementerian Dalam Negeri dalam menangani pencerobohan PATI di Malaysia yang dibantu oleh rakyat Malaysia sendiri yang sanggup menjadi tali barut.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum selaras dengan perkembangan zaman yang semakin pesat teknologi iaitu yang terkini Revolusi Industri 4.0. Semakin besar juga cabaran yang dihadapi negara dalam menghadapi pelbagai ancaman siber. Revolusi Industri 4.0 berkisar mengenai pelbagai teknologi baru yang antara lain menggunakan automasi, analisis dan data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotik serta *internet of thing* dan perkara yang seumpama dengannya. Ini sekali gus memperlihatkan negara bukan sahaja perlu bersedia dengan ancaman fizikal, malah yang berbentuk siber dan teknologi.

Mungkin ramai yang tidak menyedari kewujudan Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA) yang telah ditubuhkan pada tahun 2017. NACSA adalah agensi tunggal dalam mengkoordinasi semua agensi yang menguruskan ancaman keselamatan siber dengan meletakkan semua pakar keselamatan siber di bawah satu agensi induk. Di bawah agensi

ini, keselamatan siber negara ini akan dipantau dengan lebih menyeluruh dan berkesan. Saya ingin mengambil contoh dua kes terbesar dan terbaru berkaitan dengan ancaman siber yang berkaitan gangguan kepada sistem keselamatan maklumat dan data peribadi.

Pertama, kes yang mencetuskan kekecohan negara pada tahun lepas iaitu gangguan sistem di KLIA yang menyebabkan sistem penerbangan di lapangan terbang utama negara ini hampir lumpuh sepenuhnya. Kesan kegagalan sistem itu memberikan kesan kepada ratusan penerbangan serta impak kepada ribuan penumpang pesawat. Kegagalan sistem ini juga memberi masa sehingga tiga hari sebelum beransur pulih sedikit demi sedikit. Walaupun NACSA telah mengesahkan gangguan sistem berkenaan bukanlah disebabkan oleh serangan siber tetapi kesan yang dialami boleh dikatakan hampir sama dengan serangan siber.

Sistem lumpuh hampir 100 peratus dan memberi impak yang menjejaskan banyak peringkat serta banyak pihak. Itu belum dikira lagi jika terdapat kelemahan yang tidak disedari di mana-mana peringkat dan menyebabkan ancaman lebih besar. Antaranya, termasuk warga asing tanpa dokumen yang sah dan sebagainya.

Satu lagi contoh yang dapat diberi berkaitan ancaman siber ialah berkaitan dengan situasi semasa Perintah Kawalan Pergerakan baru-baru ini. Kebanyakan operasi pekerjaan ditutup, kolej, universiti, sekolah ditutup sepenuhnya dan kebanyakan menggunakan video *conference* sebagai satu alternatif dalam memastikan organisasi terus beroperasi dan modul pembelajaran dapat dijalankan.

Antara aplikasi yang sangat popular digunakan adalah aplikasi *Zoom* iaitu penggunaan sidang video disebabkan fungsinya yang mudah dan cepat bagi tujuan perbincangan dalam talian dan komunikasi antara staf dan pelajar. Walau bagaimanapun, tidak lama kemudian telah tular mengenai ancaman siber yang diakibatkan oleh aplikasi ini yang mana kesempatan ini telah digunakan oleh penjenayah siber untuk meningkatkan lagi serangan kepada pengguna dalam siber melalui pelbagai kaedah.

Majlis Keselamatan Negara juga pada masa itu ada mengeluarkan kenyataan. Kalau tidak silap saya pada bulan April 2020 bertujuan memaklumkan dan memberi peringatan tentang ancaman tersebut. NACSA juga telah mengesan peningkatan serangan siber untuk penggadam ke atas agensi kerajaan dan rakyat Malaysia di sepanjang tempoh PKP.

Jenis-jenis serangan yang telah dikesan sepanjang merangkumi pencerobohan laman sesawang kerajaan dan syarikat-syarikat swasta. Selain itu terdapat insiden lain seperti pencerobohan terhadap pelayar siber agensi kerajaan, penipuan dalam talian, e-mel, *spam*, aplikasi mudah alih palsu, mencuri dengar perbualan pengguna yang menggunakan aplikasi sidang video dan sebagainya.

Saya ingin mendapat kepastian daripada kementerian, apakah pelan strategik kementerian dalam meningkatkan penguatkuasaan dan keselamatan siber di media sosial? Apakah tindakan proaktif yang diambil kementerian dalam meningkatkan kapasiti dan kepakaran bagi memastikan ekosistem siber negara kekal selamat? Apakah perkembangan terkini bagi pelan strategi keselamatan siber yang dirangka oleh kerajaan terdahulu dan patut dilaksanakan pada tahun ini?

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop. Tiada. Yang Berhormat Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Ya Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Ia ikut *sequence* yang diberi atau tidak Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak ada *sequence* apabila berbahas.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Fasal ada dalam kumpulan *WhatsApp* itu.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan autoriti.

12.28tgh.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk ikut serta dalam perbahasan kita pada hari ini iaitu membahaskan tentang Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

Saya bangun ini untuk menyokong rang undang-undang ini tetapi saya juga mempunyai pandangan-pandangan yang tertentu mengenai rang undang-undang ini. Pada saya rang undang-undang ini penting dalam kita menjaga keselamatan negara dan juga ancaman-ancaman yang kita terima dari pihak luar.

Sebelum ini, punca kuasa Majlis Keselamatan Negara adalah dari Ordinan Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1971 dan Akta Darurat (Kuasa-kuasa Perlu) 1979. Akan tetapi pada tahun 2011 Ordinan Darurat dan Akta Darurat telah dimansuhkan.

■1230

Sehubungan dengan ini, Akta 766 digubal bagi menubuhkan Majlis Keselamatan Negara melalui cara perundangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat bahawa Majlis Keselamatan Negara ini sesuai dengan peranannya menjaga keselamatan negara dan saya melihat sama ada bidang kuasanya menyeluruh untuk seluruh negara. Di peringkat negeri pula, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri di peringkat negeri.

Kita tahu bahawa bila kita menubuhkan negara Malaysia ia terdiri daripada tiga entiti iaitu Semenanjung Malaysia, Sarawak dan Sabah. Jadi seperti juga rakan saya tadi, Datuk Paul Igai...

Tuan Yang di-Pertua: Tahun 1963 ada satu lagi negara, Singapura.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Singapura, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tahun 1965, Singapura keluar.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Tahun 1965.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili: Jadi, adakah entiti ini diambil kira di dalam kita mengetuai Majlis Keselamatan Negara kerana pada saya bahawa peranan yang dimainkan oleh Ketua Menteri Sarawak dan Ketua Menteri Sabah patut juga diambil kira di dalam perkara ini.

Oleh kerana mereka juga adalah Pengerusi Majlis Keselamatan Negeri di peringkat Sarawak dan juga di peringkat Sabah ataupun persoalan saya adakah Jawatankuasa Keselamatan Negeri ini di bawah Majlis Keselamatan Negara? Ini supaya bila mereka dipanggil untuk Majlis Keselamatan Negara mesyuarat, maka Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan Negeri Sarawak dan Sabah juga diambil kira.

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat fasal had tempoh pengisytiharan. Fasal 5 adalah penting kerana ia adalah bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 776 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh atas nasihat daripada Majlis mengisytiharkan mana-mana kawasan dalam Malaysia sebagai kawasan keselamatan.

Saya ingin bertanya, apakah had tempoh masa maksimum bagi menetapkan sesuatu kawasan itu sebagai kawasan keselamatan. Kita mengambil iktibar dari darurat negeri Sarawak tahun 1966. Darurat ini diisytiharkan ekoran daripada krisis perebutan jawatan Ketua Menteri Sarawak, Datuk Stephen Kalong Ningkan pada tahun 1966 dan akhirnya diisytiharkan darurat ke atas negeri Sarawak.

Darurat ini mengambil masa begitu lama, 45 tahun darurat itu diisytiharkan hinggalah ianya dibatalkan dalam tahun 2011 selepas Ordinan Darurat dimansuhkan. Jadi itulah kita meminta dalam akta ini bahawa had tempoh masa darurat itu mesti diisytiharkan. Kalau ada keperluan untuk dilanjutkan maka barulah tempoh masa ini diisytiharkan sebagai dilanjutkan, kalau tidak akan terjadi seperti yang berlaku ke atas negeri Sarawak. Jadi, mengapakah kesilapan ini berlaku begitu panjang dan akhirnya darurat itu ditarik balik selepas ordinan itu dimansuhkan?

Juga ialah saya menyentuh tentang maklumat ataupun risikan-risikan berkaitan dengan kawasan keselamatan. Fasal 6 bertujuan untuk meminda seksyen 21, untuk mengadakan peruntukan mengenai kuasa Pengarah Operasi untuk meminta mana-mana

pihak atau individu atau entiti selain dari entiti kerajaan untuk mendapat maklumat atau risikan yang ada di dalam milikannya.

Peruntukan ini telah menggariskan kewajipan mana-mana individu atau entiti-entiti selain entiti kerajaan untuk mematuhi permintaan Pengarah Operasi. Jika mana-mana individu atau entiti selain entiti kerajaan yang gagal mematuhi permintaan oleh Pengarah Operasi maka ia dikira sebagai melakukan satu kesalahan di bawah Akta 776.

Saya ingin bertanya, apakah mekanisme menetapkan dalam mendapat jenis maklumat dan risikan berkaitan dengan kawasan keselamatan? Juga saya ingin meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri apakah jaminan bahawa maklumat-maklumat yang telah diberikan kepada Jawatankuasa Keselamatan Negara boleh dikongsi bersama ataupun ada ketirisan oleh pihak yang telah beri maklumat dan ianya jatuh kepada agensi-agensi risikan asing yang mungkin ingin mendapat tahu maklumat-maklumat keselamatan untuk negara kita.

Jadi apakah *confidentiality*, kerahsiaan maklumat itu. Sejauh mana ianya dijamin selamat, khas untuk Majlis Keselamatan Negara kita sahaja bukan boleh di*share* dengan negara-negara yang ketiga. Kerahsiaan maklumat ini adakah fakta yang perlu diambil kira dan maklumat-maklumat ini tentunya tidak boleh sesuka hati dikongsi oleh pihak yang telah memberi maklumat pada Majlis Keselamatan Negara kemudian dia boleh juga mungkin berkongsi, mungkin juga menjual maklumat yang sama yang begitu dikehendaki oleh negara ketiga semata-mata untuk melihat kredibiliti pertahanan di negara kita ataupun maklumat-maklumat yang penting untuk negara kita.

Jadi saya bertanya di sini, apakah mekanisme semak dan imbang yang disediakan melalui akta ini bagi memastikan bahawa segala tindakan, segala maklumat yang diambil itu betul-betul rahsia, betul-betul untuk Majlis Keselamatan Negara kita semata-mata untuk kepentingan keselamatan negara kita sahaja. Adakah juga Majlis Keselamatan Negara memantau sekiranya ada gerakan-gerakan risikan daripada negara-negara asing iaitu *intelligent agency* daripada negara-negara luar yang mungkin juga berjalan atau bergerak di dalam negara kita.

Jadi, faktor ini juga adalah penting kerana risikan-risikan ini boleh betul-betul mengancam keselamatan di negara kita. Jadi saya minta jaminan Yang Berhormat Menteri sejauh mana kerahsiaan maklumat yang telah diberi kepada Majlis Keselamatan Negara disimpan dan tidak tiris kepada agensi-agensi negara asing ataupun pihak-pihak ketiga.

Jadi seterusnya pada saya, Tuan Yang di-Pertua yang penting ialah kesedaran rakyat untuk sama-sama mempertahankan negara kita. Kita dari segi dalaman kita rasa bahawa perpaduan rakyat adalah penting. Keduanya ialah kesetiaan rakyat kepada

negaranya dan ketiga ialah kita menghayati konsep Rukun Negara, cinta kepada negara, sayang kepada negara.

Inilah antara perkara-perkara yang perlu bagaimana Majlis Keselamatan Negara dapat bersama dengan agensi-agensi lain untuk memupuk semangat patriotisme di kalangan rakyat kita supaya mereka meletakkan keselamatan negara kita sebagai satu perkara yang sungguh penting. Oleh kerana kadang-kadangnya kalau kita tidak mempunyai patriotisme yang tinggi ini boleh mengancam keselamatan di negara kita.

■1240

Jadi Tuan Yang di-Pertua saya rasa itulah pandangan saya dalam perbahasan ini. Saya sekali lagi mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk ikut serta di dalam perbahasan ini. Saya dengan ini menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

12.00 tgh.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam merdeka Tuan Yang di-Pertua dan sahabat Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sebelum saya membicarakan rang undang-undang yang dipinda ini, saya mengajak semua Dewan untuk merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi...
[Membaca sepotong ayat Al-Quran]

Maksudnya, “Dan sediakanlah untuk menentang mereka musuh-musuh menceroboh. Segala jenis kekuatan yang ada pada kamu dan dari pasukan-pasukan berkuda yang lengkap sedia untuk menggerunkan dengan persediaan itu musuh-musuh kamu.”

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, akta ini merupakan pindaan kepada Akta Ibu, Majlis Keselamatan Negara pada tahun 2016 yang akta pokoknya Akta 776.

Sebelum itu akta ini menggantikan Ordinan Darurat 1971 dan Akta Darurat 1971. Ekoran daripada peristiwa 13 Mei, maka diwujudkan Ordinan Darurat 1971. Saya mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana mengangkat harakat Akta Majlis Keselamatan Negara di mana pengurusinya sekarang ialah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Bahkan kuasa ke bawah Duli Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk melantik mana-mana ahli majlis dengan nasihat kerajaan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Dalam kes ini, saya menyokong sahabat saya supaya melibatkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah. Ini kerana bagi saya, saya berpandangan bahawa akta ini sepatutnya dibaca bersama-sama dengan Akta 83, Akta Pelantar Benua 1966 dan juga dibaca dengan *United Nations Convention on the Law of The Sea* (UNCLOS) yang mana telah diterima di *United Nations Convention on the Law of the Sea* pada 1982 dan kerajaan kita telah menerimanya pada tahun 1986.

Ia kena baca bersama kerana hendak mewujudkan sempadan-sempadan negara. Misal kata, dalam akta tersebut yang telah dipersetujui dan yang telah diratifikasikan oleh 80 persen lebih seluruh negara di seluruh dunia umpamanya *territorial sea* yang melibatkan 12 batu *nautical miles*- 12 batu *nautical miles* ini lebih panjang daripada panjang darat. Umpamanya kalau 12 batu nautika, kalau tiga batu nautika 4.8 kilometer. Akan tetapi kalau tiga batu nautika, ia menjadi 5.8 kilometer. Maknanya ia hampir sekali ganda.

Jadi dalam kes ini, *territorial sea* yang 12 *nautical miles* ini, dengan izin, 12 batu nautika ini sudah menjadi 23 kilometer. Begitu juga selepas daripada *territorial sea* ini ada satu lagi istilah dipanggil *contiguous*. *Contiguous zone* ini tambahan lagi 12 batu nautika. Maknanya sudah menjadi 24 batu nautika.

Selepas daripada itu, daripada sempadan *territorial sea* ini, ada *Exclusive Economic Zone* tambahan 200 *nautical miles* lagi. Ini milik negara lagi ini, milik negara lagi. Kemudian ada satu lagi istilah yakni *legal continental shelf* yakni lebih panjang lagi daripada *Exclusive Economic Zone*.

Jadi, kita lihat di antara negeri-negeri dalam negara kita yang bersempadan dengan lautan yang luas adalah negeri Kelantan, negeri Terengganu, negeri Pahang, negeri Johor, negeri Sabah dan negeri Sarawak. Jadi sudah tentu Akta Keselamatan Negara ini sudah sampai waktunya untuk dinaiktaraf kerana isu keselamatan merupakan satu perkara yang paling pokok dalam kekuatan negara itu sendiri.

Cuma saya sebelum hendak pergi kepada topik lain, saya mohon merayu kepada Dewan yang mulia ini supaya menerima apa yang telah diputuskan oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan juga oleh Dewan Undangan Negeri Sabah untuk tidak mengguna pakai sempadan negeri setakat tiga batu nautika. Ini kerana tiga batu nautika itu adalah tertakluk kepada Ordinan Darurat 1971, dan Akta Darurat 1971.

Oleh sebab itu negeri Kelantan, Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Dewan Undangan Negeri Sabah menolak untuk mengehendkan sempadan negeri setakat tiga batu nautika. Tiga batu nautika ini apa yang ada. Hendak menangkap ikan pun tidak boleh.

Oleh sebab itulah, oleh sebab bersempena dengan Akta Darurat 1971 dan akta-Ordinan Darurat 1971, dan Akta Darurat 1971, telah dimansuhkan. Maka dengan

sendirinya sepatutnya kerajaan pentadbiran Putrajaya menerima keputusan Dewan Undangan Negeri Kelantan dan Dewan Undangan Negeri Sabah yang menolak untuk menghadkan sempadan negeri masing-masing kepada setakat tiga batu nautika bersamaan 5.8 kilometer.

Jadi sekarang ini saya sekali lagi adalah merujuk kepada kepentingan-kepentingan negeri kerana darat ini ia semakin kecil disebabkan bermacam-macam, hakisan yang berleluasa dan sebagainya. Maka sudah tentulah orang, penduduk semakin ramai. Daratan semakin kecil.

Maka hak negeri tersebut sepatutnya dipertimbangkan oleh pentadbiran Putrajaya supaya kuasa negeri itu ditambah lagi kerana telah berlaku di seluruh dunia, trend seluruh dunia kuasa-kuasa negeri ini diperbesarkan. Kita tengok kira-kira hampir 20 tahun dahulu Indonesia bagaimana ia telah memberi kuasa-kuasa kepada provinsi-provinsi di mana provinsi-provinsi ini mendapat hak kepada hasil mahsul bumi sebanyak 70 peratus dan Kerajaan Jakarta hanya dapat 30 peratus.

Pada masa yang sama jugalah saya mengharapkan supaya pentadbiran Putrajaya memikirkan hal yang sama untuk supaya negeri ini saling berkreativiti dan berkompetensi untuk menghasilkan lebih banyak hasil mahsul negeri masing-masing dan mengurangkan kebergantungan mereka kepada peruntukan daripada kerajaan pentadbiran Putrajaya.

Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator...

Puan Asmak binti Husin: Mohon penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, boleh? Penjelasan. Okey terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Apabila bercakap tentang isu persempadanan negeri dan keselamatan, saya rasa isu persempadanan negeri juga termasuk dalam keselamatan negara kerana kestabilan negeri memberikan kekuatan kepada pertahanan dan keselamatan negara.

Cuma berkait dengan isu persempadanan, bagi negeri Kelantan ia adalah isu yang besar kerana apabila persempadanan tidak selesai, maka isu telaga-telaga minyak itu tidak dapat diselesaikan. Cuma saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, saya difahamkan persempadanan ini harus melalui Majlis Raja-raja yang mana ia termasuk dalam bidang kuasa negeri.

Cuma saya kurang pasti dalam kes Kelantan, Terengganu persempadanan ini adakah melalui Majlis Raja-raja atau tidak tetapi saya cuba mencari pakar *international law* tetapi saya tidak jumpa jadi, mohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Daripada pengetahuan saya...

Tuan Yang di-Pertua: Apabila ada persoalan begitu, Yang Berhormat Senator kurang masa.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi hendak jelas bolehlah.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Daripada pengetahuan saya, sempadan negeri ini kalau mengikut Jabatan Ukur dan Pemetaan Negara (JUPEM), satu agensi kerajaan yang diamanahkan untuk menentukan sempadan umpamanya sempadan antara Malaysia-Thailand, Malaysia-Vietnam, Malaysia-Indonesia, Malaysia-Singapura kita telah pun selesai, kecuali di Sarawak mungkin sedikit lagi tidak selesai walaupun ada beberapa pasukan ukur daripada Bahagian Topografi dan Hal Ehwal Sempadan Antarabangsa yang meninggal ekoran kemalangan helikopter. Kita ucapkan takziahlah kepada mereka yang terlibat.

Jadi ada sedikit lagi di Sarawak. Akan tetapi umumnya negara-negara yang saya bacakan tadi telah selesai. Antara Sarawak dengan Indonesia pun telah hampir selesai, Sabah dengan Kalimantan telah selesai.

■1250

Jadi negeri-negeri ini tak payah kerana kita ada UNCLOS, dengan izin. Jadi kalau ada arahan daripada kerajaan, *insya-Allah* Jabatan Ukur sangat-sangat berbesar hati untuk melaksanakan tugas tersebut kerana dia boleh buat *insya-Allah*. Saya pun juruukur, saya tahu kalau JUPEM tidak hendak buat, saya pun boleh buat *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada, hendak tanya sedikit.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Boleh, boleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Pengetahuan, Yang Berhormat suka jawab fasal ukur ya. Dari dulu terlibat dalam banyak urusan ukur mengukur?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, bila berlaku, dengan izin, *dispute* antara kerajaan- Kuala Lumpur pada waktu itu. Sekarang ini kami bersama, *alhamdulillah*. Saya memang akan bertanggungjawab dengan hasil kerja ukur saya.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat *share* kita dua. Dewan ini jangan ketawalah. Bila mana ada pembentang-pembentang kertas kerja internasional datang ke Malaysia, bila dia bentang, profesion yang kedua tertua dalam dunia selepas pelacuran. Ini saya kata, sudah ketawa dah. Profesion kedua yang tertua, ini daripada England kah,

daripada Australia dia akan baca macam itu. Profesion yang kedua tertua selepas pelacuran, ukur lah... [Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Oh, kalau begitu ukur *prostitution* juga lah?

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Dia *prostituiton* nombor satu, kita duduk nombor dua, tidak sama. Itu lain itu. Orang kata tidur sebantol pun, mimpi lain-lain... [Dewan ketawa]

Tuan Yang di-Pertua: Sila-sila.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sebab itu saya tengok sekarang ini isu keselamatan negara ini sensitif. Kalau boleh saya sokong fasal kalau dikenakan penalti lebih tinggi pun sesuai. Ini kerana informasi-informasi negara ini sangat penting. Kalau kita tengok filem-filem Inggeris bagaimana, maknanya kalau negara yang mengarahkan bunuh, halal.

Akan tetapi, kalau individu yang arahkan bunuh, haram. Ini berlaku dalam undang-undang Islam sekalipun. Kalau umum itu kepentingan umum mengancam, maka bunuh tu tidak menjadi masalah, menjadi satu kewajipan. Dalam kes ini, kalau informasi negara disebarkan melalui siapa-siapa, melalui saya sendiri pun maka saya mesti dihadapkan.

Ini fasal, yang kita hendak jaga ialah kedaulatan. Macam kita bersama-sama menzahirkan semasa taklimat Menteri Perpaduan semalam bahawa kita mesti mempertahankan kedaulatan kita sampai bila-bila dan saya hendak beritahu informasi tambahan pada Dewan hari ini.

Saya terkejut bilamana kami membuat sambutan Hari Malaysia di Jeli pada 16 September 2020, rupa-rupanya insan yang bawa surat berjumpa dengan Chin Peng untuk mengadakan pertemuan Baling, antara YTM Tunku Abdul Rahman dan Chin Peng, orangnya saudara-mara saya daripada Batu Pelintang. Nama dia Ayah Taib, saya sedang cari nama penuh dia. Orang di Jeli semua sudah tahu dialah yang menghantar surat untuk perbincangan Baling, dan dia menghadapi risiko yang terlalu besar. Hampir mati kerana tidak dipercayai oleh anggota-anggota komunis, bahkan tempat saya itu di Jeli dan Batu Melintang sempadan tu merupakan kubu-kubu komunis, penuh dengan kubu-kubu. Kita boleh tengok, kita jadikan sejarah...

Tuan Yang di-Pertua: Sila kembali kepada akta.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi Tuan Yang di-Pertua, sebab itulah untuk kita memberi kuasa yang lebih kepada negeri inilah maka saya sekali lagi menyeru pada Dewan yang mulia ini, kerajaan melihat supaya beban menjaga, mengawal tu mungkin *loose*, dengan izin, sedikit kepada Kerajaan Pentadbiran Putrajaya. Di mana kuasa dilebihkan kepada negeri, umpamanya

bukan setakat agensi maritim, bukan setakat Jabatan Laut, bukan setakat TLDM dengan izin.

Akan tetapi juga negeri ada melalui PBT-PBT masing-masing untuk mengawal. Masing-masing bergandingan untuk mengawal sempadan-sempadan, kalau negeri bagi *limit* dia, 12 batu nautika, dan selepas itu memang hak negara. Jadi kalau itu dapat dipersetujui oleh pentadbiran Putrajaya saya fikir suasana yang amat harmoni akan berlaku. Ini kerana *insya-Allah* negeri-negeri juga akan boleh mencari punca-punca hasil negeri yang baharu.

Menyentuh tentang apa yang disebutkan tadi, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Kita jangan fikir mudah, kerana kita ini tidak pernah berlaku isu-isu kes-kes besar selain daripada konfrontasi yang di cetus oleh Bung Karno pada tahun 1963 atau tahun 1964. Di mana melibatkan kematian yang sebenarnya ada kematian di Johor dan juga kematian di Sarawak. Ini kerana Sukarno juga ingin meluaskan wilayah dia, meliputi sampai ke Sarawak.

Sekarang ini kita terancam oleh beberapa politikus-politikus Filipina, bila hampir dengan pilihan raya maka adalah politikus-politikus Filipina ini memainkan sentimen menuntut Sabah. Ini sangat bahaya, sebab itu dalam bab ini kita mesti bersepakat dan bersepadu. Walaupun seinci kita tidak berbeza untuk mempertahankan wilayah ini walaupun sampai ke titisan darah kita yang terakhir. *Regardless*, dengan izin, siapa kamu, Melayu kah, Cina kah, India, Malaysia hak milik kita bersama *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, kita tengok bahawa sekarang ini Pengarah Operasi ini, dia sememangnya layak meminta segala informasi-informasi daripada mana-mana pihak. Ini kerana kita bimbang ada sesetengah pihak yang menjadi agen-agen musuh, menyeludup senjata-senjata dan sebagainya, sebagai agen kepada musuh.

Ini kerana sekarang ini musuh-musuh negara menggunakan berbagai-bagai kepakaran. Kalau kita tengok cerita robotik, cerita apa, sekarang ini cerita yang LaBeouf, Shia berlakon itu- Allah! Kita pun kadang-kadang Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh hendak fikir dah dengan benda-benda yang baharu berlaku sekarang ini. Dengan satelit-satelit yang bergerak, Amerika Syarikat sahaja ada berapa satelit di atas- GPS-nya, dengan Russia-nya- GLONASS-nya.

Semua masing-masing mempunyai *route*, kalau GPS dia ada lebih daripada 40. China ada BeiDou- negara yang hampir dengan kita ada berapa, dan China telah menunjuk satu keangkuhan yang luar biasalah, minta maaf, dengan izin. Orang kuat ini Tuan Yang di-Pertua, orang kuat ini orang yang kaya, dia gagah memang begitulah sifat dia. Tak nanti negara, individu pun kalau dia kaya dia kuat. Memanglah, dia kata siapa aku hendak takut,

macam juga China dan Amerika. Apa dia hendak takut, dia kuat. Dia ada cukup kelengkapan, sebab itu dia mesti menunjukkan, dengan izin, *might* dia kekuatan dia.

Cuma yang boleh bertembung sekarang ini antara Amerika Syarikat dengan China, itu dua kuasa besar dunia, sama ada dari sudut ketenteraan dan juga dari sudut ekonomi. Ekonomi terbesar dekat Amerika Syarikat, lebih kurang 18 trilion ke 20 trilion, saiz dia. Negara China pun lebih kurang sekarang ini 10 trilion Amerika saiz KDNK masing-masing. Negara Jepun lebih kurang enam, nombor tiga dalam dunia.

Tuan Yang di-Pertua: Sila gulung perbahasan Yang Berhormat.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Dia selalu selepas gulung berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Tolak apa yang telah disebut oleh saya dan juga tadi sudah genap.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengingatkan waktu, supaya mendisiplinkan waktu.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa, ada dua minit lagi itu.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: Okey. Oleh sebab itu, oleh kerana kita sendiri pun pada waktu yang sama kita sendiri pun mesti memperkuatkan isu-isu keselamatan kita. Umpamanya kita dalam menguatkan isu-isu keselamatan ini kita janganlah dalam membeli peralatan-peralatan kelengkapan-kelengkapan perang yang bersifat *subordinate* berbanding dengan negara-negara tetangga.

Sekarang ini seluruh dunia tahu kekuatan-kekuatan, dengan izin, *the military might of each country*. Dunia sudah tahu kita tak boleh elak sudah, kita tak boleh beli kapal perang jenis apa, tahun bila diperbuat, apa keupayaan dia, berapa bilangan dia. Begitu juga kita sekarang ini agak sensitif umpamanya dengan Singapura misal kata.

Walaupun negara yang kecil, tetapi dia telah memperlengkapkan kekuatan tentera dia, *military* dia dengan cukup jauh meninggalkan kita. Bahkan kita umpamanya, dengan izin, *submarine* kita ini, kita takut dengar. Katanya ada dua biji, satu beroperasi, satu tidak beroperasi.

Jadi, dengan izin, sangat bahaya Tuan Yang di-Pertua. Manakala kalau yang satu lagi rosak, jadi *submarine* kita pun sudah tidak ada. Kita berbelanja banyak bilion. Jadi sebab itu semua pihak kalau boleh biar seriuslah dari segi pembelian kelengkapan-kelengkapan persenjataan terutama untuk angkatan tentera kita bermula daripada kapal terbang tempur, jet-jet tempur dan juga kelengkapan *naval* ini, dengan izin.

Ini kerana, bilamana kita menguasai udara, maka kita menguasai ketenteraan itu sendiri, kerana segala-galanya bermula daripada udara. Sekarang ini teknologi berkembang jauh Tuan Yang di-Pertua. Saya terlibat dengan penggambaran udara di

negara kita, bahkan seluruh pantai di Malaysia ini saya yang buat dahulu, guna fotogrametri.

Dulu fotogrametri Tuan Yang di-Pertua. Fotogrametri ini, dia terpaksa guna kapal terbang, dan dia kena guna kamera analog zaman dahulu. Akan tetapi sekarang kamera sudah digital, sekarang sudah ada teknologi *drone*. Teknologi *drone* ini harga dia berbanding dengan teknologi analog Tuan Yang di-Pertua, satu per seratus harga dia. Akan tetapi keupayaan dia jauh mengatasi teknologi analog dulu. Walaupun saya mengukur pantai 4,500 meter...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dari analog kepada *drone*, hari pun sudah pukul satu... [*Dewan ketawa*] Saya sudah minta Yang Berhormat tolong simpulkan.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Saya selesailah, saya simpul. Jadi *insya-Allah*, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. *Wallahu'alam*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Wabillahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Oleh kerana had masa bagi kita berbahas selesai. Kita akan sambung pada jam 2.30 petang. Ada seorang dua lagi yang belum sempat saya jemput mengikut giliran yang telah dikumpulkan tempoh hari.

Jadi kita akan cuba beri peluang itu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang senarainya telah diberi, tetapi belum berpeluang berucap. Silakan Setiausaha dan rakan-rakan yang lain, kita berjumpa pada jam 2.30 petang, dan ditangguhkan dalam tempoh tersebut.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.01 tengah hari]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

■1430

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah* kita teruskan dengan urusan rasmi kita untuk berdebat berkaitan dengan rang undang-undang yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Saya jemput Senator Tuan Ismail bin Yusop, jika ada? Jika tidak, Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew.

2.32 ptg.

Tuan Robert Lau Hui Yew: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Majlis Keselamatan Negara (Pindaan) 2020.

Saya percaya objektif yang strategik bagi penubuhan Majlis Keselamatan Negara (MKN) adalah untuk menerajui penggubalan dasar dan menguruskan keselamatan negara secara holistik, bersepadu dan berkesan. Mendukung dasar-dasar keselamatan negara, memelihara hak-hak kedaulatan dan kepentingan strategik negara, mengukuhkan lagi ketahanan nasional dan menerajui komuniti keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membangkitkan beberapa perkara mengenai rang undang-undang ini. Akta Keselamatan dilihat seolah-olah kuasa itu berpusat kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN). Saya mencadangkan ke alihan Majlis Keselamatan Negara seharusnya termasuk sekurang-kurangnya seorang wakil dari Sarawak dan Sabah.

Ini boleh menyampaikan situasi di Sarawak dan Sabah dan membangkitkan kekhawatiran Sarawak ke atas apa-apa dasar dan keputusan yang bakal dibuat oleh MKN. Saya bersetuju apa yang dinyatakan oleh Senator daripada Sarawak Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai dan sama Yang Berhormat Senator Tuan Zaidi bin Haji Suhaili tentang hal ini.

Perkara kedua, saya merujuk kepada seksyen 10, Akta 776 yang memperuntukkan bahawa Majlis boleh mengundang mana-mana orang yang bukan anggota Majlis untuk menghadiri mesyuaratnya bagi menasihati Majlis mengenai apa-apa perkara yang dibincangkan. Sekiranya sesuatu hal perkara yang dibincangkan di dalam Majlis melibatkan negeri-negeri, maka wakil-wakil negeri yang berkaitan boleh dijemput untuk menghadiri Mesyuarat Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga. Saya pun mencadangkan apabila sebarang deklarasi zon keselamatan di Sarawak seharusnya mendapat persetujuan daripada Tuan Yang di-Pertua Sarawak. Ini akan mengelakkan situasi seperti pada tahun 1966 iaitu darurat diisytiharkan dan kepimpinan Sarawak seharusnya terlibat dalam keputusan yang mempunyai impak yang langsung ke atas kehidupan di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Senator Datuk Paul Igai ada menjelaskan sedikit mengenai hal darurat 1966 di Sarawak. Apa yang telah terjadi pada tahun 1996 di Sarawak? Beberapa bulan sebelum selepas Singapura keluar dari Malaysia, terdapat satu tindakan untuk menyingkirkan Ketua Menteri Sarawak yang pertama, Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan. Sebanyak 21 daripada sebanyak 42 daripada Ahli Dewan Undangan Negeri telah menandatangani petisyen untuk menyingkirkan Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Gabenor Sarawak telah menyingkir Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan daripada jawatan Ketua Menteri Sarawak pada bulan Jun 1966.

Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan telah mencabar pemecatan tersebut di Mahkamah Tinggi di Kuching dan beliau telah menang dalam kes tersebut. Selepas itu,

Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan telah cuba mengubahkan Dewan Undangan Negeri supaya beliau boleh mendapatkan mandat baharu dari rakyat. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan mengisytiharkan darurat di Sarawak sebelum beliau sempat mengubahkan Dewan Undangan Negeri.

Melalui *Emergency- Federal Constitution and the Constitution of Sarawak Act*, dengan izin, satu pindaan telah dibuat kepada Artikel 150 Perlembagaan Persekutuan. Pindaan tersebut memberi kuasa kepada Gabenor Sarawak untuk memanggil dan mengadakan Persidangan Mesyuarat Dewan Undangan Negeri tanpa persetujuan Ketua Menteri. Satu Mesyuarat Dewan Undangan Negeri telah bersidang pada 23 September 1966 dan Tan Sri Datuk Amar Stephen Kalong Ningkan telah berjaya disingkir daripada jawatan Ketua Menteri.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun mahu mencadangkan apabila sebarang deklarasi Zon Keselamatan di Sarawak seharusnya mendapat persetujuan dan daripada Tuan Yang di-Pertua Sarawak. Ini akan mengelakkan situasi seperti yang- kasi jelas satu kali lagi. Pada masa yang sama Tuan Yang di-Pertua, saya pun mencadangkan Yang di-Pertua Sarawak atas nasihat Ketua Menteri Sarawak boleh mencadangkan kepada MKN untuk mengisytiharkan Sarawak atau sebahagian daripadanya sebagai Zon Keselamatan.

Dengan ini saya mohon menyokong Rang Undang-undang Majlis Keselamatan (Pindaan) 2020. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali Yang Berhormat. Sekarang Yang Berhormat Senator Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan.

2.32 ptg.

Tuan Balasubramaniam a/l Nachiappan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peristiwa rusuhan kaum 13 Mei 1969, menimbulkan kesedaran kepada kerajaan betapa pentingnya menguruskan perbezaan dan kepekaan yang wujud dalam komuniti berbilang kaum seperti Malaysia hingga tertubuhnya Majlis Gerakan Negara (MAGERAN). Matlamatnya adalah untuk meningkatkan keselamatan awam, pertahanan negara dan keamanan pemeliharaan untuk orang awam, bekalan dan perkhidmatan yang kritikal kepada negara.

■1440

MAGERAN dibubarkan pada awal tahun 1971 kerana keadaan negara semakin pulih. Namun, kerajaan merasakan perlu kewujudan badan atau agensi yang bertanggungjawab untuk pengurusan hal-hal keselamatan di peringkat nasional, negeri dan daerah diperlukan kerana terdapat ancaman komunis dan hubungan antara kaum masih rapuh yang membawa kepada penubuhan Majlis Keselamatan Negara pada tahun

1971 untuk menyelaraskan dasar yang berkaitan dengan keselamatan negara. Rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [*Akta 776*].

Fasal 5 bertujuan untuk meminda seksyen 18, Akta 776 untuk memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong boleh mengisytiharkan mana-mana kawasan di Malaysia sebagai kawasan keselamatan atas nasihat Majlis. Saya berpandangan bahawa ia tidak menjadi masalah besar kerana Agong adalah Ketua Negara, manakala Perdana Menteri adalah ketua kerajaan yang memimpin dan mentadbir negara. Apa yang penting dalam pindaan ini adalah kepentingan dan keprihatinan kita untuk memfokuskan kepada keselamatan dan kedaulatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, ancaman boleh berlaku pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Pada bulan lalu, timbul isu percetakan peta Sabah dalam pasport Filipina yang dibawa oleh Ahli Jawatankuasa Hal Ehwal Luar Dewan Perwakilan Filipina; kedua, tindakan negara China untuk cuba menguasai Laut China Selatan bagi memperluaskan penguasaan politiknya; dan ketiga, isu pencerobohan di Sabah.

Pada 11 Februari 2013, berlaku krisis pencerobohan Lahad Datu apabila 235 orang Filipina yang sebahagiannya bersenjata mendarat di Kampung Tanduo, Daerah Lahad Datu, Sabah. Pada Januari 2014, satu percubaan pencerobohan lanjut oleh unsur-unsur asing di Sabah telah pun disekat oleh pasukan keselamatan Malaysia. Pada tahun 2014, seorang pelancong rakyat China dan rakyat Filipina telah diculik di luar Singamata Adventures and Reef Resort, Semporna.

Pada 6 Mei 2014, penculikan lain yang melibatkan seorang rakyat China berlaku di Silam, berdekatan kawasan Lahad Datu di Sabah. Pada 16 Jun, seorang pembiak baka ikan dan seorang pekerja Filipina diculik luar Kunak. Ini adalah di antara beberapa contoh serangan dan ancaman terhadap negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju supaya Yang di-Pertuan Agong perlu menggantikan Perdana Menteri dalam pindaan ini kerana Yang di-Pertuan Agong adalah Ketua Negara manakala Perdana Menteri adalah Ketua Eksekutif pentadbiran negara. Yang di-Pertuan Agong tiada apa-apa kecenderungan terhadap politik dan tidak meletakkan politik sebagai asas tindakan yang akan dibuat, sekali gus ia dapat mengelakkan daripada rasa syak wasangka terhadap sesuatu keputusan itu dibuat kelak. Saya menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid. Selepas itu Menteri menggulung.

2.45 ptg.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: *Assalamualaikum warahmatullah.*

Tuan Yang di-Pertua, pindaan kepada Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 merupakan perkara-perkara yang diperjuangkan oleh Pakatan Rakyat semasa itu, tahun 2016 untuk membetulkan perkataan-perkataan yang diubah pada waktu ini oleh sebab kami bimbang kuasa dipegang oleh Perdana Menteri ketika itu untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan. Maka dengan pindaan ini, saya amat bersyukur oleh sebab kuasa Perdana Menteri telah dipindahkan ataupun diserahkan semula kepada Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengemukakan kepada Majlis Keselamatan Negara, sebagaimana dalam Bahagian VII kepada Akta Ibu, arahan Majlis Keselamatan Negara yang saya difahamkan daripada MKN 1 hingga MKN 21 masih diguna pakai atau masih sah dikuatkuasakan.

Cuma, saya ingin tahu, sama ada ia telah dibentangkan kepada Ahli Majlis MKN yang ada sekarang? Oleh sebab terdapat arahan-arahan tersebut mungkin telah lapuk ataupun tidak perlu digunakan. Saya cadangkan sekiranya ia sudah tidak boleh digunakan ataupun tidak perlu wujud, maka haruslah ia dilupuskan.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin kemukakan lagi ialah berhubung dengan Projek Pulau Jarak yang dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara. Oleh sebab yang menjaga pulau tersebut ialah warga TLDM bermula pada bulan Januari 2020, maka sebab itu kita juga perlu menjaga keselamatan warga yang bertugas di sana. Memandangkan projek lapangan helikopter ini masih belum siap dan begitu juga dengan jeti masih lagi belum siap. Dikatakan akan siap pada 31 Mac 2021 tetapi terbukti lawatan baru-baru ini dibuat, lapangan helikopter masih belum boleh digunakan dan dibimbangi sehingga 31 Mac 2021 tidak boleh disiapkan.

Maka sebab itu, saya gesa Majlis Keselamatan Negara untuk mendesak kontraktor yang melaksanakan projek ini iaitu Chengaljati Sdn. Berhad, supaya lebih serius oleh sebab beberapa sambungan masa telah diberi bagi menyiapkan projek ini. Saya harap MKN akan memberikan tindakan bersesuaian. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Diminta Yang Berhormat Menteri menggulung, menjawab.

2.48 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) [Datuk Haji Shabudin bin Yahaya]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun

mengambil bahagian di dalam perbahasan yang berkenaan. Terima kasih di atas pandangan-pandangan serta sokongan-sokongan yang telah diberikan kepada pihak MKN untuk diambil perhatian dan juga diambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perbahasan yang dilakukan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong di mana Yang Berhormat Senator telah pun membangkitkan isu bahawa MKN perlu melaksanakan fungsi sebagai sekretariat pembuat dasar dan menyelaras penggabungan perisikan.

Sukacita dimaklumkan bahawa MKN telah dan masih melaksanakan fungsi sebagai pembuat dan penyelaras dasar integrasi operasi dan tindakan menyeluruh serta bersepadu. Selain daripada itu, MKN juga turut melaksanakan koordinasi dan perkongsian maklumat risikan. Seksyen 17, Akta 776 memperuntukkan untuk Majlis mengeluarkan arahan bagi perkongsian maklumat dan risikan antara entiti kerajaan.

■1450

Dalam hubungan ini, Arahan MKN No. 2 telah dikeluarkan bagi menubuhkan Jawatankuasa Perisikan Kebangsaan yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Keselamatan Negara. Jawatankuasa ini bersidang secara berkala, membabitkan keahlian daripada ketua-ketua agensi risikan.

Yang Berhormat Senator juga telah pun membangkitkan satu cadangan supaya MKN mengadakan mesyuaratnya setiap satu kali seminggu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Liew, berdasarkan kepada seksyen 7, Akta 776, sidang MKN perlu bersidang sekurang-kurangnya empat kali setahun. Walau bagaimanapun, sidang MKN boleh bersidang pada bila-bila masa yang diperlukan. Ini bermakna bahawa sekiranya ada keperluan terhadap kekerapan persidangan, maka tidak ada halangan untuk pihak MKN melakukannya.

Saya juga ingin merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang mana menyebutkan bahawa semenjak Akta Majlis Keselamatan Negara 2016 [Akta 776] diwartakan, berapakah aduan yang telah diterima dan disiasat? Adakah terdapat pendakwaan dibuat di bawah akta ini?

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak Akta 776 dikuatkuasakan pada tahun 2016, tiada aduan diterima dan disiasat dan tiada mana-mana individu pernah didakwa ataupun disabitkan dengan kesalahan di bawah akta ini.

Merujuk kepada persoalan lain Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas juga berkenaan dengan apakah wajar untuk meningkatkan tempoh pemenjaraan dari dua tahun kepada lima tahun dalam pindaan kepada subseksyen 37(2), Akta 776 berhubung dengan obligasi kerahsiaan. Sebagai makluman, pindaan kepada subseksyen 37(2), Akta 776 adalah bertujuan untuk meningkatkan tempoh pemenjaraan dari dua tahun kepada lima

tahun, mengambil kira keseriusan kesalahan berhubung penzahiran maklumat atau dokumen di bawah perenggan 1(a) dan (b).

Ia juga bertujuan untuk keselarasan dengan subseksyen baharu 21(6) serta subseksyen sedia ada 42(3), Akta 776 di mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta 776 boleh mengadakan peruntukan penalti denda tidak melebihi RM100 ribu, atau hukuman pemenjaraan tidak melebihi lima tahun.

Jika dibuat perbandingan dengan kesalahan mengenai obligasi kerahsiaan di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972 [*Akta 88*] khususnya subseksyen (8) akta berkenaan, tempoh pemenjaraan maksimum yang diperuntukkan adalah lebih tinggi iaitu tujuh tahun. Selain itu, adalah penting untuk menjaga keseimbangan atau *strike the balance* antara tempoh hukuman dengan kewajipan setiap individu untuk membantu kerajaan memelihara keselamatan negara.

Tuan Yang di-Pertua, merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang ingin mendapatkan penjelasan, adakah MKN boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan Laut China Selatan sebagai kawasan keselamatan jika ada pencerobohan di perairan Sabah?

Sidang MKN boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong selepas penilaian penuh dibuat dengan mengambil kira fakta-fakta keselamatan, ekonomi, kedaulatan, geopolitik dan sebagainya. Seksyen 18, Akta MKN memperuntukkan Majlis boleh menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan mana-mana kawasan dan wilayah Malaysia sebagai kawasan keselamatan. Pengiktirafan ini termasuk juga dengan kawasan-kawasan maritim Malaysia.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga menyentuh tentang adakah Ketua Menteri Sabah atau Ketua Menteri Sarawak boleh dilantik sebagai anggota Majlis Keselamatan Negara? Berdasarkan seksyen 6, Akta 776, Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak bukanlah anggota Majlis Keselamatan Negara. Namun, seksyen 10, Akta 776, memperuntukkan Majlis boleh mengundang mana-mana orang bagi menasihati Majlis. Berhubung dengan perbincangan dengan Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak, sekiranya hal atau perkara keselamatan yang menyentuh perbincangan, akan dijalankan dengan pihak kerajaan negeri.

Seksyen-seksyen ini menjelaskan bahawa walaupun Ketua Menteri Sabah dan Ketua Menteri Sarawak tidak terlibat secara terus menjadi ahli tetap kepada MKN, namun begitu dari semasa ke semasa, apabila MKN bersidang berkaitan dengan hal ehwal yang bersangkutan dengan negeri Sabah dan negeri Sarawak, maka Ketua Menteri ataupun bagi pihak kerajaan negeri sama ada Sabah atau Sarawak akan dilibatkan secara terus bagi mendapatkan pandangan dan juga apa-apa bentuk pendapat bagi menasihati Majlis

Keselamatan Negara di dalam membuat apa-apa cadangan dan sokongan untuk diangkat kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk tujuan pengisytiharan.

Maka dengan ini, jelas kepada kita bahawa walaupun peruntukan ini tidak meletakkan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri bagi Sabah dan Sarawak sebagai ahli, namun mereka adalah merupakan pihak-pihak berkepentingan yang akan dijemput, yang akan dilibatkan di dalam apa-apa urusan bagi menetapkan hal-hal keselamatan yang berkait dengan negeri Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada perbahasan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang menyoal di sini bahawa apakah pelan strategik yang telah diaturkan di bawah Agensi Keselamatan Siber Negara (NACSA), dan *Cyber Security* bagi meningkatkan penguatkuasaan dan keselamatan di media sosial. Sejauh manakah aspek penguatkuasaan media sosial dibangunkan dengan terperinci bagi menghadapi isu ini.

Kerajaan akan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Negara dalam masa terdekat. Strategi ini adalah satu pelan strategik yang komprehensif dalam menangani ancaman siber yang semakin kompleks melalui satu pendekatan aktif *cyber defence* bagi melindungi ruang siber negara secara bersepadu. Maka dengan itu, beberapa pihak dan kementerian lain juga akan dilibatkan termasuklah Kementerian Komunikasi dan juga kementerian-kementerian yang berkenaan.

Soalan selanjutnya daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani, apakah resolusi kementerian dalam menangani pencerobohan PATI yang membawa kesan seperti penularan wabak COVID-19? Adakah terdapat sebarang langkah penambahbaikan dalam menangani pencerobohan PATI?

Untuk makluman Yang Berhormat, Mesyuarat Kluster Keselamatan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan pada 23 April 2020 dipengerusikan oleh Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob telah bersetuju menubuhkan *National Task Force* (NTF) bagi membincang, merancang dan menyelaraskan tindakan menangani keselamatan di sempadan negara termasuklah pengawalan kemasukan PATI. Objektif NTF adalah untuk tujuan pencegahan, pengesanan, penghindaran, pelencongan, penahanan, pengusiran dan yang mana ia melibatkan Pendatang Asing Tanpa Izin (PATI).

■1500

Selanjutnya satu operasi khas iaitu, Ops Benteng yang diketuai oleh Komander NTF daripada Angkatan Tentera Malaysia dan diurusetikan oleh MKN telah dilaksanakan bagi tujuan ini. Operasi ini telah diterajui oleh empat agensi utama iaitu Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Imigresen Malaysia serta melibatkan sejumlah 14 buah kementerian, jabatan dan agensi-

agensi lain. Ops Benteng merupakan operasi khas bagi menangani isu keselamatan sempadan dan pada masa yang sama bagi mengekang penularan wabak COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat telah menimbulkan isu berkenaan degan pelan strategik kementerian dalam menangani ancaman siber negara. MKN akan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia pada 12 Oktober 2020. Strategi ini merangkumi lima tonggak utama bagi menangani ancaman siber iaitu tadbir urus keselamatan siber yang berkesan, memperkukuhkan rangka kerja perundangan dan penguatkuasaan, memacu inovasi dan teknologi bertaraf dunia, meningkatkan keupayaan, kesedaran dan pendidikan serta memperkukuhkan kerjasama di peringkat antarabangsa.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah mengemukakan beberapa soalan untuk penjelasan. Pertama, apakah had tempoh masa maksimum untuk menetapkan kawasan keselamatan. Berdasarkan subseksyen 18(3)(a) [Akta 776], "Had tempoh masa bagi suatu penetapan kawasan keselamatan adalah tidak melebihi enam bulan dan selepas itu ia boleh diperbaharui lagi bagi tempoh tidak melebihi enam bulan lagi. Tiada tempoh maksimum ditetapkan dalam Akta 776 bagi pengisytiharan sesuatu kawasan keselamatan".

Dalam perkara ini, terdapat *legal safeguards* berhubung kuasa mengisytiharkan kawasan keselamatan iaitu pengisytiharan tersebut hendaklah disiarkan dalam Warta dan dibentangkan di Parlimen dengan seberapa segera dan seterusnya boleh dibatalkan jika resolusi diluluskan oleh kedua-dua Majlis Parlimen untuk membatalkan pengisytiharan tersebut. Selain itu, menurut subseksyen 18(7) [Akta 776], "Yang diPertuan Agong boleh di atas nasihat Majlis membatalkan sesuatu pengisytiharan kawasan keselamatan".

Jadi, jelas kepada kita bahawa tempoh bagi pengisytiharan penetapan kawasan keselamatan adalah tidak melebihi enam bulan. Sekiranya ada keperluan, maka bolehlah ditambah atau disambung lagi enam bulan dan begitulah seterusnya kerana tidak ada had penetapan maksimum.

Merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili juga, mempersoalkan tentang apakah jaminan bahawa maklumat-maklumat yang diberi kepada Jawatankuasa Keselamatan Negara tidak tiris kepada agensi perisikan luar negara. Semua penjawat awam khususnya yang berkhidmat di dalam agensi atau sektor yang sensitif seperti keselamatan adalah tertakluk kepada Akta Rahsia Rasmi 1972.

Dalam hal ini, maklumat perisikan yang dikumpulkan dan dikongsi adalah Maklumat Terperingkat, hanya untuk pengetahuan dan tindakan agensi-agensi berkaitan dan juga peringkat tertinggi pentadbiran negara. Langkah-langkah menjaga kerahsiaan maklumat sentiasa menjadi amalan penjawat awam. Namun, ketirisan masih boleh berlaku atas faktor

kecuaiian atau kelemahan manusia dan teknologi. Namun begitu, kawalan ketat di atas maklumat yang telah dikemukakan sentiasa diambil berat oleh pihak kerajaan.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Senator Zaidi bin Haji Suhaili juga menyentuh tentang penglibatan negeri-negeri dalam MKN dan adakah Jawatankuasa Keselamatan di negeri-negeri juga di bawah MKN. Di bawah Akta MKN melalui Arahan MKN No.1, telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri (JKKN) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ataupun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri. JKKN ini bertanggungjawab kepada Majlis Keselamatan Negara yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Seterusnya, soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Robert Lau Hui Yew mencadangkan bahawa pengisytiharan kawasan keselamatan di Sarawak dibuat atas nasihat Ketua Menteri Sarawak. Sebagaimana yang telah dijelaskan tadi, berhubung dengan pengisytiharan sesuatu kawasan keselamatan di Malaysia, seksyen 18 [Akta 776] memperuntukkan bahawa Majlis hendaklah menasihatkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong untuk mengisytiharkan kawasan keselamatan tersebut.

Dalam hal ini, Majlis boleh merundingi kerajaan mana-mana negeri termasuk Sarawak dan Ketua-ketua Menteri termasuk Menteri Besar bagi mendapatkan maklumat yang perlu dalam melaksanakan fungsinya untuk menasihatkan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Ini menjelaskan kepada kita bahawa di peringkat Jawatankuasa Keselamatan Negeri boleh memberikan pandangan kepada MKN untuk MKN mengangkat kuasa pengisytiharan kawasan ini kepada Yang di-Pertuan Agong. Ini adalah untuk tujuan penyelarasan pengisytiharan supaya ia mengambil kira kepentingan seluruh rakyat Malaysia.

Selanjutnya, persoalan daripada Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid yang menyentuh bahawa adakah Arahan MKN No.1 sehingga No. 24 masih digunakan? Adakah ia dibentangkan bagi mendapat persetujuan sidang MKN?

Arahan-arahan MKN No.1 sehingga No. 24 telah dikemas kini bermula dari tahun 2015, selaras dengan keputusan Jemaah Menteri untuk menjalankan penstrukturan semula MKN. Setiap arahan MKN yang dikemaskinikan atau arahan baharu akan dibentangkan dalam sidang MKN untuk dibincangkan dan dipersetujui. Sehingga hari ini, sebanyak 12 arahan telah dikeluarkan yang meliputi pelbagai aspek seperti pengurusan keselamatan negara, sempadan, maritim dan sebagainya.

Selanjutnya adalah persoalan daripada Ahli Yang Berhormat yang sama iaitu apakah status Arahan Keselamatan yang sedia ada dan adakah ia telah dibentangkan

kepada anggota Majlis yang ada sekarang. Berdasarkan subseksyen 43(2) [Akta 776], “Maka apa-apa arahan, perintah atau keputusan yang dibuat oleh Majlis Keselamatan Negara yang sedia ada dan berkuat kuasa sebaik permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, apabila Akta ini mula kuat kuasa, setakat yang ia selaras dengan Akta ini dan sehingga ia dibatalkan oleh Majlis.” Selain itu tiada keperluan undang-undang bahawa arahan keselamatan itu perlu dibentangkan di hadapan Majlis.

Tuan Yang di-Pertua, begitulah jawapan-jawapan yang sempat disediakan bagi menyelaraskan pandangan dan juga soalan-soalan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator. Sekiranya ada persoalan-persoalan yang belum sempat dan tidak terjawab, maka soalan-soalan ini akan diberikan jawapan dan ulasan terus kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1510

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.*

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Saya mohon jawapan mengenai Pulau Jarak dihantar secara bertulis. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 9 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]***

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH KEHAKIMAN (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.14 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia telah memberi impak kepada cara pengendalian sesuatu tugas ataupun rutin seharian. Hal ini tidak terkecuali bagi mahkamah meskipun mahkamah bukanlah sebahagian daripada perkhidmatan perlu ataupun *essential services* semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Namun bagi memastikan akses kepada keadilan atau *access to justice* yang optimum dan juga berterusan kepada rakyat dapat dilaksanakan semasa PKP, Badan Kehakiman Malaysia telah memaksimumkan keupayaan teknologi sedia ada antaranya dengan mengadakan pendengaran kes melalui sidang video ataupun *video conferencing* dan pengurusan kes melalui sistem *e-Review* dan *e-mail* bagi kes-kes sivil.

Ini terbukti apabila Badan Kehakiman Malaysia telah menempah sejarah pada 23 April 2020 apabila pertama kalinya pendengaran kes iaitu kes di Mahkamah Rayuan telah dijalankan melalui *video conferencing* dan dibuat *live streaming*. Walau bagaimanapun, prosiding dalam talian ini merupakan satu alternatif kepada kaedah pelaksanaan perbicaraan dan tidak menghalang pihak-pihak untuk meneruskan perbicaraan kes mahkamah secara konvensional.

Dalam hal ini, selari dengan situasi yang berlaku dalam negara dan sebagai langkah jangka panjang bagi pengendalian prosiding secara dalam talian, Akta Mahkamah

Kehakiman 1964 iaitu Akta 91 perlu dipinda supaya apa-apa prosiding atau proses mahkamah yang dijalankan secara dalam talian adalah berasaskan peruntukan undang-undang yang jelas dan mengelakkan daripada kesahannya dicabar pada masa akan datang.

Langkah untuk meminda undang-undang juga adalah seiring dengan langkah yang diambil oleh beberapa negara luar dalam mengendalikan prosiding mahkamah secara dalam talian antaranya *United Kingdom*, Singapura, Australia dan juga New Zealand.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ataupun Akta 91 adalah suatu akta yang berhubungan dengan mahkamah kehakiman atasan dan mula berkuat kuasa di seluruh Malaysia pada 16 Mac 1964. Antara perkara yang diperuntukkan dalam Akta 91 adalah berkenaan bidang kuasa Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi iaitu bidang kuasa asal rayuan dan penyemakan.

Selain itu Akta 91 juga memperuntukkan perkara am antaranya seperti meterai mahkamah, proses mahkamah, mahkamah hendaklah terbuka dan awam dan juga berkenaan kaedah-kaedah mahkamah. Bagi mengadakan rejim perundangan yang lebih kemas serta berstruktur, maka pindaan dicadangkan untuk dibuat kepada beberapa peruntukan Akta 91. Cadangan ini melibatkan pindaan kepada empat peruntukan sedia ada dan pengenalan dua peruntukan baharu. Seterusnya saya akan menjelaskan cadangan pindaan tersebut yang dimasukkan ke dalam fasal-fasal rang undang-undang.

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas dan peruntukan mengenai permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

■1520

Remote communication technology ditakrifkan sebagai rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik lain. Takrif ini akan membantu mengenal pasti penggunaan jenis platform atau medium dalam teknologi komunikasi jarak jauh yang akan digunakan dalam prosiding mahkamah kelak.

Dalam fasal 3 bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 15A ke dalam Akta 91 untuk membolehkan Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi menjalankan prosiding melalui rangkaian video dan televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain. Dalam hal ini bagi maksud *clarity*, maka pindaan ini wajar dibuat. Ini kerana pada masa ini tiada peruntukan undang-undang khusus berhubung prosiding mahkamah yang boleh dijalankan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh.

Saya juga ingin menarik perhatian berhubung dengan konsep *open justice* di bawah seksyen 15, Akta 91. Seksyen tersebut memperuntukkan bahawa tempat yang di dalamnya

mana-mana mahkamah yang diadakan bagi maksud membicarakan apa-apa klausa atau perkara sivil atau jenayah hendaklah disifatkan sebagai suatu mahkamah terbuka ataupun *open court* dan awam yang kepadanya orang ramai pada amnya mempunyai akses.

Beberapa kes mahkamah antaranya Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak lawan *Public Prosecutor* dalam pada tahun 2019 dalam *Malay Law Journal* (MLJ) 281 Mahkamah Persekutuan dan juga *Public Prosecutor* lawan 'Shahri Said' di dalam Mahkamah Tinggi pada tahun 2007, *Canopy Investment Private Limited vs Landmarks Holdings Berhad* pada tahun 1989 dalam *Malay Law Journal* 469 Mahkamah Tinggi telah memutuskan berkenaan dengan subseksyen 15(1), Akta 91 yang memfokuskan kepada sifat awam ataupun *public nature* sesuatu prosiding mahkamah iaitu mahkamah hendaklah terbuka yang kepadanya orang ramai pada amnya mempunyai akses dan perbicaraan hendaklah diadakan secara terbuka dan telus supaya keadilan bukan sahaja dilaksanakan tetapi nampak dilaksanakan.

Kes-kes yang diputuskan jelas memfokuskan kepada sifat awam ataupun *public nature* sesuatu prosiding mahkamah berbanding tempat dan tidaklah mengehendkan tempat tersebut hanya kepada bangunan fizikal mahkamah. Dalam keadaan sesuatu prosiding mahkamah dijalankan secara dalam talian sebagai contoh melalui sidang video dengan kehadiran pihak-pihak yang berkenaan sahaja dalam sidang video tersebut tidaklah menjadikan kes tersebut dihalang daripada akses orang awam. Ini kerana orang awam masih boleh mengakses kepada sidang video tersebut melalui *live streaming* atau apa-apa kaedah yang ditentukan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam suatu prosiding yang dijalankan dengan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh, semua hak dan obligasi pihak-pihak adalah tidak berubah. Hal-hal yang berkaitan dengan pemakaian peruntukan undang-undang substantif, beban pembuktian, hak pihak-pihak untuk didengar dan memberikan respons kepada sesuatu kes terhadap mereka masih kekal dan tidak berubah sebagaimana pendengaran prosiding yang dijalankan di bilik perbicaraan.

Prinsip *open justice* juga masih dikekalkan iaitu pendengaran dalam talian yang dibuat melalui *live streaming* atau disiarkan secara *broadcast*, pihak-pihak adalah tidak dihalang daripada menghujahkan kes mereka atau memberikan respons kepada hujahan pihak lawan. Prosiding yang dijalankan dalam talian hanyalah melibatkan pertukaran *venue* atau tempat daripada mahkamah fizikal kepada maya ataupun *virtual*. Melainkan jika pihak-pihak menunjukkan bahawa akan berlakunya prejudis terhadap kes mereka, tiada bantahan wajar dibuat atas sebab teknikal atau prosedur semata-mata disebabkan pendengaran kes tersebut dijalankan di dalam talian.

Fasal 4 rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 16, Akta 91 bagi memberi kuasa kepada jawatankuasa kaedah-kaedah untuk mengawal selia dan menetapkan tatacara dan amalan yang harus diikuti berkenaan dengan prosiding mahkamah yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Fasal 5 rang undang-undang adalah bertujuan untuk meminda subseksyen 17(2), Akta 91 berhubung dengan keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-kaedah. Di bawah pindaan yang dicadangkan, keanggotaan Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur digantikan dengan keanggotaan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Penggantian ini adalah wajar dan suai manfaat kerana Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan adalah ketua jabatan di Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia ataupun PKPMP dan merupakan jawatan pegawai undang-undang tertinggi di PKPMP.

Sebagai ketua jabatan, beliau bertanggungjawab memastikan proses kerja dan tatacara di mahkamah yang terpakai bagi pegawai kehakiman, pengamal undang-undang dan orang awam adalah teratur. Maka adalah wajar Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan dimasukkan ke dalam Jawatankuasa Kaedah-kaedah dan peranan dalam menentukan apa-apa perundangan yang melibatkan tatacara mahkamah yang diputuskan termasuklah kaedah-kaedah mahkamah.

Fasal 6 rang undang-undang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Hakim Negara untuk mengeluarkan arahan amalan. Arahan amalan adalah suatu arahan berkenaan suatu tatacara atau amalan secara pentadbiran yang perlu diikuti di mahkamah. Pada masa ini, kuasa untuk mengeluarkan arahan amalan hanya diperuntukkan dalam perundangan subsidiari iaitu dalam Aturan 92 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 dan kuasa mengeluarkan arahan amalan diberikan kepada Hakim Besar.

Oleh yang demikian, adalah wajar selaras dengan perkembangan sistem kehakiman semasa, kuasa mengeluarkan arahan amalan ini diberikan kepada Ketua Hakim Negara dan diperuntukkan dalam akta ibu supaya impaknya lebih berkesan dari segi undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, fasal 7 rang undang-undang bertujuan untuk meminda subseksyen 69(1), Akta 91 bagi memberi kuasa budi bicara kepada mahkamah untuk menerima apa-apa keterangan lanjutan yang diberikan melalui penggunaan teknologi komunikasi jarak jauh. Perkara ini selaras dengan kuasa mahkamah yang boleh menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya cadangan pindaan kepada Akta 91 berkenaan dengan prosiding mahkamah melalui teknologi komunikasi jarak jauh dan perkara lain yang berkaitan dengannya adalah selaras dengan perkembangan teknologi dan keperluan undang-undang semasa. Adalah diharapkan agar dengan pindaan ini prosiding di

mahkamah dapat dijalankan dengan lebih teratur, efisien dan berlandaskan peruntukkan undang-undang.

Badan Kehakiman Malaysia juga merupakan antara negara yang terkedepan ataupun *ahead of* dan antara yang mendahului- *leading*, di peringkat negara-negara ASEAN yang terdiri daripada 10 buah negara. Dari segi pelaksanaan *e-court* perbandingan adalah dibuat berasaskan perkara-perkara berikut.

■1530

Di antara perbandingan yang digunakan untuk melihat kemajuan badan kehakiman Malaysia berbanding dengan negara-negara sekitar ialah yang pertamanya dari segi *e-filing* dan *case management*; kedua, dari segi *online hearing* ataupun *video conference* dan *live streaming*; ketiga, berkait dengan *court technology*; dan keempat, adalah berkait dengan *other initiative and future initiative*.

Badan kehakiman juga telah mengadakan perbincangan dan sesi libat urus dengan pihak-pihak berkepentingan seperti Jabatan Peguam Negara dan Majlis Peguam mengenai cadangan pindaan kepada Akta 91 ini. Semua pihak berkepentingan tersebut tiada halangan dan bersetuju dengan pindaan yang telah dicadangkan.

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata kerajaan berharap cadangan pindaan ini dapat memantapkan sistem penyampaian perkhidmatan badan kehakiman negara secara amnya demi memastikan akses kepada keadilan ataupun *access to justice* yang optimum kepada rakyat dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ada sesiapa menyokong?

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Ahli-ahli Yang Berhormat masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

Hal-hal ini telah pun selesai. Oleh yang demikian, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju, kata setuju, yang tidak kata tidak...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Ada pembahas.

Tuan Yang di-Pertua: Dipohon maaf disebabkan perbahasan belum- dua orang sahaja. Notis yang diberi dua orang, satu sudah tarik diri. Saya lihat kepada Dewan sebab itu saya rentas desa. Sekiranya ada, silakan. Tidak ada pakai senarai. Silakan.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya dulu yang bangun.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ikut peraturan, siapa yang tangkap pandangan dulu yakni orang yang lebih dekat.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Silakan.

3.33 ptg.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua untuk memberi ruang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Kehakiman 1964.

Dengan pindaan ini, tindakan yang berkaitan dengan mahkamah akan memungkinkan prosiding mahkamah disiarkan secara langsung atau melalui penstreman video atau media komunikasi elektronik yang lain. Ini termasuklah prosiding di Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Tinggi dengan mengubah seksyen 3, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 untuk memasukkan definisi baru teknologi komunikasi jarak jauh.

Seksyen baru 15A, subseksyen 69(1) akta tersebut juga telah diusulkan untuk diubah untuk memungkinkan penerimaan penyertaan melalui teknologi komunikasi jarak jauh. Mahkamah sedang bergerak ke arah prosiding dalam talian kerana COVID-19. Namun perbicaraan digital atau prosiding jarak jauh mungkin mengalami kekurangannya. Ini kerana wabak COVID-19 banyak sistem pengendalian di negara ini telah ditangguhkan atau dikurangkan prosiding secara langsung. Sebilangan kes telah ditangguhkan. Ini adalah saat yang belum pernah terjadi sebelumnya untuk sistem keadilan negara di mana mungkin boleh timbul isu di mana yang terlibat lambat untuk menyesuaikan diri dengan teknologi baru.

Perubahan ini juga akan menyukarkan orang ramai untuk mengakses proses mahkamah, terutama yang ada kepentingan. Apakah yang akan berlaku di mana mereka yang memantau perbicaraan untuk melihat pertanggungjawaban hakim, peguam bela dan pihak pendakwa akan berkurangan akses mereka terhadap perbicaraan secara tradisi dalam mahkamah.

Ada juga kebimbangan bahawa hujahan jarak jauh akan diperoleh secara tidak adil kerana ia akan memanfaatkan firma guaman mewah yang dapat membiayai akses teknologi yang baik dan sumbangan internet yang stabil.

Tuan Yang di-Pertua, prosiding secara digital sukar juga bagi mereka yang tidak mempunyai kemudahan Internet berkelajuan tinggi atau bagi yang tidak selesa menggunakan teknologi persidangan video. Ini adalah masalah yang perlu dititikberatkan oleh mahkamah tanpa mengira sama ada proses secara langsung atau proses jarak jauh.

Prosiding secara digital juga mempunyai kelemahan dari segi keselamatan yang melibatkan internet seperti boleh berlaku penggodaman maklumat dan manipulasi data.

Tuan Yang di-Pertua: Apa tadi itu?

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Penggodaman maklumat dan manipulasi data.

Walaupun begitu, dalam keadaan sekarang, teknologi komunikasi jarak jauh dalam proses mahkamah sangat penting untuk melindungi kesihatan awam. Contohnya, bagi mereka yang berada dalam tahanan menanggungkan perbicaraan membawa potensi menghabiskan lebih banyak masa di penjara, sementara jika mereka tampil secara langsung boleh membahayakan individu dan orang di sekitar mereka.

Diharapkan perbicaraan secara maya atau *virtual hearing*, dengan izin, harus yang mudah di akses oleh orang ramai. Proses mahkamah harus menjalankan prosiding sivil dengan siaran langsung melalui talian untuk ditatap oleh pemantau jarak jauh bahawa penyiaran mempunyai fungsi pendidikan awam yang positif secara keseluruhan dan ini boleh menghasilkan pengikatan dan ketelusan.

Akan tetapi, adakah ini boleh dilaksanakan di setiap mahkamah dalam Malaysia. Ini kerana kekangan kemudahan sebilangan besar operasinya dalam talian mungkin tidak boleh menyiarkan prosiding kepada orang ramai. Bolehkah sesiapa yang ingin melihat perbicaraan harus menonton di layar, di gedung pengendalian di semua mahkamah dalam negara ini? Bolehkah perbicaraan ataupun perbicaraan sivil direkodkan dengan persetujuan Hakim dan rakaman ini disiarkan kepada umum?

Jika tidak ia tidak akan membawa lebih banyak ketelusan dalam ruang pengadilan. Kurangnya ketelusan dapat mengikis kepercayaan masyarakat terhadap sistem kehakiman dan juga menghasilkan hasil yang lebih buruk bagi pihak yang kena tuntutan atau defendan.

Meminda kepada sistem keadilan dalam talian atau digital boleh memberi kesan terhadap *decorum* yang biasanya diharapkan di mahkamah. Diharapkan perbicaraan di mahkamah dapat dianggap sebagai perbicaraan mahkamah sama ada secara talian atau tidak, dengan izin, *moving the justice system online or digital has had unexpected consequences for decorum typically expected in a courtroom. Hope court hearing can be treated as court hearing whether online or not.*

Perlu disentuh bahawa perilaku atau dalam bahasa Inggeris *demeanour*...

Tuan Yang di-Pertua: *Demeanour.*

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: *Demeanour.* Reaksi saksi dan yang tertuduh merupakan kriteria penting dalam prosiding mahkamah dan aspek ini boleh terbantut dalam prosiding jarak jauh. Di sini akan timbul isu yang melibatkan kredibiliti saksi. Sebaliknya semasa Hakim menilai kredibiliti seseorang saksi, mestilah berada di ruangan yang sama dengan mereka.

■1540

Kita akur bahawa ada bahagian-bahagian dalam proses sivil dapat diurus dan dengan mudah melalui media komunikasi elektronik seperti persidangan pengurusan kes atau mediasi di mana para peguam bertemu dengan hakim dan juga pendaftar-pendaftar mahkamah untuk membincangkan bagaimana kes itu harus ditangani.

Dalam keadaan ini, tidak perlu meminta semua orang berada di ruangan yang sama. Sebahagian besar dari apa yang terjadi di ruang prosiding adalah tentang perasaan emosional. Bagaimana perasaan hakim terhadap yang didakwa, bagaimana perasaan pembela atau pendakwa terhadap hakim dan sebaliknya. Dalam prosiding talian, unsur perasaan ini terhakis. Seseorang itu boleh menjadi kurang daripada orang di belakang layar yang bermaksud mereka menjadi orang yang kurang kepada hakim, dengan izin, *which means they become less of a person to a judges unlike in a normal in house court proceeding.*

Tuan Yang di-Pertua, semasa pandemik, kemungkinan tidak ada penyelesaian yang lebih baik digunakan kemudahan teknologi untuk kes yang tidak dapat ditunda.

Namun, setelah krisis ini reda, mahkamah perlu melihat kesan untuk memutuskan nasib seseorang yang tertuduh melalui media komunikasi elektronik. Seperti yang sedia maklum oleh Yang Berhormat Menteri Undang-undang sebelum ini, penggunaan teknologi dalam bidang kehakiman pernah digunakan di negara kita. Tidak menjadi isu jika segala kaedah yang adil dan mudah digunakan dalam urusan pengendalian penghakiman di mahkamah termasuk penggunaan *artificial intelligence- AI*, dengan izin, bagi kewajaran hukuman.

Teknologi sebegini bukan sahaja membantu para hakim dalam merumuskan sesuatu pendakwaan dan juga pembelaan secara yang lebih konsisten, ia juga menjadi pemangkin kepada penggunaan teknologi yang lain yang boleh diaplikasikan di seluruh negara. Beberapa penggubal undang-undang di banyak negara telah menyatakan keberatan mereka terhadap penggunaan teknologi jarak jauh terutama untuk kes jenayah di Mahkamah Tinggi. Ada yang berpendapat bahawa boleh menggunakan teknologi ini hanya untuk kes sivil. Perkara ini masih menjadi perbincangan.

Bagaimanapun, ketika Yang Berhormat Menteri sekarang menekankan bahawa pindaan terhadap rang undang-undang ini akan sangat berguna bagi pengendalian untuk mengenal pasti penggunaan teknologi moden hanya ketika ia diperlukan. Maka ia dapat mengatasi segala bentuk kebuntuan dalam proses mahkamah termasuk dalam keadaan di mana wabak COVID-19 yang sedang dihadapi dunia sekarang dengan memberikan akses keadilan yang optimum kepada yang terlibat.

Melakukan prosiding secara talian secara keseluruhan masuk akal semasa adanya pandemik atau keperluan. Akan tetapi, harus berhati-hati jika mahu dilanjutkan selepas krisis ini kecuali dalam keadaan-keadaan tertentu atau budi bicara hakim. Telah diyakinkan para penggubal undang-undang bahawa pindaan tersebut hanya memberikan alternatif bagi pengendalian untuk bergantung kepada teknologi komunikasi jarak jauh dan bukanlah satu perkara yang mutlak. Mahkamah mesti mempunyai budi bicara mengenai kaedah untuk menjalankan kes-kes tersebut baik secara fizikal atau melalui teknologi jarak jauh.

Selain daripada itu, saya juga ingin bertanya, bagaimana pula pindaan yang melibatkan Mahkamah Syariah? Ini sebab buat masa kini, Mahkamah Syariah adalah sama taraf dengan Mahkamah Sivil. Jangan menganaktirikan Mahkamah Syariah. Memang itu akta lain tetapi prosiding dia sama.

Tuan Yang di-Pertua: Bagus juga pandangan itu.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Ya. Terima kasih. Mahkamah Syariah yang seperti Mahkamah Sivil terkesan dengan pandemik COVID-19 dan ia lebih terasa kerana melibatkan suami, isteri, anak-anak dan keluarga yang lebih dekat dengan hati khususnya masyarakat Muslim atau Islam.

Saya dimaklumkan sekarang sudah di... [*Perkataan kurang jelas*] perbicaraan juga seperti melibatkan pihak-pihak berada di negara lain terutama kerana COVID-19. Saya difahamkan Mahkamah Syariah juga menghadapi isu-isu seperti ini, kekurangan kelengkapan, *line* Internet yang bermasalah dan kurang pasti sama ada sudah ada arahan amalan atau tidak.

Oleh itu, bagi pihak kawan-kawan Muslim, saya merasakan pindaan ini pun diperlukan. So, saya akan setuju selepas saya dengar balasan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Dalam senarai saya tidak ada yang nak bercakap...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Ada, ada.

Tuan Yang di-Pertua: ...Akan tetapi, macam biasa Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad ada nampak berdiri dua kali. Sila.

3.46 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam merdeka. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian... [*Membaca sepotong doa*] Sebelum saya memulakan membincangkan tentang suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Kehakiman 1964, saya mengajak Dewan untuk merujuk kepada firman Allah SWT yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] yang bermaksud, "Sesungguhnya Allah tidak

mengubah nasib sesuatu kaum atau satu-satu negara itu melainkan kaum itu atau negara itu yang mengubah diri dia atau negara tersebut”.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, Akta Mahkamah Kehakiman 1964 sudah melalui beberapa siri pindaan dan sekarang ini pindaan yang terkini, pada hari ini ialah untuk menggunakan teknologi baharu. Syabas, tahniah kepada kerajaan kerana telah ada anjakan paradigma. Kalau kita tak beranjak, maka orang lain akan memintas kita. Sudah sampai waktu dan ketikanya kerana dengan izin, kita banyak kes *backlog*.

Banyak kes *backlog* walaupun pada suatu ketika, Ketua Hakim Negara pada ketika itu Yang Berbahagia Tun Zaki Azmi yang menjadi peguam melawan saya, petisyen pilihan raya bilamana saya di petisyen oleh Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed masa menang pilihan raya 1999.

Dia adalah peguam bagi pihak Yang Berhormat Dato' Sri Mustapa bin Mohamed atau UMNO pada ketika itu, mempetisyenkan saya, tuduhan saya rasuah. Saya tak kenal pun orang-orang yang dikatakan rasuah ini. Akan tetapi tak apa, pengalaman. Akhirnya dia jadi Ketua Hakim Negara, itu rezeki masing-masing. *Alhamdulillah*. Dia telah meletakkan piawai menetapkan bahawa kes-kes ini mesti diselesaikan pada tempoh-tempoh yang tertentu sama ada mahkamah bersetuju atau tidak, sebagai Ketua Hakim Negara, dia telah menetapkan sebegitu rupa.

Saya sekali lagi mengulangi tahniah saya kepada kerajaan kerana mengambil inisiatif mengikut keadaan semasa. Kalau dulu Tuan Yang di-Pertua, mana orang boleh fikir pembelian secara *online*. Dulu ada *eBay*, ada *Amazon*. Laman *eBay* yang paling terkemuka, dipotong oleh *Amazon*. Laman *eBay* entah duduk ke mana dah, walau dua-dua merupakan *software* untuk pembelian secara *online*.

Sehinggakan sekarang, dengan izin, dengan menggunakan teknologi *online* ini, orang yang paling kaya dalam dunia sekarang yang mempunyai nilai aset, nilai peribadi melebihi USD200 bilion yang bernama Jeff Bezos daripada syarikat *Amazon*. Saham dia waktu COVID atau tak COVID, tak pernah turun. Naik, naik, naik kerana semua orang telah membeli secara *online*.

Begitu jugalah dalam bab hal-hal kehakiman. Sekarang ini kita mesti bermula. Cuma kemungkinan kita bagus juga buat *simulation*.

■1550

Mungkin Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, pendebat pertama, dia hendak tengok. Saya pun hendak tengok juga. Kita buat *test case*. Ini kerana kalau Tuan Yang di-Pertua ingat dulu-dulu, apabila ada kes berat-berat terutama kes kriminal, kes bunuhlah, dulu kita pakai, dengan izin, juri awam. Kita pakai juri awam dan

kita tengok dalam televisyen-televisyen, filem-filem Inggeris dulu-dulu, zaman dulu, mungkin waktu saya masih sempat lagi melihat pada juri awam.

Juri awam ini melibatkan mungkin tujuh orang. Kita panggil, dengan izin, 'The Elders', orang hebat-hebat, orang macam Yang Berhormat Senator Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah, orang macam itu, dijadikan *Elders*, sebagai mengadili, sama ada hukuman itu patut jatuh hukuman mati, patut jatuh hukuman atau tidak. Maka, dia akan cari majoritinya. Majoriti kata, "Tidak bersalah". Dia akan tanya seorang-seorang Tuan Yang di-Pertua. Bersalah- *guilty*, dengan izin. Ia cerita Orang Putih ini, kita terpengaruh juga kita pun. *Sorry*-lah. Bersalah, bersalah. Bersalah, bersalah. Dia tengok empat lawan tiga, menang yang kata bersalah, maka bersalahlah si Orang Kena Tuduh (OKT) tersebut.

Jadi, saya tengok apabila mana melibatkan itu, sistem itu diubah. Tidak perlu lagi menggunakan juri awam. Apabila tidak guna juri awam, sudah berlaku penjimatan kepada perbelanjaan kerajaan. Ini kerana kita memberi kepercayaan kepada Hakim-hakim Mahkamah Tinggi atau Pesuruh-pesuruhjaya Kehakiman yang mana kita tengok tiap-tiap negeri, lazimnya paling tinggi, Hakim Mahkamah Tinggilah, kebanyakan negeri kecuali Sabah dan Sarawak, mungkin ada sedikit ekstra fasal ia besar, negeri besar.

Akan tetapi, umumnya, Hakim-hakim Mahkamah Tinggi atau Pesuruhjaya Kehakiman, mereka yang *lead*. *Alhamdulillah*, kerajaan, rakyat memberi kepercayaan untuk membuat keputusan, membuat, dengan izin, *judgement* berdasarkan kepada kebijaksanaan. Ini kerana dia ini yang arif. Awal-awal kita *address*, dengan izin, hakim-hakim sebagai Yang Arif, peguam-peguam ini, kalau tidak *address* sebagai Yang Arif, maknanya *something wrong*, dengan izin, peguam tersebut, Yang Arif. Ini kerana kita percaya kepada hakim-hakim, sama ada Hakim Mahkamah Tinggi atau Pesuruhjaya Kehakiman.

Jadi, kita tengok kerajaan telah mula daripada tujuh orang jadi seorang untuk mengadili kes dan kita percaya kepada kebijaksanaan Hakim Mahkamah Tinggi tersebut ataupun Pesuruhjaya Kehakiman tersebut, JC dengan izin.

Kemudian sekarang bagaimana? Saya rasa menarik, kerana apa saya kata menarik. Katakanlah OKT di Penjara Kajang, Penjara Sungai Buloh dan mana-mana penjara yang kes-kes berat, maka dalam hendak menjimatkan kos, berapa banyak kos kita boleh jimat? Pertama, kalau ramai yang terlibat untuk bunuh, maka, kita kena guna van, van polislah dengan eskot dan sebagainya. Kali ini kita hanya tempatkan di penjara-penjara, tempat khas.

Kerajaan belanja sekali saja untuk penjara A, Penjara Kajang, Penjara Sungai Buloh, Penjara Taiping, sekali saja. Belanja mula-mula, *design*, dengan izin, reka bentuk

tempat yang sesuai, letak pesalah di situ dan peguam bela bersama-sama dengan pesalah tersebut. Manakala pendakwa raya boleh berada di mahkamah atau boleh berada di pejabat dia. Dengan izin, berapa banyak *saving time, saving money?* Dengan izin. Penjimatan waktu, penjimatan wang dan hakim boleh bersidang di kamar dia, tengok.

Sekarang ini minta maaf, dengan izin, memanglah *all the best lawyers*, dengan izin, di Malaysia, kita sudah umurnya sudah 60 tahun ke atas. Jadi dia punya, hendak anjakan paradigma itu, dia berat sikit. Fasal penggunaan komputer ini- saya ada staf, saya tahulah. Staf saya ada yang berumur 60 tahun, 70 tahun dan 50 tahun. Dia punya seni kepada IT itu, perlahan-lahan.

Akan tetapi yang bawah-bawah ini, yang *lawyer*, yang peguam-peguam yang umurnya 25 tahun, 30 tahun atau 35 tahun, kemungkinan dia punya *knowledge* itu tidak sehebat yang macam Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair ini, boleh jadi. Akan tetapi, dia memang suka kepada teknologi. Kelebihannya Tuan Yang di-Pertua, rakyat boleh tengok, publik boleh tengok dengan- boleh kita tengok, publik. Jadi kalau hakim itu jatuh hukuman yang nampak sangat dengan undang-undang itu misalnya, dengan izin, dengan izinlah, saya pun kita tidak hendak tuduh. *Bias*, terlalu *bias*. Keputusannya terlalu *bias*, ramai orang boleh *judge*. Rakyat-rakyat bawah boleh *judge*.

Tidak payah sudah dengar pemberita Berita Harian, tidak payah dengar ada pemberita daripada Malaysiakini, dia boleh nilai, dia boleh nilai. Ini makna rakyat boleh jadi hakim. Tidak perlu dengar daripada sumber-sumber lain. Ini kerana boleh tengok *live* macam hari ini. Kita ini *live*. Saya terima *alhamdulillah* ucapan terima kasih saya ini beratus sudah. Semenjak ada di dalam ini. Beratus saya terima ucapan. Terima kasih kepada semua yang hantar ucapan tahniah kepada saya.

Misal kata Tuan Yang di-Pertua, dulu tahun 1999, semua benda saya bercakap. Akan tetapi, keluar televisyen, Yang Berhormat Menteri jawab keluar dan yang saya ini keluar tangan. Macam orang gila. Tahun 1999.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi gila ya?

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Yang Berhormat Jeli ingat Tuan Yang di-Pertua tengok dulu. Saya- Tuan Yang di-Pertua ada sekali ada dengan saya masa itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ada.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Saya bercakap, semua benda isu saya bercakap.

Tuan Yang di-Pertua: Akan tetapi, yang sini kena pilih-pilih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Akan tetapi, di sini Tuan Yang di-Pertua, *alhamdulillah*, hari ini semua orang boleh tengok. Inilah kita panggil anjakan.

Sebanyak 99 peratus Parlimen kita tidak hendak berganjak. Saya bercakap sampai habis suara-suara saya, keluar tangan saja. Tangan keluar dan suara tidak keluar. Orang kata saya gilalah.

Padahal saya bercakap itu, macam-macam perubahan berlaku. KWSP, melabur lebih daripada 30 peratus di luar negara, cadangan saya. PLKN saya cadang selama enam bulan, walaupun dia buat tiga bulan, cadangan saya. Doktor-doktor pakar, kerja di hospital-hospital pengajian secara rasmi, cadangan saya. Akan tetapi, tidak nampaklah, masa itu saya sebelah seberang sana.

Akan tetapi, saya hendak menceritakan bahawa *alhamdulillah* ini teknologi yang berlaku perkembangan. Apabila berlaku macam ini, okey, kes banyak akan cepat selesai. *Testing*, mula-mula memanglah, kita tidak boleh hendak jangka Tuan Yang di-Pertua. Mula-mula tidak akanlah tidak berlaku silap. Kita *try and error* tetapi biar ada *simulation*. Pilot hebat-hebat pun kapal terbang hilang. Itu biasa berlaku. Memanglah orang akan pertikai satu kes dan dua kes tetapi kita hendak tengok majoriti kes berjalan dengan lancar. Semua kita sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator hendak tengok, boleh tengok dengan baik.

Cuma waktu kita tengok. Siapa kita hendak tengok perbincaraan hari ini? Macam ada kes mantan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya tidak mahu guna perkataan '*mantan*'. Saya lebih suka guna daripada Amerika Syarikat dan juga Turki. Dia guna perkataan 'Presiden Ke-44, Presiden Ke-45'. Kita pun kena guna perkataan yang sama, 'Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Keenam, Perdana Menteri Ketujuh'. Itu lagi mulia jawatannya daripada sebut mantan, mantan. Mantan, mantan ini kita perkataan mati Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mantan itu, Yang Berhormat- Yang Berhormat, "mantan" itu, manusia tidak ada kerja.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tengok? Saya setuju dengan cakap Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dulu kita guna "bekas". Pilihlah mana yang hendak pakai.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tidak Tuan Yang di-Pertua. "Bekas" pun makna hina. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua orang pakar bahasa. Tuan Yang di-Pertua lagi tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri balik, pilihlah satu.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Dua-dua pun saya tidak setuju [Ketawa] Kita panggil macam kata 'Tuan Yang di-Pertua Kelapan, Kesembilan'. Mulia itu.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, kalau saya panggil Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad Kedua...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tidak bunyi sedap itu. Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh bukan? [*Ketawa*] Jadi, kena buat, 'bekas'. Jadi, macam inilah...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Jadi, begini Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kita masa had sikit. Jadi, simpulkan cepat sebab ada permohonan baharu hendak bercakap [*Ketawa*]

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, baru gear satu. Baru gear satu Tuan Yang di-Pertua. Macam mana mesej saya hendak sampaikan ke publik.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah kita tidak pakai gear sudah. Sekarang sudah pakai automatik [*Ketawa*] Sila, sila.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tidak, beginilah. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat sekalian, saya rasa *alhamdulillah*, negara berani buat. Buatlah, cuba saya rasa pasal satu lagipun kita sudah beri kuasa kepada Ketua Pentadbir Mahkamah. Memanglah bab-bab ini, kita kena bagi kepada *administrator*, biar hakim itu tidak usah terlibat dengan *management*, Hakim Mahkamah Tinggi, Hakim Mahkamah Persekutuan atau Hakim Mahkamah Rayuan.

Biar dia terlibat dengan intelektual dialah, *to focus* supaya jangan dibanyakkan 'pinggan-mangkuk' diberikan kepada dia, dengan izin. Jangan dibanyakkan 'pinggan-mangkuk' kepada dia supaya dia hanya fokus kepada isu-isu perundangan tetapi pentadbiran kita bagi kepada orang yang khusus kepada pentadbiran.

Jadi, *alhamdulillah*, satu cadangan yang baik dalam fasal yang diperkenalkan ini supaya Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan merupakan Ketua Jabatan dan bertanggungjawab bagi pentadbiran badan kehakiman di Malaysia termasuk penyeliaan semua Pengarah Mahkamah Negeri termasuk negeri-negeri pun di bawah seliaan dia.

Saya sekali lagilah, kali yang ke berapa mengucapkan syabas dan tahniah kepada kerajaan yang ada hari ini kerana berani dan *insya-Allah* ianya mudah-mudahan menjadi peneraju dan pelopor kepada negara-negara yang belum lagi bersedia untuk mengadakan mahkamah secara- menjalankan perbicaraan secara *online*. *Insya-Allah* saya yakin kepada peguam-peguam hebat-hebat ini yang umurnya 50 tahun, 60 tahun dan ke atas, memanglah yang itu yang hebat-hebat di dalam negara kita. Lama-lama dia boleh terima.

■1600

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Open time* pun dia rasa seronok kerana Tuan Yang di-Pertua saya sebut sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua beri saya satu dua minit.

Tuan Yang di-Pertua: Satu minit [*Ketawa*]

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Okey. Sekarang ini untuk mahkamah rendah, saya ikut kelas sekarang ini kerana kawan-kawan Laksamana Pertama tak benarkan kami juruukur menandatangani mana-mana pelan melebihi tiga batu nautika. Pelan itu kami sudah tak boleh *sign*, maka berlakulah satu persetujuan antara Pertubuhan Juruukur Tanah Berlesen dengan TLDM untuk melayakkan juruukur tanah berlesen menandatangani semua pelan-pelan yang luar daripada tiga batu nautika. Maka diwajibkan kami ambil kelas, 13 mata pelajaran dalam tempoh setahun dengan kos RM40 ribu secara *face-to-face* pada asalnya.

Alhamdulillah selepas dua subjek- Matematik dan Fizik. Tengok itu, umur 60 belajar lagi Matematik dan Fizik. Maka kami diwajibkan subjek lain itu *online*. Sangat menarik, sangat indah. Sambil-sambil minum teh minum kopi boleh belajar kelas, boleh duduk dalam bilik tidur. Inilah keindahan teknologi yang cuba diperkenalkan oleh Kerajaan Malaysia dalam sesi perbicaraan mahkamah di bawah Akta Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020. *Wallahualam. Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Ada permohonan terakhir iaitu dari Yang Berhormat Senator Yusmadi untuk berbahas. Silakan.

4.03 ptg.

Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Yang Berhormat Timbalan Menteri, terima kasih di atas pembentangan ini. saya mohon penjelasan Yang Berhormat Timbalan Menteri sedikit mengenai isu cadangan ini terutama sekali mengenai aspek latihan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apa yang kita cadangkan ini akan memberi implikasi kepada amalan guaman di lapangan. Apa yang saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah sejauh mana setakat Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat persediaan sekolah-sekolah undang-undang terhadap latihan yang diberi kepada bakal-bakal pengamal undang-undang, itu yang pertama.

Kedua iaitu juga ialah kepada pengamal-pengamal yang sedia ada. Ini kerana setahu saya dari segi latihan-latihan lanjutan ataupun di Majlis Peguam Negara kita panggil

continuing legal education, adakah perkara-perkara tersebut seiringan dengan teknologi yang kita cadangkan ini.

Ketiga, yang lebih penting lagi ialah aspek, dengan izin, *cyber security* iaitu keselamatan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, apabila kita mendedahkan sistem keadilan kita ini ke dalam dunia maya, ia juga akan mendedahkan kita kepada aspek-aspek yang agak pada pandangan saya canggih, ada *hacking* dan pelbagai lagi. Malah ingin juga saya tarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika mana mula-mula sekali kita buat perbicaraan secara langsung. Kebetulan saya mengikuti di *YouTube* dan sebagainya. Malah kita akan lihat banyak komen-komen yang dibuat secara langsung dan saya juga lihat ketika itu ada perkara-perkara sekiranya kita tidak amati ia akan menimbulkan perkara *subjudice* iaitu ketika mana perbicaraan berjalan, komen-komen berlaku secara seiringan, pertama.

Kedua, yang seterusnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, ingin juga saya mohon penjelasan apakah pandangan daripada pihak kehakiman sendiri- sejauh mana persediaan mereka. Ini kerana pengalaman saya sendiri terlibat juga kes yang baru-baru ini melibatkan isu bagaimana satu kes penghinaan- *contempt* melibatkan komen-komen di portal-portal dan sebagainya.

Saya melihat pada pandangan saya Yang Berhormat Timbalan Menteri, pandangan kehakiman terhadap apa yang kita panggil dunia media baharu, itu saya rasa perlu dipertingkatkan kerana ia akan menentukan pandangan dan keputusan mereka terhadap satu penghakiman.

Contohnya Tuan Yang di-Pertua, media lama. Ia *one way*. Media baharu ia ada saling- apa pentingnya komen dan sebagainya. Jadi perkara itu saya melihat Yang Berhormat Timbalan Menteri ia akan juga memberi implikasi apabila kita mendedahkan sistem keadilan kita kepada dunia teknologi.

Seterusnya, Yang Berhormat Timbalan Menteri yang saya rasa perlu penjelasan. Apa yang kita hendak cuba capai dalam ini ialah seperti mana diketahui ialah keadilan- *justice*. Itu adalah janji di dalam Perlembagaan Persekutuan. Pengalaman melihat sistem teknologi yang ada di lapangan, saya ucapkan tahniah kepada Menteri di Jabatan Perdana Menteri yang sebelum ini, Yang Berhormat Padang Rengas dan lain-lain yang telah menaik taraf sistem teknologi di sistem kehakiman.

Walaupun begitu, kita lihat kadang-kadang keberkesanan teknologi itu digunakan bergantung pada latihan dan juga sistem sokongan di kalangan peguam mahkamah itu sendiri dan juga hakim, iaitu tiga faktor itu. Dalam konteks ini juga Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin mencadangkan bahawa satu latihan khas yang mungkin

boleh disediakan oleh Jabatan Perdana Menteri bersama-sama dengan Majlis Peguam Negara bersama dengan pihak universiti dan saya rasa perkara ini perlu.

Poin yang terakhir yang ingin saya juga ketengahkan Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah mengenai isu etika. Dunia digital hari ini ialah satu dunia berbincang tentang *digital ethics*, dengan izin. Etika digital ini sangat penting kerana ia akan menimbulkan perkara-perkara yang akan akhir sekali membuka kita kepada perkara-perkara lain. Contohnya aspek keterangan, ada orang boleh buat keterangan-keterangan yang *super-imposed*. Benda ini bergantung pada tuduhan masing-masing. Jadi bagi saya bagaimana pihak kerajaan mungkin dengan bantuan SKMM, bantuan *Cybersecurity Malaysia* supaya betul-betul sistem keadilan kita ini tidak terdedah kepada ancaman-ancaman yang memang kita tahu selama ini berlaku di ruang maya.

Jadi, tahniah Yang Berhormat Timbalan Menteri di atas rang undang-undang ini. Memang saya bersetuju kerana ia akan melancarkan dan saya juga ucapkan tahniah kerana apa yang Yang Berhormat Timbalan Menteri minta di sini, dengan izin, "*the court may conduct*", ia bukan "*shall*". Jadi ia memberi budi bicara kepada mahkamah melihat kes-kes yang sesuai. Jadi ini ialah satu cadangan yang baik dan saya ucapkan tahniah dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, boleh gulung dan jawab.

4.07 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon izin untuk mengambil sedikit masa bagi memberikan maklum balas kepada cadangan-cadangan dan juga persoalan-persoalan yang telah ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Dewan kita pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua: Tiga orang sahaja Yang Berhormat.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Tiga orang sahaja.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Tiga orang [*Ketawa*] Okey. Tiga orang itu jamak sekaligus ya. Terima kasih juga di atas pandangan-pandangan dan cadangan-cadangan yang telah dikemukakan bagi kita memantapkan lagi akta yang telah kita wujudkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada soalan dan juga pandangan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas di mana Yang Berhormat Senator telah pun menimbulkan salah satunya ialah soalan adakah badan kehakiman bersedia dengan pelaksanaan *online hearing*.

Badan kehakiman telah pun sebenarnya telah melanggan perisian sidang video yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang terkawal dan juga terjamin seperti sidang video yang *encrypted*, mempunyai *waiting room* dan untuk *set up* peserta sebelum dibenarkan masuk ke dalam sesi oleh moderator ataupun hos. Selain daripada itu, sistem ini juga dipantau dan sentiasa dipertingkatkan oleh pasukan ketua jabatan dan juga MAMPU serta rangkaian-rangkaian pembekal.

Jadi apabila cadangan ini dikemukakan, sebenarnya kita telah pun mempunyai beberapa buah premis ataupun tempat yang telah pun dijadikan sebagai pusat perbicaraan yang menggunakan *video streaming* dan juga *video online*. Saya sendiri pernah ataupun melihat dan merasai secara *live* sistem ini di mahkamah Sandakan. Semasa itu kita mengadakan *video conferencing* terus dengan Mahkamah Tawau.

Jadi ini menunjukkan bahawa dalam cadangan untuk kita mewujudkan satu akta yang membolehkan pengendalian perbicaraan secara *online* dan *video streaming* ini dilaksanakan, beberapa siri-siri percubaan dan juga persediaan tempat-tempat untuk kita laksanakan itu telah pun kita adakan untuk kita mengenal pasti segala bentuk kelemahan, kekurangan ataupun kebaikan.

■1610

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga menarik perhatian Dewan tentang jarak jauh kerana jarak jauh tidak memanfaatkan firma guaman yang terlibat. Jadi, mungkin firma guaman yang mempunyai apa yang kita katakan kekuatan dari segi pengendalian kewangan dan sebagainya, mungkin boleh memanfaatkan sistem ini dengan lebih berkesan. Sebenarnya, pengendalian prosiding secara dalam talian merupakan kaedah alternatif sahaja. Jadi, saya ulangkan bahawa pengendalian prosiding secara dalam talian adalah merupakan kaedah alternatif sahaja.

Pihak-pihak masih boleh mengendalikan kes melalui kaedah perbicaraan secara fizikal. Pengendalian prosiding secara dalam talian juga bukanlah dimaksudkan sebagai mewujudkan jenis mahkamah yang baharu tetapi hanya memperuntukkan berhubung dengan kaedah alternatif di dalam pengendalian sesuatu prosiding mahkamah.

Dalam hal ini, mahkamah mempunyai kuasa budi bicara. Ini seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff sebentar tadi. Memang mahkamah mempunyai kuasa budi bicara untuk mengarahkan pihak-pihak tertentu mengendalikan *online hearing*, tertakluk kepada pertimbangan yang akan dibuat oleh para hakim yang terlibat. Jadi dalam hal ini, bukanlah semuanya mesti dilaksanakan secara *online*.

Akan tetapi saya bersetuju juga dengan pandangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, bahawa kita tidak boleh lari

daripada dinamikanya perkembangan teknologi kerana lambat laun ia tetap akan menyentuh kita, ia akan tetap sampai ke meja kita.

Jadi, dengan persediaan lebih awal mewujudkan akta ini, maka kita boleh membuat persediaan dengan lebih teliti dengan cara kita melihat, mengkaji, mendalami proses seperti yang kita maksudkan iaitu secara *online* yang telah pun dilaksanakan di negara-negara lain. Jadi, apabila kita telah mempunyai akta yang berkaitan, ia memungkinan kita untuk lebih memahami bagaimanakah pengurusan perbicaraan secara *online* ini dapat dilaksanakan lebih sempurna dan juga bagaimana untuk mengatasi segala isu-isu yang timbul daripada pelaksanaan perbicaraan secara *online* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga membangkitkan bagaimana menangani isu saksi sekiranya kita menggunakan *online hearing demeanor of witnesses*. Jadi dalam hal ini, memang saksi perlu dilihat sedemikian semasa perbicaraan supaya penilaian dapat dibuat lebih tepat.

Namun begitu untuk makluman, setelah pindaan ini dibuat, badan kehakiman akan meminda Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 yang antara lain memperuntukkan bahawa prosiding *online* dianggap sebagai prosiding di dalam mahkamah. Jadi, pemerhatian terhadap gerak laku saksi dan sebagainya akan dikemaskan melalui sistem *video conferencing* tersebut. Begitu juga seterusnya, Yang Berhormat Senator telah pun membangkitkan tentang kesediaan pihak-pihak untuk menggunakan teknologi ini di dalam kes jenayah.

Pengendalian *online hearing* akan dijalankan tertakluk kepada budi bicara mahkamah setelah mempertimbangkan pelbagai faktor. Perlu ditekankan bahawa *online hearing* hanya kaedah alternatif, sebagai alternatif sahaja dan bukan sebagai pengganti kepada perbicaraan secara fizikal. Pendengaran kes secara *online hearing* bukan mandatori dan perincian jenis kes akan dibuat melalui arahan-arahan amalan.

Pada masa ini, pendengaran secara dalam talian adalah bagi kes sivil sahaja dan ini telah dipersetujui oleh Majlis Peguam dalam mesyuarat dengan badan kehakiman pada 18 Jun 2020. Seterusnya, saya beralih kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, di mana Yang Berhormat Senator telah mencadangkan supaya *simulation* dilakukan untuk memberikan latihan dan kemahiran kepada setiap pihak-pihak yang terlibat sama ada di pihak peguam dan sebagainya. Termasuklah kakitangan kehakiman, untuk kita melaksanakan proses perbicaraan *online* ini secara lebih telus dan tuntas.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, badan kehakiman dan Majlis Peguam ada menyediakan latihan dari semasa ke semasa dan untuk membantu peguam-peguam dan pihak-pihak yang menjalankan prosiding *online*. Jadi, kita boleh memperkuatkan lagi,

memperbanyak lagi, memperkasakan lagi biro bantuan guaman dan juga Majlis Peguam serta badan kehakiman dari segi latihan dan simulasi ini.

Dengan wujudnya akta ini nanti, maka urusan-urusan untuk kita memperkemaskan urusan penggunaan media ataupun penggunaan teknologi moden akan boleh kita laksanakan dengan kita mendapatkan peruntukan-peruntukan tambahan kepada institusi badan kehakiman, kepada Majlis Peguam dan sebagainya bagi kita melaksanakan program simulasi. Oleh sebab program simulasi saja pun tidak mencukupi kerana latihan ini perlu dilaksanakan terus dari semasa ke semasa kerana ia adalah merupakan satu proses yang dinamik, yang sentiasa ada perubahan dan juga penambahbaikan.

Jadi, yang seterusnya juga ada satu lagi daripada Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair. Maafkan saya, *sorry* Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair punya, saya harap saya dapat menjawabnya sebahagian besar, mungkin ada satu dua yang tertinggal.

Kemudian daripada Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff. Apakah pandangan badan kehakiman terhadap media baharu? Badan kehakiman adalah bersifat terbuka terhadap media baharu masa kini.

Walau bagaimanapun, pada masa yang sama, penggunaan dan pemakaian media baharu perlulah seiring dengan peruntukan undang-undang yang sedia ada. Jadi, ini adalah satu perkara yang standard, di mana dari segi pengurusan badan kehakiman terhadap sistem pengurusan dan pentadbiran mahkamah, memang Ketua Pendaftar Mahkamah sentiasa mengambil berat tentang kesiapsiagaan sistem mahkamah kita dari segi penggunaan sistem dan teknologi dan yang lebih moden. Malah, kalau kita lihat sekarang, bukan sekadar mahkamah biasa yang kita jalankan prosedur ini, di Malaysia sahaja kita ada lebih kurang lima buah mahkamah yang dalam bentuk *mobile court*, mahkamah bergerak menggunakan sistem bas dan juga sistem telekomunikasi.

Jadi dalam hal ini, kebanyakan mahkamah *mobile court* ini berada di Sabah dan juga di Sarawak. Jadi dalam hal ini, bukan- *mobile court* ini tidak akan dapat berfungsi secara bersendirian sekiranya ia tidak menggunakan perhubungan sistem teknologi maklumat dan juga tidak menggunakan rangkaian sistem digital.

Jadi dengan sebab itu, peringkat pentadbiran mahkamah juga sedang berusaha selain daripada untuk menambahkan *mobile court*, kita juga bercadang untuk membeli trak yang khusus untuk kita melengkapkan dengan sistem telekomunikasi secara tetap. Di mana trak ini akan sentiasa mengikut perjalanan *mobile court* kita dan menyediakan kemudahan telekomunikasi bertaraf tinggi.

Selain daripada kepada mahkamah, juga kepada beberapa jabatan-jabatan lain yang berada bersama-sama dengan operasi *mobile court* pada hari yang sama, di tempat

yang sama, terutama sekali ialah di Sabah dan juga di Sarawak supaya masyarakat di Sabah dan di Sarawak juga dapat menikmati kemudahan kehakiman dan pengadilan secara cepat, tepat dan berkesan.

■1620

Jadi, itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, di antara jawapan-jawapan yang dapat saya jelaskan di dalam sesi perbahasan pada kali ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sekejap ya. Ada satu pencelahan ya. *I mean* penjelasan. Soalan saya tentang mahkamah syariah itu.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Oh ya, okey. *Actually*, ada jawapan itu tadi. Sebenarnya oleh kerana mahkamah syariah adalah merupakan mahkamah yang ditadbir melalui akta lain, jadi dalam hal ini, dari segi pengurusan badan kehakiman, perancangan untuk penggunaan *video conferencing*, dan *online* ini tidak lagi meliputi atau belum lagi meliputi mahkamah syariah. Mungkin selepas ini, *insya-Allah*, kita akan mengadakan rundingan di antara kedua-dua pihak supaya perkara ini dapat diselaraskan.

Di peringkat awal, sebagaimana biasa, mahkamah-mahkamah sivil terlebih dahulu melaksanakan beberapa perubahan dan akan diikuti oleh mahkamah-mahkamah syariah. Sehingga sekarang pun mahkamah syariah telah mengikuti prosedur-prosedur yang telah dikemukakan oleh pihak badan kehakiman dalam peringkat mahkamah biasa dan keadaan ini telah memberikan satu kemajuan kepada urus tadbir mahkamah syariah itu sendiri.

Jadi kita harapkan perkara ini dapat kita selaraskan selepas kita meluluskan akta yang dibentangkan pada hari ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri telah menyampaikan perbahasan dengan baik ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 7 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

4.27 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, mahkamah sivil di negara ini terbahagi kepada dua kategori iaitu mahkamah atasan dan mahkamah bawahan. Mahkamah atasan merujuk kepada Mahkamah Persekutuan, Mahkamah Rayuan dan mahkamah tinggi. Ia dikawal selia oleh Akta Mahkamah Kehakiman 1964 [*Akta 91*]. Mahkamah bawahan pula merujuk kepada mahkamah sesyen dan mahkamah majistret dan kedua-dua mahkamah ini dikawal selia oleh Akta Mahkamah Rendah 1948 [*Akta 92*].

Akta 92 mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia pada 1 Januari 1949 dan di Sabah dan di Sarawak pada 1 Jun 1981. Antara perkara yang diperuntukkan dalam Akta 92 adalah berkenaan dengan bidang kuasa sivil dan jenayah mahkamah sesyen dan mahkamah majistret. Selain itu, Akta 92 juga memperuntukkan perkara dalam kategori pelbagai, antaranya seperti meterai mahkamah, proses mahkamah dan kuasa mahkamah berhubung dengan perbicaraan secara tertutup.

Memandangkan prosiding mahkamah melalui teknologi komunikasi jarak jauh sebagaimana pindaan yang dibuat pada Akta 91 turut diperluas kepada mahkamah bawahan, maka dicadangkan Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 untuk diluluskan bersama-sama dengan Rang Undang-undang Mahkamah Kehakiman (Pindaan) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara pada 24 Julai 2020. Rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 7 Ogos 2020.

■1630

Cadangan untuk meminda akta 92 ini melibatkan pindaan kepada satu peruntukkan sedia ada dan pengenalan dua peruntukkan baharu.

Seterusnya, saya akan menjelaskan cadangan pindaan tersebut yang dimasukkan ke dalam fasal-fasal Rang Undang-undang. Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas dan peruntukkan mengenai permulaan kuat kuasa Rang undang-undang ini.

Fasal (2) rang undang-undang bertujuan untuk meminda seksyen 2 akta 92 dengan memasukan takrif baharu *remote communication technology* untuk memberi kuasa kepada mahkamah menjalankan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh. *Remote communication technology* ditakrifkan sebagai rangkaian video secara langsung, rangkaian televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik lain. Takrif ini akan membantu mengenal pasti penggunaan jenis platform atau medium dalam teknologi telekomunikasi jarak jauh yang akan digunakan dalam prosiding mahkamah kelak.

Fasal (3) rang undang-undang bertujuan untuk memasukkan seksyen baharu 101B ke dalam akta 92 untuk membolehkan mahkamah seksyen dan mahkamah majistret menjalankan prosiding melalui rangkaian video atau televisyen secara langsung atau apa-apa cara komunikasi elektronik yang lain. Pindaan ini juga mengandungi konsep *open justice* yang memfokuskan kepada sifat awam iaitu *public nature* sesuatu prosiding mahkamah.

Dalam hal ini bagi maksud *clarity* dan juga untuk mengadakan rejim perundangan yang lebih kemas serta berstruktur. Maka, pindaan ini wajar dibuat. Ini kerana pada masa ini tiada peruntukkan undang-undang yang khusus berhubung prosiding mahkamah yang boleh dijalankan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh.

Fasal (4) rang undang-undang ini bertujuan untuk memberi kuasa kepada Ketua Hakim Negara untuk mengeluarkan arahan amalan.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya peruntukkan yang jelas dan berstruktur mengenai pelaksanaan pendengaran kes secara dalam talian, ia dapat mengatasi apa juga keadaan dan situasi termasuklah pandemik yang melanda dunia sekarang ini agar akses kepada keadilan atau pun *access to justice* yang optimum kepada rakyat dapat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ada sesiapa yang menyokong?

Prof Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah: Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda.

Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad: Maaf. Peraturan, Tuan Yang di-Pertua. Saya bukan. Yang Berhormat Prof Emeritus Tans Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah itu kawan saya. Boleh kah bukan anggota pentadbiran membuat sokongan ini? Saya takut tidak boleh. Boleh tidak dari segi peraturan- *confirm* boleh? Ini tidak.

Jadi, tolong semak yang ini. Setahu saya tidak boleh. Setahu saya tidak boleh. Jangan main-main benda ini. Nanti orang gelak seluruh dunia *live* ini. Masuk surat khabar *live*. Tolong semak betul-betul. Tuan Yang di-Pertua, tolong tangguh dahulu sekejap Tuan Yang di-Pertua yang ini sehingga ada mana-mana anggota pentadbiran buat keputusan. *Wallahu'alam. Assalamualaikum.*

Timbalan Yang di-Pertua: Baik. Nanti dahulu.

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat selamatkan kita punya sidang. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda akta Mahkamah Rendah 1948 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh mula berbahas?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya, baik. Sila, sila.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Terima kasih. Saya pendek sangat tidak boleh nampak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Selepas itu kita punya Yang Berhormat Tuan Sr. Haji Mohd Apani bin Mohamad. Sila.

Dato' Kesavadas a/l A. Achyuthan Nair: Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberi ruang kepada saya untuk berbahas dalam Rang Undang-undang Akta Kaedah Mahkamah Rendah 1955. Pada prinsip pindaan Akta Mahkamah Rendah 1948, dapat diterima dalam kes-kes yang tertentu, tetapi perlu diteliti sebelum menguruskannya. Budi bicara hakim atau majistret dan kepentingan semua pihak yang terlibat perlu diambil kira.

Pindaan ini akan melibatkan proses di mahkamah seksyen dan mahkamah-mahkamah majistret dengan meminda seksyen (2), Mahkamah Rendah 1948 untuk memasukkan definisi baharu teknologi komunikasi jarak jauh dan dimasukkan seksyen 101

B yang baharu. Pindaan terhadap akta tersebut dapat dilihat relevan ketika negara dilanda wabak COVID-19.

Akan tetapi mungkin juga akan menghadapi beberapa kekangan dalam proses pelaksanaan dalam keadaan normal. Tanpa langkah-langkah keselamatan dan yang ketat diambil prosiding menanggung teknologi telekomunikasi jarak jauh boleh menimbulkan keraguan tanpa jaminan ke atas sistem keselamatan prosiding secara ini akan menimbulkan kebuntuan dan boleh membawa kepada proses pengadilan yang lebih lama atau *justice being delay*.

Mungkin terdapat kontroversi dalam aspek teknologi dalam mana-mana prosiding teknologi komunikasi jarak jauh boleh dipersoalkan keabsahan dan pihak-pihak tidak berpuas hati akan berpaling kepada proses litigasi dan ini akan melambatkan proses keadilan. Apakah pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan hakim atau majistret dalam perbicaraan teknologi komunikasi jarak jauh dibenarkan merayu supaya prosiding dilakukan semula di gedung mahkamah secara fizikal?

Tuan Yang di-Pertua, manipulasi komunikasi elektronik terlalu biasa pada masa ini dan ini juga boleh menjejaskan proses perbicaraan teknologi telekomunikasi jarak jauh. Isu implikasi terhadap saksi perbicaraan adalah suatu lagi perkara lain yang perlu diteliti tanpa pengawasan saksi dapat dipujuk atau dipengaruhi dengan banyak cara sebelum dan semasa interaksi serta *interogasi* tidak seperti ketika mereka hadir secara fizikal di mahkamah. Dalam keadaan sedemikian, saksi mungkin cenderung memberikan pernyataan yang tidak boleh disandari *undependable statement*, dengan izin.

■1640

Di bawah Rang Undang-undang Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020, kerajaan berniat untuk memperkenalkan seksyen baharu yang memungkinan Mahkamah Sesyen dan Majistret demi kepentingan dan keadilan, melakukan prosiding atas apa-apa sebab atau perkara, dengan izin, *proceedings of any cause or matter*, baik isu sivil atau jenayah atau mengadakan *inquiry* melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Perlu diingat bahawa dalam perbicaraan jenayah, perlakuan atau *demeanor* saksi adalah penting. Bagaimanakah sistem elektronik ini dapat mengesannya? Dalam isu membimbing atau mempengaruhi- *coaxing* saksi pula, bagaimana teknologi dapat mengesan perkara-perkara sebegini? Dalam situasi seperti ini, adakah sistem baharu ini dapat membantu dalam kes rayuan? Isu-isu ini tidak ditangani di sini.

Salah satu prinsip asas dalam rayuan sivil atau jenayah adalah bahawa Mahkamah Rayuan tidak akan mengusik penemuan fakta Mahkamah Rendah kerana mahkamah perbicaraan mempunyai kelebihan untuk memerhatikan saksi atau pihak-pihak dalam

perbicaraan secara fizikal dan dengan demikian adalah tidak mengganggu penghakimannya. Ini adalah satu faktor yang penting dalam kes-kes rayuan.

Kes-kes rayuan akan tengok macam mana kes dilakukan di Mahkamah Rendah secara fizikal. So, itu memang ada satu masalah yang akan timbul esok nanti. Tuan Yang di-Pertua, prosiding pengadilan yang dijalankan melalui rangkaian video atau televisyen langsung atau media komunikasi elektronik lain seharusnya tidak menjadi proses yang mutlak tetapi sekadar pilihan oleh mahkamah-mahkamah tertentu.

Walaupun kes-kes sivil, ia mesti dibuat bergantung kepada budi bicara mahkamah dan hanya diterima oleh mahkamah dalam kes-kes luar biasa seperti ketika mereka yang terlibat mempunyai alasan yang sah kerana tidak dapat hadir secara fizikal untuk proses mahkamah. Seperti ketika ada kekangan untuk berada di mahkamah semasa pandemik COVID-19 atau atas beberapa alasan lain yang sah dan boleh diterima oleh mahkamah.

Malah, operasi semasa yang hanya berlaku untuk prosiding kes sivil juga tidak boleh dianggap mutlak. Bagi perkara-perkara bersabit jenayah yang mana saksi menjadi penting bagi mahkamah untuk menyelesaikan suatu kes, adalah lebih wajar mereka yang terlibat dijalankan dengan kehadiran fizikal mereka di mahkamah. Saya yakin badan kehakiman dan Majlis Peguam Malaysia sedia maklum tentang perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Mahkamah Rendah beberapa jam pertama atau kedua dihabiskan untuk sebutan, pengurusan kes, mediasi dan pendengaran permohonan-permohonan secara *inter partes* atau *ex-parte*. Ini dapat dilakukan dengan teknologi komunikasi jarak jauh. Sejak awal tahun 2000, sistem KPI diperkenalkan dan ini berjaya membersihkan kes-kes tertunggak atau *backlog*. Sekarang, begitu banyak hakim-hakim di Mahkamah Seksyen dan Majistret telah dilantik. Kebanyakan tempat hanya satu atau tiga perbicaraan yang ditetapkan sehari dan tidak ada keperluan untuk teknologi komunikasi jarak jauh digunakan untuk perbicaraan.

Aspek lain yang perlu dipertimbangkan adalah peruntukan kewangan tambahan untuk proses tersebut. Kerajaan harus bersedia menanggung kos tambahan untuk cara proses pengendalian ini. Kemampuan Mahkamah Rendah untuk melakukan perbicaraan dengan menggunakan teknologi mungkin sukar berikutan ketiadaan peralatan dan infrastruktur yang diperlukan di samping masalah sebilangan besar kes perbicaraan setiap hari.

Lebih-lebih lagi, tidak semua pengamal undang-undang biasa dengan kaedah percubaan ini. Melihat kepada daerah-daerah terpencil yang mana tempat saya biasa beramal, di Negeri Sembilan ialah dekat Jelebu atau Johol, di Kelantan, di Gua Musang, Tanah Merah, Kuala Kerai dan di Terengganu, di Setiu dan Kampung Raja. Tempat-tempat ini ada Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sivil Tuan Yang di-Pertua.

Adakah mereka mempunyai jaringan Internet yang baik untuk tidak menyebabkan gangguan semasa diadakan prosiding? Jika dilaksanakan secara menyeluruh *across-the-board* mungkin lagi banyak terdapat kekurangan. Walau apa pun, membenarkan pihak yang terlibat dalam proses memilih, sama ada prosiding kes dijalankan secara talian atau secara fizikal harus tertakluk kepada budi bicara hakim atau majistret jika ada alasan kukuh untuk kes itu dilakukan secara teknologi komunikasi jarak jauh.

Adalah wajar seperti yang diulas oleh Yang Berhormat Menteri sebelum ini bahawa perkara ini tidaklah mutlak dan wajib. Tuan Yang di-Pertua, adalah dicadangkan jawatankuasa yang akan mengkaji semula beberapa kemungkinan dan kekangan dalam pelaksanaan prosiding teknologi komunikasi jarak jauh ini. Itulah perbahasan saya Timbalan Tuan Yang di-Pertua. Saya sokong dan saya rasa ada beberapa masalah akan diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair dan memberi pandangan yang baik dan ucapan yang baik.

Sekarang saya jemput pula Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, silakan.

4.47 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam merdeka kepada Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian.

Alhamdulillah, kita bersyukur kerana kita masih lagi bersama-sama di dalam Dewan yang mulia ini dan saya mewakili teman-teman Yang Berhormat Senator sekalian mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara kerana menyelamatkan prosiding Dewan Negara kita. Setakat yang kami fahamlah, *insya-Allah*.

Jadi, untuk saya meneruskan perbincangan tentang rang undang-undang untuk meminda Akta Mahkamah Rendah 1948. Jadi, lebih dulu pada rang undang-undang sebelum ini, tahun 1948 zaman *Malayan Union* lagi ini. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian, sebelum itu saya ingin merujuk kepada firman Allah dalam Surah An-Nahl, yang berbunyi... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*]

Maksudnya lebih kuranglah, "Kamu ajaklah, seru lah mereka kepada pegangan kamu dengan cara yang bijaksana dan contoh tauladan yang terbaik dan berbincanglah, berdebat lah, berbahas lah dengan mereka dengan lunak dan merdu". *Alhamdulillah*, saya mengucapkan syukurlah saya bila mendapat kesempatan berada dalam Dewan Negara ini

yang kita namakan *Upper House*, dengan izin, dan saya juga berpengalaman berada dalam Parlimen, memang satu fenomena suasana yang cukup berbeza.

Alhamdulillah, dalam Dewan Negara ini kita macam adik beradiklah *insya-Allah*. *We all like comradeship*, dengan izin. Sedangkan dalam Dewan Rakyat, memang bangun cakap sepatutnya terus diseranglah kalau dulu. *Alhamdulillah*, saya rasa suasana ini terkejut juga saya pada usia 39 tahun jadi Ahli Parlimen. Masa itu tidak apa lah muda, pemuda lagilah *before* umur sebelum 40 tahun. Sekarang sudah usia warga emas 60 tahun, berada dalam Dewan Negara, syukurlah.

Timbalan Yang di-Pertua: Nampak muda lagi.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insya-Allah* boleh belajar dengan saya ilmu itu [*Ketawa*] Tuan Yang di-Pertua, macam ini saya minta maaf pada petang ini tadi saya bangun untuk menegur prosiding. Kali ini saya pun hendak tegur juga. Kalau kita pakat-pakat tengok dalam muka surat dua itu saya agak terkilan- bukan agak terkilan, sangat terkilan kerana kalau ditanya kepada saya apa bangsa kamu. Bangsa Melayu. Apa bahasa kamu pertuturkan? Bahasa Melayu.

■1650

Tiba-tiba dalam Dewan Negara ini kita semua termasuk Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas pun cakap Melayu, semua cakap Melayu. Tiba-tiba dalam muka surat dua, seksyen baru 101B. Saya bacalah Tuan Yang di-Pertua, Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 101A seksyen yang berikut, dengan izin, "*court may conduct proceedings through remote communication technology*". Seksyen 101B; nombor satu, "*without limiting section 101, the court may, in the interest of justice, conduct the proceedings of any cause or matter, civil or criminal, or hold any inquiry through a remote communication technology*".

Saya baca habis Tuan Yang di-Pertua. Kedua, "*the place in which the court is held the conduct, the proceedings of any cause or matter, civil or criminal, or hold an inquiry, through a remote communication technology shall be deemed to be conducted within the local limits of jurisdiction assigned to it under section 59 or 76, or, if no such local limits have been assigned arising in any part of peninsular Malaysia*".

Ketiga, "*nothing in this section shall affect the operation of section 5 of the Evidence of Child Witness Act 2007 (Act 676), section 265A and 272B of the Criminal Procedure Code and section 32A of the Evidence Act 1950 (Act 56)*".

Keempat, "*in this section "place" include cyberspace, virtual place or virtual space*", dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

Kita berbicara dalam Bahasa Melayu, yang lain-lain ada dua *version*, satu ia bagi rang undang-undang dan yang satu lagi ia bagi a *bill*. Pertama dia kata 'bernama', yang

kedua dipanggil '*intituled*'. Sekarang ini kenapa masih mengekalkan Bahasa Inggeris? Ini tidak patut berlaku ini, bagi saya. Saya rasa hina, saya orang Melayu, tiba-tiba tidak ada ke Bahasa Melayu untuk, takkanlah Jabatan Peguam Negara belum lagi siap versi Melayu dalam bab ini.

Jadi, saya fikir ini satu kesilapan yang besar sebagai seorang Melayu yang sentiasa memperjuangkan Bahasa Melayu. Saya yakin dengan kekuatan dan kehebatan Bahasa Melayu kerana saya diberi kesempatan oleh Allah SWT melawat 170 buah negara paling kurang. Semua orang berbangga dengan bahasa masing-masing sama ada di Maldives, Dhivehi 350 ribu orang bercakap Tuan Yang di-Pertua, dia berbangga dengan bahasa dia walaupun bahasa 350 ribu orang bercakap bahasa Dhivehi dan dia mengajar di universiti, dia tidak ada universiti, dia ada macam politeknik begitulah, dalam bahasa Dhivehi.

Begitu juga di Korea, begitu juga di tempat-tempat lain di Korea Selatan. Saya berkesempatan, saya pernah ada kilang, dengan izin, buat *mold*, memang buat *mold*. Kita pergi ke Korea Selatan tidak pandai cakap Inggeris pun tetapi bila kita bagi lukisan, teknikal, *masya-Allah*, dengan izin, dia boleh buat walaupun dia tidak boleh berbahasa Inggeris. Hari ini saya fikir satu kesilapan besar dan saya tidak mahu Parlimen mengulangi lagi kerana mesti ada setiap satu itu dalam bahasa Melayu kita. Ini kerana inilah kekuatan bahasa jiwa bangsa.

Kalau kita tidak yakin dengan bahasa kita, maka bagaimana kita hendak yakin dengan bangsa kita. Akan tetapi, *insya-Allah* saya hendak tengoklah lepas ini diganti perkataan ini, dihantar secara pos dan sebagainya kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sekalian dengan izin.

Merujuk kepada pindaan. Pindaan ini sama macam yang sebelum ini Akta Kehakiman cuma yang ini Mahkamah Rendah. Mahkamah Rendah ini hakimnya boleh buat keputusan, kalau denda maksimum RM250 ribu. Kalau jatuh hukuman *criminal* yang lain, ia tidak sampai kepada peringkat jatuh hukuman mati. Jadi, memang kes macam ini orang Kelantan kata berlambak, banyak dan *backlog*-nya terlalu banyak. Jadi, kita hendak tengok macam mana kes ini dapat diselesaikan. Ini kerana banyak sangat kes macam ini.

Sedihnya, kes di bawah Mahkamah Sesyen tetapi mungkin orang itu dari Sarawak, mungkin dari Limbang ataupun Ba'kelalan misal kata. Mungkin orang itu tinggal katalah di kawasan Tenom, contohnya atau Kalabakan. Tiba-tiba kesalahan itu berlaku, ya lah Mahkamah Sesyen bukan salah besar-besar pun, ia berlaku di Kuala Lumpur. Bayangkanlah berapa kos kalau kes itu di *conduct*, dengan izin, di Kuala Lumpur dan dia ini adalah penduduk yang duduk di Ba'kelalan ataupun penduduk yang duduk di Tenom, Pensiangan.

Jadi saya fikir orang Kelantan kata, ini lawak jenaka orang Kelantan, 'janganlah mahal tali daripada buruk' dengan izin. 'Jangan mahal tali daripada buruk', maknanya jangan mahal benda lain daripada komponen itu sendiri. Jadi maknanya kes ini, kalau misal katalah kes rasuahlah kita kata. Kes rasuah kalau dululah, saya pun tidak ikut perkembangan terkini, ia lima kali ganda dia punya *judgement*, dengan izin, paling minimum lima kali ganda daripada nilai suapan ataupun RM10 ribu yang mana lebih tinggi.

Jadi saya membawa satu kes sahabat saya, seorang Ahli Parlimen dari Kelantan. Pada penggal Parlimen Ke-10, dia punya pertuduhan oleh SPRM, kes tuntutan RM792 kawan saya ini. RM792, dia tinggal di Kelantan. Kes kena bicara di Kuala Lumpur, pertuduhan RM792. Cuba bayangkan berapa kali daripada Kelantan dan pencen Ahli Parlimen untuk penggal ke-10 RM2,315 lebih kurang. Jadi, hidup di bawah paras yang layak mendapat BR1M. Layak dapat BR1M ini, yang pencen Ahli Parlimen Penggal Ke-10, Ke-11, Ke-12.

Saya hendak menceritakan sahabat saya ini, RM792 dan terpaksa, dengan izin, *hired a good lawyer* dan sebagai sahabat kita pun tahu dia tunjuk ini saja pendapatan dia, terpaksa datang ke Kuala Lumpur dan biasalah peguam-peguam hebat ini, minta maaflah Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, dia ada satu yang dia kata okey nilai OKT kena bayar saya perjanjian. Katalah RM100 ribu tetapi yang dia tidak beritahu yang harian kena masuk ke mahkamah. Harian ini boleh tahan bergantung pada, dengan izin, *seniority* peguam-peguam tersebut. Bayangkan dia duduk Kelantan, pencen RM2,315 membicarakan satu kesilapan pertuduhan RM792 tuntutan perjalanan Ahli Parlimen.

Saya fikir dalam kes inilah pentingnya akta yang baru ini kerana saya tahu kes ini berlambak. Cuma bagaimana kalau misal kata, mahkamah kata atau hukumannya okey walaupun RM792 atas alasan hendak memalukan Ahli Parlimen tersebut, maka katakanlah dia didapati bersalah, maka penjara satu tempoh yang tidak kurang daripada satu tempoh tertentu. Ini mungkin ada sedikit *technical issue*, dengan izin, di mana kita tak nak macam orang Kelantan kata 'jangan mahal tali daripada buruk'. Tidak mahu benda lain lebih mahal daripada kos *substance* itu sendiri.

Maka mungkin pihak kerajaan kena memikirkan kes-kes yang perlu dibicarakan kerana ini melibatkan Mahkamah Sesyen, bicarakan miskin di Mahkamah-mahkamah Sesyen di tiap-tiap daerah, itu mungkin. Kalau di Terengganu mungkin di Kampung Raja, kalau di Setiu, di Permaisuri, kalau di Jeli ada mahkamah. Jadi, ada kemungkinan majistret hendak menjatuhkan hukuman bersalah, maka dia tidak dapat bayar denda. Maka, dia dijatuhi hukum penjara.

■1700

Di situ mungkin ada sedikit teknikal, di sini mungkin saya mohon mencadangkanlah kalau boleh kes berlambak kita hendak cepatkan benda ini tidak hendak menganiayai mana-mana pihak, tidak hendak kerajaan habis duit banyak, melibatkan peguam-peguam dan Jabatan Peguam Negara kena hadir banyak hari, tuntutan dan sebagainya. Kita hendak *save cost*, dengan izin, dalam waktu musim COVID-19.

Kita fikir, saya rasalah, dengan izin, kalau boleh kes-kes itu dipindahkan kepada tempat-tempat yang dekat kepada alamat OKT, tempat yang dekat- mungkin Mahkamah Majistret. Polis memang tetap ada di tiap-tiap majlis. Mungkin boleh baca kes itu sekarang sudah *online*, sebab itu kita panggil *online*, dengan izin. *Remote technology*. Jadi kes yang ini mungkin agak sedikit kompleks berbanding dengan kes Akta Kehakiman yang 1964 tadi kerana itu mungkin tidak sebanyak kes-kes yang dikendalikan oleh Mahkamah Majistret.

Pada masa yang sama saya menyokong. Saya bab-bab teknologi ini *alhamdulillah* saya sangat-sangat menyokong. Masa saya menggunakan kamera analog, saya sudah fikir sudah mesti ada *remote drone* ini, sudah khayal sudah tetapi saya ini bukan saintis..

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Yang Berhormat, boleh saya minta celah sedikit tidak? Saya, saya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Sila, sila.

Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair: Tadi Yang Berhormat ada beritahu kalau kes berlaku di Jeli, kes ini hendaklah dibicarakan di tempat mana OKT tinggal. *Now*, kena faham bahawa di Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret ialah *jurisdictional*. Dia ikut daerah. Kalau perkara atau peristiwa itu berlaku dikatakan Jeli, perbicaraan hendaklah dibicarakan di Jeli. Kalau katakan dibicarakan di Kota Bharu, ada satu seksyen di dalam *the Courts of Judicature Act- sorry, Subordinate Courts Act* yang mana perbicaraan ataupun keputusan itu boleh dianggap tidak sah, ini pernah berlaku di satu kes *accident*. Kemalangan berlaku di Kuala Krai dan bicara di Kota Bharu. Insurans tidak hendak bayar sebab *lack of jurisdiction*, itu sebablah. Terima kasih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat semua, manusia ini tidak tepat, dia ada kelemahan. Manusia ini kalau dia tepat, dia jadi Tuhan sudah manusia ini, dengan izin. Oleh sebab itu kita pinda ini. Fasal apa kita pinda? Oleh kerana perkembangan terbaharu, maka kita pinda. Kalau tanya balik fasal apa hendak pinda? *[Ketawa]*

Ada ramai peguam-peguam tidak boleh main komputer, yang sudah berumur 70 tahun tekan komputer pun tidak dapat, tidak boleh. Mesti dia marah. Kenapa hendak guna, dengan izin, IT dan sebagainya, *remote telecommunication* ini. Dia mesti soal macam itu

fasal zaman dia fasal untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, komputer ini di Malaysia ini mula-mula *start* UTM paling awal fasal kita Universiti Teknologi. Paling awal, 1980. Masa itu Tuan Yang di-Pertua, kita main petik kertas lagi, petik kertas lagi. Tidak ada lagi *main board* lagi.

Tidak ada lagi dan fakulti yang pertama menggunakan komputer di Universiti Teknologi adalah Fakulti Ukur. Sana kita kira perkiraan angka-angka besar semua menggunakan komputer. Kalau bilik komputer yang mula-mula diperkenalkan UTM dengan adalah lebih kurang lapan atau sembilan terminal, hampir semua itu digunakan oleh pelajar-pelajar Fakulti Ukur fasal kita menggunakan nilai-nilai yang besar.

Makna kata, komputer dahulu petik kertas pakai *binary* sistemnya. Sekarang sudah guna, sudah laju sudah. *In fact*, kalau dahulu hendak beli, dahulu dipanggil 286 *gig*, 386, 486 sekarang sudah tidak tahu hendak sebut sudah *gigabyte* ini [Ketawa] Dia jadi hendak cerita bahawa itulah perkembangan teknologi. Jadi saya hendak mencadangkan supaya kerajaan memikirkan kaedah tersebut. Mungkin dengan kes-kes yang berlaku maknanya sudah ada kes atau *preceding case* itu menjadikan kita fikir dengan sebab-sebab kesilapan, sebab-sebab pengalaman maka kerajaan boleh meminda supaya yang penting kita hendak menjimatkan kos dalam celah-celah ini.

Musim COVID-19 kita kalau boleh hendak elak perjalanan, semua kita hendak elak. Mungkin peguam itu dia boleh duduk dalam *office* dia sahaja ataupun dia boleh duduk- itu masing-masinglah. Itu, dengan izin, teknikallah bagi saya, *it's technical*. *Insyallah* kalau kita kreatif, dengan izin, *can be done* bagi sayalah.

Jadi yang penting kes-kes ini kita tidak hendaklah melibatkan kos-kos atau mengenakan kos yang tinggi kepada OKT-OKT, orang kena salah fasal kebanyakan yang terlibat dengan kes ini memang orang yang miskinlah. Orang yang miskin, orang tidak mampu. Jadi saya fikir kerajaan daripada pandangan yang diberikan oleh sahabat saya, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas itu fikir supaya apa yang disebut tadi, jangan menjadikan itu sebagai hambatan atau halangan untuk kita meneruskan usaha-usaha menjadikan teknologi baharu sebagai asas perbicaraan sama ada mahkamah *level* mana sekalipun Mahkamah Majistretkah, Mahkamah Tinggikah, Mahkamah Rayuankah, atau Mahkamah Persekutuan.

Jadi saya sekali lagi sebelum saya menamatkan perbicaraan saya, saya mintalah kalau boleh diperbetulkan yang tadi kerana saya pun hendak tengok bahasa Melayu saya ini supaya dibetulkan dan *insyallah* saya menyokong usaha baik kerajaan dan memanglah kerajaan sudah melakukan anjakan paradigma. Memang kita terpaksa hidup ini melakukan anjakan paradigma untuk maju. Seseorang yang maju Tuan Yang di-Pertua,

mesti berfikir di luar kotak. Kalau tidak fikir di luar kotak kita akan jadi macam *mediocre*, dengan izin.

Oleh sebab itu, saya hendak bagi satu contoh bagaimana pelopor-pelopor IT ini Tuan Yang di-Pertua, Bill Gates, dengan izin, *university dropout*. *University dropout* tetapi *Microsoft* dia itu, *software Microsoft* dia terbaik di dunia. Begitu juga *Dell*, yang buat komputer *Dell* ini, dia bermula daripada bilik asrama dia sahaja *Dell* ini, buat komputer itu, *Dell* itu. *He's a multi billionaire*, dengan izin.

Begitu juga dengan Mark Zuckerberg, *Facebook* dia pun bermula daripada, dengan izin, *dormitory* atau asrama dia sahaja. Ini Tuan Yang di-Pertua tahu sangatlah, kita duduk asrama macam mana sahaja. Bermula daripada *dorm* dan yang terkini ini termasuk orang paling bijaklah orang kata saintis di abad baharu ini, Steve Job yang mana bapanya seorang Muslim daripada Syria, seorang profesor daripada Syria. Ibunya seorang wanita Inggeris daripada Amerika Syarikat. Ayahnya seorang Muslim, profesor berasal dari Syria.

Steve Job yang dibela oleh keluarga angkat, kalau baca autobiografi dia memang pernah ikut kumpulan *hippies* dan sebagainya tetapi saya hendak menceritakan tentang bagaimana pemikiran mereka ini di luar kotak. Bila mereka menggunakan pemikiran di luar kotak, itulah orang yang berjaya. Orang yang berjaya ini bila dia berfikir di luar kotak. Oleh sebab itulah saya hendak menggalakkan saya sangat-sangat menyokong tindakan kerajaan ini untuk membicarakan kes Mahkamah Rendah dengan menggunakan teknologi baharu untuk menjimatkan, menyelamatkan bukan hanya di musim COVID-19, juga di luar musim COVID-19.

Oleh kerana kita kena ingat kita ini bakal mati, semua orang bakal mati. Mereka yang muda-muda ini dia semua guna teknologi itu belaka sudah, dia sudah guna. Maka sediakan payung sebelum hujan, sediakan awal-awal lagi supaya selepas ini dia berjalan lancar. Sekiranya berlaku apa-apa kesilapan, berlakunya apa-apa pengalaman, semua kita belajar daripada pengalaman. Luas perjalanan, banyak pengalaman dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Jadi dengan pengalaman inilah, *insya-Allah* kita akan menghadapi senario *amendment*, dengan izin, pindaan demi pindaan. Pindaan demi pindaan. *Insya-Allah* kita akan bertemu dengan itu fasal *it is a trial period*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Sekian, saya mengucapkan terima kasih tetapi sekali lagilah saya minta perbetulkan balik dan hantar yang berversi Melayu, *wallahualam. Wabilahitaufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad yang telah membahaskan dan menceritakan benda

yang baik ya. Sekarang kita minta juga tadi, diminta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.09 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator kita yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan sebentar tadi dan di sini saya sertakan beberapa penjelasan dan jawapan-jawapan bagi persoalan yang ditimbulkan.

■1710

Pertama sekali, daripada Ahli Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair yang ingin mendapatkan penjelasan sama ada mahkamah telah bersedia dengan kemudahan teknologi untuk menjalankan perbicaraan dalam talian.

Pada masa ini, kesemua lokasi Mahkamah Tinggi, dan sebahagian lokasi Mahkamah Rendah di Semenanjung, dan semua lokasi Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rendah di Sabah dan Sarawak telah dilengkapi dengan kemudahan teknologi.

Pada tahun 2021, kesemua lokasi mahkamah rendah di Semenanjung akan dilengkapi dengan kemudahan teknologi dan sistem untuk tujuan *Case Management System* (CMS). Penambahbaikan dan perluasan pemakaian teknologi yang dirancang adalah seiring dengan pindaan yang dicadangkan pada hari ini.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga telah menyentuh tentang budi bicara Hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret dan pihak-pihak yang berkepentingan perlu diambil kira.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, seperti mana pindaan pada Akta Mahkamah Kehakiman, *online hearing* di peringkat Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret juga merupakan satu pilihan ataupun alternatif kepada pihak-pihak. Sekiranya hakim atau majistret mendapati bahawa sesuatu kes tersebut tidak sesuai untuk dijalankan secara *online*, maka prosiding akan dijalankan secara fizikal.

Pindaan terhadap Akta Mahkamah Rendah tidak mengambil ataupun tidak menghapuskan kuasa budi bicara hakim dan majistret. Ini bermakna bahawa budi bicara hakim dan budi bicara majistret adalah masih merupakan keutamaan kepada sistem prosiding kehakiman.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga menyentuh tentang jika ada pihak-pihak yang tidak berpuas hati dengan keputusan melalui *online*, adakah pihak-pihak ini boleh merayu untuk menjalankan perbicaraan secara konvensional? Keputusan mahkamah yang dibuat melalui atas talian

adalah sebaik, *as good as* keputusan yang dibuat dalam mahkamah fizikal. Rayuan adalah terhadap keputusan yang dibuat dan bukan kaedah ataupun metode perbicaraan yang dijalankan.

Apabila kita menjalankan perbicaraan secara *online* dengan kaedah-kaedah tersebut, ia adalah setaraf dengan kaedah-kaedah yang dijalankan secara fizikal. Cuma, rayuan adalah tentang keputusan. Itu adalah merupakan satu amalan biasa dalam perbicaraan.

Kemudian yang seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair juga membangkitkan tentang bagaimana menangani isu saksi yang diancam sekiranya menggunakan *online hearing*. Buat masa ini, kes-kes yang menggunakan *online hearing* tidak melibatkan saksi. Perincian mengenai kes-kes ini dan cara pengendaliannya akan dibuat di dalam arahan amalan yang dikeluarkan. Jadi bermakna, hanya kes-kes yang tidak menggunakan saksi buat masa ini dibenarkan untuk dijalankan secara *online hearing*.

Selepas mungkin semua perkara *improve*, dengan izin, maka mungkinlah sampai kepada tahap di mana saksi-saksi juga mungkin yang terlibat secara *online*. Akan tetapi setelah satu penambahbaikan dan juga satu pengesahan tentang sistem ini dibuat oleh pihak yang berkenaan.

Saya juga ingin merujuk kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad, soalan yang dikemukakan saya rasa tiga kali dalam masa berbahas tadi iaitu berkenaan dengan kenapa dalam muka surat dua rang undang-undang menggunakan bahasa Inggeris?... [*Merenung teks ucapan*] Makin malam, tidak mengapa [*Ketawa*] Bagi Akta Mahkamah Kehakiman 1964, teks sahih, dalam undang-undang ini ada teks sahih ataupun teks yang belum lagi disahihkan.

Jadi, bagi Akta Mahkamah Kehakiman 1964, teks sahih adalah bahasa Inggeris. Jadi, apabila kita *table* kan untuk tujuan pindaan dan sebagainya, kita kena merujuk kepada teks sahih. Akta Mahkamah Rendah 1948, teks sahihnya juga dalam bahasa Inggeris. Manakala, Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah, teks sahihnya dalam Bahasa Melayu. Bagi ketiga-tiga akta ini, terdapat terjemahan teks Bahasa Kebangsaan.

Actually, ada teks Bahasa Kebangsaan, namun masih belum ditetapkan sebagai teks sahih di bawah Akta Bahasa Kebangsaan, dan perkara ini boleh diusulkan untuk dijadikan teks sahih.

Jadi maknanya, ini sebagai satu proses dan mungkin kita akan merujuk lagi kepada Jabatan Peguam Negara supaya dapat mempercepatkan proses menjadikan akta ini sebagai teks sahih.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah tidak kita boleh katakan terlalu gaduh atau persiapan tidak lengkap, pasal memang tidak boleh itu. Saya pun rasa kalau *lawyer*, peguam, saya rasa sudah ada kan. Tak kan Dewan Bahasa dan Pustaka tidak boleh respons benda ini. Terima kasih.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Sebenarnya, banyak lagi teks akta dan juga rang undang-undang yang terdahulu, yang agak lama, yang belum siap proses pengesahan teks tersebut. Ini saya agak sukar hendak menjawab agak tepat kerana ia di bawah bidang kuasa Jabatan Peguam Negara dan juga Dewan Bahasa dan Pustaka. Jadi, mungkin ada kekangan-kekangan di peringkat jabatan-jabatan berkenaan.

Insya-Allah kita akan merujuk kepada pihak-pihak yang berkenaan untuk mengangkat cadangan Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad supaya perkara ini kita mempercepatkan, mengesahkan dan mensahihkan teks-teks bahasa Inggeris ke dalam bahasa Malaysia. Terima kasih kepada cadangan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan-jawapan yang dapat disediakan bagi persoalan yang ditimbulkan. Saya bagi pihak Bahagian Parlimen dan Undang-undang ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan juga kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah pun memberikan pandangan-pandangan, memberikan teguran-teguran serta pertanyaan-pertanyaan bagi kita mengemaskinikan lagi pindaan akta yang telah dimaksudkan.

Saya juga mengucapkan ribuan terima kasih bagi pihak Menteri, di atas sokongan kepada seluruh Ahli Yang Berhormat Senator yang telah pun memberikan sokongan kepada pindaan akta ini. Terima kasih. Sekian Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, telah menjawab yang kita soal tadi dan juga telah menjawab perkara yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad tadi. Terima kasih.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa]***

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

[Fasal-fasal 1 hingga 4 diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique] dan diluluskan]

■1720

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KAEDAH-KAEDAH MAHKAMAH RENDAH (PINDAAN) 2020

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.22 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955, iaitu Akta 55 adalah suatu akta bagi mengawal selia dan menetapkan amalan dan tatacara dalam prosiding di mahkamah rendah di Malaysia dan mula berkuat kuasa di Semenanjung Malaysia pada 15 Jun 1955 dan di Sabah dan Sarawak pada 1 November 1971.

Antara perkara yang diperuntukkan dalam Akta 55 adalah berkenaan dengan penubuhan dan keanggotaan jawatankuasa kaedah-kaedah kewajipan jawatankuasa dan kuasa yang terletak hak kepada jawatankuasa. Cadangan untuk meminda Akta 55 adalah bagi membolehkan jawatankuasa membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan prosiding melalui teknologi komunikasi jarak jauh bagi mahkamah rendah.

Pindaan ini merupakan pindaan berbangkit susulan pindaan kepada Akta Mahkamah Rendah 1948 iaitu Akta 92. Rang Undang-undang Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah (Pindaan) 2020 ini telah diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara dan pada 24 Julai 2020 rang undang-undang ini juga telah diluluskan oleh Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 7 Ogos 2020. Cadangan untuk meminda Akta 55 ini melibatkan pindaan kepada tiga peruntukan sedia ada. Fasal-fasal pindaan adalah seperti berikut.

Fasal 1 adalah mengenai tajuk ringkas dan peruntukkan mengenai permulaan kuat kuasa rang undang-undang ini.

Fasal 2 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda seksyen 2, Akta 55 untuk memasukkan takrif baharu teknologi komunikasi jarak jauh.

Fasal 3 rang undang-undang ini bertujuan untuk meminda subseksyen 3(2), Akta 55 berhubung dengan keanggotaan Jawatankuasa Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah.

Di bawah pindaan yang dicadangkan, keanggotaan Hakim Kanan Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur digantikan dengan keanggotaan Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan. Penggantian ini adalah wajar dan suai manfaat kerana Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan adalah ketua jabatan bagi Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) dan merupakan jawatan pegawai undang-undang tertinggi di PKPMP.

Sebagai ketua jabatan, beliau bertanggungjawab memastikan proses kerja dan tatacara di mahkamah yang terpakai bagi pegawai kehakiman, pengamal undang-undang dan orang awam adalah teratur.

Fasal 4, rang undang-undang adalah bertujuan untuk meminda seksyen 4, Akta 55, bagi memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kaedah-kaedah untuk mengawal selia dan menetapkan tatacara dan amalan yang harus diikuti berkenaan dengan prosiding mahkamah yang dijalankan melalui teknologi komunikasi jarak jauh.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan pindaan kepada Akta 55 adalah kesinambungan daripada pindaan kepada Akta 92 yang memberi kuasa kepada Jawatankuasa Kaedah-kaedah untuk membuat kaedah-kaedah berkenaan dengan prosiding mahkamah melalui teknologi komunikasi jarak jauh agar prosiding di mahkamah dapat dijalankan dengan lebih teratur, efisien dan berlandaskan peruntukkan undang-undang. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada sesiapa yang menyokong?

Menteri Perpaduan Negara [Datuk Halimah binti Mohamed Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti. Jemput ya, jemput...

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Sorry-sorry.*

Timbalan Yang di-Pertua: Jemput Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad. Silakan Yang Berhormat. Sila... [*Dewan ketawa*]

5.28 ptg.

Tuan Sr. Haji Mohd Apandi bin Mohamad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam merdeka Tuan Yang di-Pertua dan sahabat-sahabat Yang Berhormat Senator sekalian. Pertama sekali saya mohon maaf kerana mendahului Tuan Yang di-Pertua sebelum keizinan diberikan kepada saya untuk berucap... [*Membaca sepotong doa*] Sebelum saya meneruskan membicarakan tentang rang undang-undang ke-10 bagi penggal kali ini iaitu rang undang-undang meminda Akta Kaedah-kaedah Mahkamah Rendah 1955. Tadi adalah Akta Mahkamah Rendah 1948, bermakna ini adalah tatacara, prosedur dengan izin untuk pengendalian kes dalam mahkamah rendah itu sendiri.

Sebelum itu saya mengajak untuk kita merenung firman Allah SWT dalam Surah Taha ayat 25 hingga ayat 28 yang mudah. Ayat ini Allah SWT menyuruh Nabi Musa AS semasa bertemu dengan Firaun- Raja yang paling berkuasa sejarah manusia, sejarah kerajaan pernah diciptakan kerana sudah ada satu juta lebih tentera pada zaman tiga empat ribu tahun dulu. Walaupun Nabi Musa AS ini memang dijadikan Allah SWT mungkin dia punya ceramah ataupun pertuturan dia tidak selancar yang kita diberitahu, tetapi Allah SWT minta dia membaca doa ini untuk bertemu dengan Nabi Musa AS supaya dia boleh, dengan izin, *convince* Nabi Musa AS... [*Membaca sepotong doa daripada ayat Quran, surah Taha 20:25-28*]

■1730

Simple, mudah yang bermaksud, wahai Tuhan ku lapangkanlah bagi ku dada ku dan mudahkanlah bagi ku tugas ku dan lepaskanlah simpulan dari lidah ku supaya mereka faham perkataan ku. Itulah hasrat yang ada pada setiap Yang Berhormat Senator pada petang inilah. Makna hendak suruh kita cakap lancar dan semua orang faham. Kita pun tidak kekok, tidak keluh kesah dan tidak gagap, gugup.

Jadi, kita tengok bahawa selepas akta itu dibuat oleh kerajaan-kerajaan terdahulu, Kerajaan British lagi pada tahun 1948 maka selepas itu disambung dengan kaedah-kaedah pula Akta Mahkamah Rendah 1955. Cuma sekali lagi, Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri sekali lagi saya hendak komen juga. Ini kena teliti sedikit fasal kita hendak jadi *world class Parliament, insya-Allah*.

Saya baca pindaan seksyen 4, nombor 4. Seksyen 4, Akta Ibu dipinda dengan memasukkan selepas perenggan (a) perenggan yang berikut. Dalam (aa) dengan izin. "Bagi mengawal selia dan menetapkan tatacara dan amalan yang hendaklah diikuti di Mahkamah

Rendah dalam segala kausa.” Ini perkataan baharu saya, saya rasa belum ada lagi. “Segala kausa dan perkara apa jua pun dalam atau yang berkenaan dengan pendengaran apa-apa perkara atau prosiding melalui suatu teknologi komunikasi jarak jauh.” Saya rasa perkataan yang betul adalah “klausu”...

Seorang Ahli: Kausa.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Ha?

Seorang Ahli: Ada “kausu”, ada.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tiada? Terima kasih. Satu ilmu baru bagi saya... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] Inilah kelebihan beritahu pada walaupun satu ayat. Terima kasih. Saya ingatkan klausu. Okey, tidak apalah. Walau macam mana pun, tatacara ini setelah kita bincangkan tadi, cuma sekali lagi saya menyokong penuh hasrat kerajaan yang ada hari ini untuk meneruskan usaha-usaha memodenkan lagi, mengkinikan lagi prosedur ataupun prosiding semua mahkamah. Bermula daripada Mahkamah Seksyen, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Rayuan dan juga Mahkamah Persekutuan.

Insya-Allah mudah-mudahan dengan pengenalan dan dengan lulusnya rang undang-undang ini membantu seluruh rakyat jelata khususnya yang terlibat dengan kes-kes perbicaraan, pertama dari sudut tidak perlunya mereka menunggu lama kerana *insya-Allah* kes-kes ini dapat dikendalikan dengan lebih cepat. Begitu juga, *insya-Allah* kalau dengan perancangan yang teliti oleh pihak mahkamah itu sendiri dengan kerjasama Majlis Peguam dan peguam-peguam, kemungkinan kos untuk menghadiri kes-kes perbicaraan itu dapat dijimatkan terutamanya bagi OKT. Jadi *insya-Allah*.

Dengan ini kita harap sangatlah kalau boleh Yang Berhormat Parlimen ke Yang Berhormat Senator, kita cuba diajak untuk *practical training* bukan praktikal- kita yang tidak *lawyer*- kita tidak peguam hendak jadi peguam, tak. Akan tetapi kes yang sedang berjalan, kita dijemput untuk taklimat seperti mana Yang Berhormat Menteri Perpaduan panggil kita tengah hari semalam untuk beri taklimat.

Jadi, dengan izin, *it's very interesting*. Kita boleh tengok. Saya rasa *insya-Allah* mungkin untuk menjatuhkan hukum oleh Hakim pun dia akan jadi cepat. *Insya-Allah* kalau kita bermula daripada Mahkamah Seksyen dan dari Mahkamah Rendah lagi kita sudah mula dengan *online*, dengan izin, dengan menggunakan teknologi terkini, kerana telefon ini sudah berubah banyak. Saya ingat saya dahulu beli telefon *Panasonic* dengan *Sony Ericsson handphone*. *Handphone* dahulu saya rasa tiga kilogram atau empat kilogram, saya lupalah. Empat kilogram atau lima kilo.

Kami antara yang terawallah pakai dalam Malaysia itu, *Panasonic* dan juga *Sony Ericsson*. Harga pun dalam sebanyak RM12 ribu, mula-mula di-*introduce*. Masa itu

sebanyak RM12 ribu. Sekarang ini *handphone* canggih sudah, harga RM500 pun sudah canggih. Terima kasihlah kepada Parlimen kerana telah memberi peluang kepada kami Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat Senator untuk diberi subsidi untuk *phone* yang tidak melebihi sebanyak RM2,000. Terima kasih.

Cuma *insya-Allah* teknologi telah berkembang pesat dan kos-kos peralatan tersebut kerana, dengan izin, *competition* antara pengeluar-pengeluar produk ini telah menjadi makin murah kecuali syarikat di Malaysia ini entah hilang di mana ya. Macam laju dah dahulu, tiba-tiba senyap yang hendak buat *handphone* dahulu. Saya kira-kira sepuluh tahun yang lepas. Nama pun saya sudah lupa. Kalau dia buat, kita boleh berbanggalah *handphone* buatan Malaysia tetapi dia terhenti di sekerat jalan.

Begitu juga dengan pengendali talian *telco* ini umpamanya, dahulu kita ada *Astaghfirullah* maaf, MIMOS ke apa diamanahkan untuk menjadi pengendali dan pembekal kepada laluan jalur lebar tetapi juga terhenti di separuh jalan. MIMOS pun nampak sudah dipotong sudah JARING, dengan izin. JARING telah dipotong oleh syarikat-syarikat *telco* padahal MIMOS itulah yang kita hendak jadikan satu asas kepada pemajuan dan sektor telekomunikasi dengan penggunaan *fiber optic*, dengan izin.

Jadi sekarang ini *insya-Allah* kita mohon bilamana kerajaan sudah hendak memperkenalkan, dan menggunakan sistem telekomunikasi berjarak jauh ini, pastikanlah juga maknanya dengan izin infrastruktur itu memenuhi. Nantikan [*Ketawa*] ada isu dekat situ, jadi menyebabkan banyak kes yang tertentu macam, dengan izin, *back-up service* misal kata. Tiba-tiba apa jadi *back-up service*? Mungkin mahkamah itu tergendala sudah tergendala. Ini memberi satu tanggapan yang tidak baik oleh rakyat Malaysia kepada kerajaan itu sendiri.

Saya minta kalau boleh fikirkan macam kita kata di hospital bila mana bekalan air oleh jabatan kerajaan terputus ataupun elektrik terputus, maka dia ada *back-up service* dia, dengan izin. Hospital ada *back-up service* sama ada elektrik dan air. Kalau tidak *naya*, kesian dekat yang duduk dalam *operation theatre* itu, dengan izin.

Jadi kita minta perkara yang sama juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan supaya baguslah cita-cita kita dan saya sangat menyokong. Dalam kita menggunakan teknologi jarak jauh ini selaras dengan peredaran masa dan zaman, tetapi pastikan juga maknanya *back-up service* itu tidak ada supaya tidak merugikan kos kepada mana-mana pihak. Kita takut nanti syarikat-syarikat peguam mula mengenakan caj-caj kepada kerajaan kerana dikira kesilapan bukan di pihak dia tetapi kepada pihak kerajaan. Ini perlu diambil perhatian yang serius oleh pihak kerajaan.

Di samping itu juga, saya mohonlah kalau boleh lepas pada ini pihak kerajaan cuba tengok balik kos penjimatan yang berlaku bilamana berlaku kita cuba amalkan ini. Cuba

tengok publik bentangkan pada kita dengan *test case* beberapa mahkamah ke Mahkamah Majistret ini kita tengok dan kita buat perbandingan. Jadi *insya-Allah*, bilamana kita boleh buktikan kejayaan kita menjimatkan kos, menjimatkan masa dengan buat satu perbandingan lima tahun terdahulu dengan terbaharu, mungkin berapa tahun kita tengoklah *yardstick*, dengan izin, ukuran- *yardstick*, kita ambil itu satu tahun, ke dua tahun, *insya-Allah* lagi memberi keyakinan kepada rakyat tentang penggunaan dengan izin IT, telekomunikasi jarak jauh dalam sesi-sesi perbincangan yang bakal dilakukan.

Akan tetapi saya lagi tekankan kalau boleh bagilah peluang dekat kami ini jemputlah satu dua tiga tempat supaya kita boleh, dengan izin, *live simulation* itu kita berada dan kita boleh menjadi jurucakap kepada kerajaan dan kepada masyarakat kerana kita semua adalah merupakan, dengan izin, *the spokesman of the government*, *insya-Allah*. Jadi *insya-Allah*, mudah lagilah kerja kepada pihak kerajaan.

Jadi, saya lagi sekali mohon menyokong tetapi minta kerajaan pastikan jangan dijadikan alasan sekiranya berlaku kemungkinan talian-talian tersebut tergendala. *Wallahua'lam. Wabillahi taufik wal hidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

■1740

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam.* Terima kasih Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Terima kasih ya.

Seorang sahaja bab ini dan saya minta tadi Yang Berhormat Menteri menjawab.

5.40 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)
[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih dan kepada Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi yang tunggal berbahas dalam pindaan rang undang-undang ini. Cuma saya ingin mengambil kesempatan untuk menjelaskan, apakah maksud “kausa” dan apakah maksud “klausa”.

“Kausa” adalah istilah tindakan undang-undang dalam perkara sivil dipanggil kausa tindakan ataupun *course of action*.

Manakala “klausa”, ia adalah merupakan perkataan bagi menunjukkan satu peruntukan, klausa satu maknanya peruntukan satu. Jadi perbezaan maknanya begitu jauh sekali cuma sebutan dia sahaja agak dekat. Saya pun baru dapat dengar perkataan kausa ini beberapa minggu yang lepas.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Yang Berhormat Menteri. Dalam Orang Putih dia kata, “*cause*” yang mengakibatkan.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Sudah ada perkataan yang mengakibatkan ini menjadi “kausa” sekarang. Dalam Dewan Bahasa dan Pustaka sudah menerima ayat itu?

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya. *Cause* kepada kausa ini mungkin telah pun dijadikan bahasa...

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Ia bahasa Inggeris memang *the cause*, disebutkan *cause*.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: *C-a-u-s-e*. Sudah ada ya? Terima kasih atas maklumat tersebut tetapi yang tadi itu saya hairan, kalau yang ini sudah ada kausa ini baru lagi timbul perkataan “kausa”, yang tadi tiba-tiba tidak ada lagi. Dewan Bahasa dan Pustaka belum bermesyuarat lagi. Yang tadi lagi mudah saya tengok.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya.

Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: ...Yang akta nombor sembilan ini.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Kausa ini akta dalam perundangan. Jadi kalau kita buka dalam buku istilah-istilah perundangan banyak perkataan-perkataan Inggeris yang telah dimelayukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka dan salah satunya adalah *cause* tadilah. *Cause* yang dijadikan kausa. Jadi ia telah digunakan sebagai bahasa perundangan dalam apa-apa juga peruntukan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, itulah sahaja jawapan yang dapat diberikan dan yang lain-lain adalah merupakan cadangan. Saya bagi pihak kerajaan mengambil berat tentang cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi tadi dan penilaian semula tentang kos-kos yang digunakan dan sebagainya dalam bentuk satu laporan kajian, *insya-Allah* akan dikemukakan apabila undang-undang ini diluluskan dan kita melaksanakannya. Jadi pengukuran itu, kita bersetuju sebagai indeks kepada kejayaan bagi pelaksanaan sistem *online hearing* ini, *insya-Allah*.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada semua yang terlibat. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam*. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Sudah jawab ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 4** diperintahkan jadi sebahagian daripada rang undang-undang]*

[Rang undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga, disokong oleh Menteri Perpaduan Negara (Datuk Halimah binti Mohamed Sadique) dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, izinkan saya hendak bercakap sedikit. Hari ini hari yang bersejarah bagi saya, 23 September 2020 merupakan hari yang penuh bersejarah iaitu hari terakhir saya mempengerusikan Dewan Negara. Lebih kurang lima, enam tahun, tamat pada 2 November 2020. Bak kata orang Melayu, "Datang nampak muka, balik nampak belakang. Datang bersalam, balik bersalam-assalamualaikum."

Ahli-ahli Yang Berhormat, *alhamdulillah* syukur dan nikmat dirafakkan kepada yang Maha Berkuasa kerana memberi saya peluang untuk terus menabur bakti sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara. Itu yang saya dapat ya. Ini saya telah banyak buat tadi, jadi saya tahu bahawa bermula sebagai kita punya Yang di-Pertua. Bermula saya dapat jadi sebagai Senator biasa, jadi banyaklah saya telah buat, macam-macam awal dan akhir. Saya bermula sebagai Senator pada 3 November 2014, dan tamat tempoh 22 November 2020.

Lantikan pertama sebagai Timbalan Yang di-Pertua Dewan Negara 18 April 2016, akhirnya 22 November... *[Perkataan kurang jelas]* Itu dia tadi ya. Selepas itu, lantikan kedua 3 November 2017 hingga 2 November 2020, itulah. Enam tahun, lima tahun sebagai Timbalan Speaker. Bersyukurlah saya. Semasa itu saya di bawah seorang tokoh Speaker, saya hendak mencatatkan terima kasih saya, tunjuk ajar dia, ilmunya saya dapat dari dia.

Dia seorang Speaker yang sangat prihatin dan berhati mulia iaitu Yang Berhormat Senator Tan Sri Abu Zahar Ujang, itu dia. Dia telah banyak memimpin saya, budi bahasa yang baik dan tunjuk ajar saya termasuk juga Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Sri SA. Vigneswaran, dia pula. Tepuk tangan sekali lagi... *[Tepuk]* Daripada 2 September 2020,

ya hingga akhir. Tidak saya lupakan iaitu akhir ini, Yang Berhormat Senator Tan Sri Dato' Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, 2 September 2020.

■1750

Satu tokoh yang terkenal dengan ilmunya, ilmu dalam bidang undang-undang dan politik. Saya percaya beliau akan dapat mempertingkatkan lagi kita punya kewibawaan *Insyah-Allah*, tepuk tangan sedikit kepada dia... [*Tepuk*] Ahli-ahli Yang Berhormat, saya hendak beritahu.

*Pisang emas di bawah belayar;
Perahu nelayan penuh sarat;
Hutang emas boleh saya bayar;
Hutang budi sampai akhirat... [Tepuk]*

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya menambah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Saya bersama- saya secara peribadi, ingin mengucapkan selamat bersara kepada Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [*Berucap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Timbalan Yang di-Pertua: Belum lagi. Nanti sekejap.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Maknanya, sidang ini merupakan sidang terakhir bagi Tuan Yang di-Pertua. Sidang akan datang beliau tidak ada lagi bersama dengan kita.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti, saya ada bercakap lagi. Saya hendak sambung, ada lagi. Jadi, kerjasama yang amat baik dan berkematangan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sangat saya suka hati. Saya rasa menang, saya terasa saya disayangi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasalah, orang tua ya, itu dia. Saya tahu bahawa faham apa dikatakan politik itu. Di dalam politik ini, saya berpendapat sahabat tidak berpanjangan, musuh tidak berlarutan, yang berpanjangan dan berlarutan hanyalah matlamat perjuangan... [*Tepuk*] Itu Ahli Yang Berhormat ya.

*Hidup ini jangan gelisah;
Hati tenang tidak terasa;
Adat bertemu adat berpisah;
Moga-moga berjumpa di lain masa... [Tepuk]*

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa sangat senang hati dapat banyak kawan-kawan, saya rasa. Ramai kawan-kawan, kalau saya hendak sebut itu banyak sangat ini. Di

antaranya kawan-kawan saya yang baru, adalah, ramai seperti Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Ramai lah yang menghiburkan hati saya... [*Tepuk*] Terang-terang cakap, betul. Saya rasa, *I learn more*. Bila saya berjumpa Ahli-ahli Yang Berhormat ini, saya rasa betapa tebalnya belantara ilmu itu.

Datuk Razali bin Idris: *I love you* Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, saya nampak. Makin ku tebas dan terbang hutan itu, terasa oleh ku betapa tebalnya belantara itu. Ilmu saya dapat daripada Ahli Yang Berhormat ya. Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat. Jadi...

*Bila malam ku mula berdendang;
Tidur lena ku indah bermimpi;
Janganlah pergi tidak berpandangan;
Nanti ku rindu rasa sepi... [Dewan riuh]*

Ingat Ahli Yang Berhormat ya. Pada tahun ini, kita ada bermacam-macam masalah, di mana keluarga kita ada yang terkorban, kita dilanda COVID-19. Kita doakan selamat dan kita ucapkan syabas dan tahniah kepada barisan hadapan kita yang berjuang untuk kita dan kita doalah mudah-mudahan dihapuskanlah.

*Di atas bukit tanamnya ubi;
Burung tempua buatnya sarang;
Bukan budi sebarang budi;
Budi baik dikenang orang... [Tepuk]*

Kita buat macam-macam, *very peaceful*, hati kita tidak panas, otak *cool* sahaja kita. Saya senang bahawa saya dapat banyak ilmu daripada Ahli-ahli Yang Berhormat saya hari ini.

*Kisah dicerita dengan pantun;
Penuh teladan isi padat;
Silap bermadah tidak bersantun;
Maaf dipinta orang beradat.*

Saya minta kalau salah pantun saya, Yang Berhormat. Itulah saya rasa ini. Tuan-tuan sekalian, jangan lupa tadi, buatlah apa yang patut untuk kita semasa di sini supaya kita esok tidak menyesal. *Do all the best* apa yang kita buat itu. Apa yang kita buat ini ialah untuk kepentingan negara kita, jadi kenangan kita. Buatlah semasa kita ada kuasa ini iaitu bak kata orang tua-tua tadi.

*Bukannya Melayu bukannya Boyan;
Anak haruan dalam lumpur;
Biar kita menangis dalam buaian;
Jangan kita menangis dalam kubur... [Tepuk]*

Buat sekarang ini, tidak esok menyesal.

Yang Berhormat Senator sekalian, saya mengucapkan terima kasih juga kepada staf yang menjayakan dan tidak lupa saya kepada iaitu Encik Muhd Sujairi bin Abdullah, Setiausaha Dewan Negara... [Tepuk] Encik Riduan bin Rahmat, mantan Setiausaha Dewan Negara, dan Puan Adlina Aisyah binti Ahmad Rusli. Termasuk juga Yang Berbahagia Datuk Kamis bin Samin, Ketua Pentadbir Parlimen Malaysia. Banyak kerjasama daripada staf dia, dan staf saya, Encik Ali bin Isa- Setiausaha Sulit Kanan saya, dan Puan Jamilah Intan binti Bohari- Setiausaha Sulit saya.

Ramai lagi yang membuat saya rasa cukup sukacitanya, terus terang cakap. Macam saya yang tidak muda, apa hiburan yang kita- adalah apabila orang hormai kita, betul atau tidak? Bukan duit. Apabila orang menghormati kita dan kita sampaikan apa yang patut. Budi kita jangan lupa, itu penting sangat. Saya ingat apa yang Ahli Yang Berhormat buat. Saya minta maaf apa salah silap. Jadi, nanti jangan lupa tegur sayalah kalau jumpa. Walaupun saya bukan lagi Speaker, salam dengan saya, itu hormai saya. Yang Berhormat- Yang Berhormat, saya rasa banyak penting.

*Tenang-tenang air di laut;
Sampan kolek mudik ke tanjung;
Hati saya teringat mulut saya menyebut;
Budi baik anda sekalian tetap saya sanjung... [Tepuk]*

Saya ucap berbilang-banyak terima kasih, banyak-banyak budi kamu dikenang. Jangan lupa, kita bersahabat sampai akhirnya. Sila.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sudah habis? Belum lagi? Okey. Tuan Yang di-Pertua, yang cukup saya kasihi, sifu saya, guru saya, Datuk Seri Haji Abdul Halim bin Abd. Samad.

Sebelum itu, ingin saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah pun mengetuai Dewan ini, yang menjadikan kita Ahli-ahli Senator, insan yang saya rasa cukup berbudi bahasa dan bersopan santun. Di atas bimbingan Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek nilai-nilai murni yang telah pun Tuan Yang di-Pertua sentiasa tekankan dari semasa ke semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya berasa cukup bertuah kerana kita dilantik di masa yang sama. Di hari pertama pada tahun 2014, saya pun duduk bersebelahan

dengan Tuan Yang di-Pertua tetapi pada tahun 2016, dia naik pangkat [*Ketawa*] Saya masih seorang Senator sampai *la*. Saya ucapkan tahniah dan terima kasih.

Saya bertuah kerana persahabatan, yang sebenarnya Yang Berhormat Datuk Seri Haji Abdul Halim ini kalau Yang Berhormat semua perhatikan, seorang insan yang cukup berhati mulia, cukup bersopan santun, cukup berbudi bahasa. Saya rasa cara beliau itu telah mempengaruhi kita apabila kita berbahas di dalam Dewan ini.

Ini kerana kita sentiasa ditekankan dengan aspek-aspek berbudi bahasa tadi, bersopan santun dan mengamalkan nilai-nilai murni. Maka dengan itulah, macam dikatakan sahabat saya, Yang Berhormat Senator Tuan Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad. Dia sudah lama dalam politik, dalam Dewan Rakyat bagai hendak gila dekat sana. Sini kita semua berbudi bahasa dan otak kita baik dan betul, maksudnya macam itulah.

Yang Berhormat, saya hendak jelaskan di sini Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih dan tahniah. Terima kasih yang cukup banyak daripada kita. Tuan Yang di-Pertua, kalau tuan-tuan perhatikan cara beliau mentadbir, yang pertama, memang penekanan kepada pantun. Di hari pertama, beliau akan memulakan dengan pantun dan pantun itu yang sebenarnya bukan suka-suka. *la* mempunyai isi yang begitu padat. Berkaitan dengan nilai-nilai yang saya katakan tadi.

Di mana kalau saya kutip satu persatu, saya rasa banyak. Pertama, saya tasa beliau amat menekankan kepada kesetiaan, khususnya kesetiaan kepada negara. Ini selalu saya perhatikan menjadi satu moto kepada beliau, kesetiaan. Bahkan, beliau juga menekankan kesetiaan dan menghormati bukan sahaja sesama insan tetapi menghormati negara, menghormati pemimpin.

■1800

Beliau selalu menekankan perkataan, “Yang tua dihormati, yang muda dikasihi”. Kami dulu *first time* dengar itu, kami cakap dengan dia, “Boleh tukar sedikit atau tidak?” “Yang tua dihormati, yang muda-muda itu kami hendak.” Itu *the first round* [*Ketawa*] Sebab apa, itu kali pertama kita dengar sifu Halim ini. Itu.

Penekanan di sini walaupun kita lihat *simple*, penekanan kepada kesetiaan, kepada berbudi bahasa, penekanan kepada menghormati. Itu sebab, *alhamdulillah*, pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, memang kita mengamalkan apa Tuan Yang di-Pertua pertekankan.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato’ Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Macam kita selalu katakan, antara kita di dalam Dewan ini pun tidak kira apa bangsa, kita tidak rasa sedikit pun perbezaan. Saya setuju dengan Yang Berhormat Senator Apandi tadi, kita langsung rasa yang kita ini memang macam adik-beradiklah. Tidak ada langsung perasaan

iri hati kah, benci kah, tidak ada. Saya secara peribadi pun kalau saya ada benda-benda yang tidak sedap, saya selalu akan berbincang di luar dan kita akan ceritakan pandangan, *view*, tetapi tanpa ada gaduh apa benda pun. Tanpa ada gaduh walaupun kita tahu banyak perbezaan. Ini saya ucapkan terima kasih kerana itu *contribution* Datuk Seri Halim kepada kita.

Saya perhatikan Datuk Seri Halim ini suka tolong orang. Itu saya tahu, ramai orang yang dia tolong dan saya pun pernah ditolong yang sebenarnya. Dia ambil berat. Dia akan tanya kita macam mana, macam mana, dia akan ambil berat, dia akan cuba usaha. Seorang yang sentiasa tenang dan tidak pandai marah. Mana kita tengok dia pernah mengeluarkan perkataan yang kasar ataupun menunjukkan muka yang marah.

Ya, enam tahun saya bersahabat dengan Datuk Seri Halim, saya rasa memang kita amat berpuas hati dan saya rasa bagi pihak semua yang ada, kita mengucapkan berbilang-banyak terima kasih dan tahniah. Semoga persaraan Datuk Seri Halim ini tidak memutuskan persahabatan kita.

Datuk Seri Halim bukan sahaja berbudi bahasa tetapi juga berbudi kepada tanah. Beliau mempunyai kebun durian Musang King yang besar dan juga madu kelulut. Jadi kita harapkan satu hari nanti bila Musang King dia sudah jadi, ramai-ramai kita pergi.

Timbalan Yang di-Pertua: *Insyallah*.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Makan Musang King dia.

Timbalan Yang di-Pertua: Memang niat saya.

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Jadi, Datuk Seri Halim, bahkan saya hendak ambil sedikit masa.

Sebenarnya saya pun- saya ingatkan sesi yang terakhir bulan 12 ini tetapi rupanya *schedule* telah ditukar. Ia bermula- sepatutnya *ended by 10th of December* tetapi bermula pula *14th of December. My last day is 10th of December*. Habis tidak ada *chance*. Saya *dok* ingatkan saya hendak menggulung sebelum saya balik [*Ketawa*] Tidak dapat hendak menggulung rupanya. Kempunan.

Walau bagaimanapun, *insyallah*, yang saya hendak tekankan secara peribadi, terima kasih banyak juga dan saya harapkan kita sebagai rakyat Malaysia, saya selalu tekankan, marilah kita bersatu-padu, perpaduan untuk negara kita.

Datuk Seri Halim, saya pun tidak pandai hendak berpantun. Saya dapat kawan di sebelah saya ini *dok* cucuk satu pantun. Saya ini orang Melaka tetapi saya tidak pandai pantun. Itu kelemahan saya [*Ketawa*] Saya mungkin ada kekuatan benda lain tetapi pantun saya tidak ada. Walau bagaimanapun, saya dapat pantun *free* daripada Yang Berhormat Senator Isa.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Benda apa itu, Yang Berhormat? Yang kekuatan itu benda apa?

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: *[Ketawa]*
Okey.

*Ayam hutan terbang ke hutan;
Tali sangkut pagar berduri;
Adik bukan saudara pun bukan;
Hati tersangkut kerana budi... [Tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, terima kasih. *Alhamdulillah.*

Prof. Emeritus Tan Sri Dato' Seri Dr. Ibrahim Shah bin Abu Shah: Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ada lagi?

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya sedikit, mewakili Majlis Senator sebab Presiden duduk di luar. Jadi, saya mewakili Majlis Senator merakamkan ucapan jutaan terima kasih kepada Timbalan Yang di-Pertua yang tangguh tamat hari ini sebagai Timbalan Yang di-Pertua.

Saya baru dua tahun lebih tetapi saya merasai berada di bawah ayahanda Datuk Seri. Satu pelajaran yang rasanya tidak pernah jumpa sebab hari yang kedua saya sebagai Senator, saya menghadap Timbalan *Speaker*. Tidak menghadap *Speaker* tetapi Timbalan *Speaker*. Tidak tahu macam mana saya pergi jumpa *Speaker*. Ada beberapa perkara yang dinasihatkan dan saya amalkan sehingga ke hari ini.

Jadi penghargaan kami Ahli Senator, kami dapat pesanan daripada Presiden, memohon maaf kalau ada sekiranya tersilap dalam perbahasan, kita bergurau. Mudah-mudahan perbahasan kita, gurauan kita menjadi ikatan daripada semasa ke semasa.

Pada masa yang sama juga, saya merakamkan jutaan penghargaan kepada Yang Berhormat Senator Tan Sri Prof. yang selalunya- dengan Profesor ini, saya pernah jadi kerajaan, dia jadi pembangkang dan hari ini dia jadi kerajaan sama dengan kita. Jadi, kita ada bergaduh, kita tidak bergaduh, kita bergaduh, sekarang kita jadi geng. Jadi, Majlis Senator mengucapkan berbilang-banyak terima kasih jugalah. Banyak buku yang kita belajar dengan Tan Sri Prof.

Penghargaan juga saya nak ucapkan kepada Yang Berhormat Datuk Halimah. Tepuk sikitlah, Yang Berhormat Datuk Halimah ini... *[Tepuk]* Ini penghargaan daripada Majlis Senator, Yang Berhormat Datuk Halimah. Fasal sebelum ini masa Kerajaan Pakatan Harapan dulu, tak pernah ada Menteri macam Yang Berhormat Datuk Halimah, tunggu daripada awal sampai akhir. Hari ini dia ada lagi... *[Tepuk]* Jadi, saya rasa inilah satu contoh Menteri yang mana menghargai Dewan Negara... *[Tepuk]*

Jadi, Majlis Senator sekali lagi mengucapkan jutaan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua. Sekian, *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.*

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Sikit sahaja. Nak ucap terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Walaupun saya tak lama dengan Tuan Yang di-Pertua- saya antara yang paling *junior* di antara yang *junior*, tapi ada benda-benda baik yang dapat saya belajar daripada Tuan Yang di-Pertua dalam mengendalikan sidang Dewan kita. Kepada Tuan Yang di-Pertua, ada dua rangkap pantun.

*Datuk Seri Abdul Halim Abd. Samad;
Tokoh hebat memang smart;
Khidmatnya hampir tamat;
Hukum karma sudah muktamad.*

Saya akan sentiasa mengenang Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan selamat maju jaya. Mudah-mudahan diberikan kesihatan sihat *walafiat* dan, *insya-Allah*, hubungan baik kita berpanjangan selagi hayat di kandung badan.

*Tetak-tetak batang mempelas;
Hendak dibuat pagar ciku;
Budimu tuan tak dapat ku balas;
Ku kenang dikau dalam doaku.*

Sekian, terima kasih... [Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat ya. Ada lagi? Tiada. Jadi kalau begitu, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya rasa terkilan, kalau saya tak cerita siapakah mencadangkan nama saya ke sini. Lantikan Agong itu.

Saya bermula sebagai seorang pendidik- Cikgu Halim. Dan saya pun dapat Bintang Pendidik yang diberi oleh UiTM. Terima kasih.

Saya bermula sebagai guru, kemudian menjadi Pegawai Khas kepada Timbalan Menteri Pelajaran ketika itu tahun 1981 iaitu Dato' Sri Najib bin Tun Razak. Dia balik ke Pahang, dan datang ke sini tahun 1986, dia lantik Cikgu Halim sebagai- dia menjadi Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Saya menjadi Setiausaha Sulit Kanan. Yang Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi jadi Setiausaha Politik.

Selepas lima tahun, Dato' Sri Najib menjadi Menteri Pertahanan, Cikgu Halim pula menjadi Setiausaha Sulit Kanan, Yang Berhormat Dato' Seri Zahid Hamidi jadi Setiausaha Politik. Sejarahanya.

Sudah itu, Yang Berhormat Dato' Sri Najib jadi Menteri Pelajaran, Cikgu Halim jadi Setiausaha Sulit Kanan, Yang Berhormat Dato' Seri Zahid jadi Senator. Itulah akhir umur saya.

Saya pernah juga berkhidmat di bawah Tun Khalil Yaakob semasa dia menjadi Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Yang kita mula muassasah di Mekah itu ya.

Dan pernah juga saya berkhidmat selama lima tahun di bawah Dato' Haji Suhaimi Abdullah. Itulah perjuangan saya dan seterusnya. Jadi, selepas itu cari cara lain dan barulah dilantik dalam KUB, pelajaran dan seterusnya.

Jadi, Ahli-ahli Yang Berhormat, itulah saya nak beritahu jasa mu dikenang. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekali lagi saya lafazkan terima kasih banyak atas sokongan, dukungan yang Ahli-ahli Yang Berhormat beri pada saya, kerjasama, dan doakanlah kita berjaya dan teruskan perjuangan ini. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan itu, maaf zahir batin, Ahli Yang Berhormat sekalian ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan ke suatu tarikh yang tidak ditetapkan. Terima kasih. Sekian. *Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.11 petang]